90-3341

PENGETAHUAN

# ASAS POLITIK MALAYSIA

79 8
9
10
27
28
102 - 104
147
151
152

NASKHAH CONTOH

PENGETAHUAN

# ASAS POLITIK MALAYSIA

Mohd. Foad Sakdan

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
1997

Cetakan Pertama 1997
© Mohd. Foad Sakdan 1997

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohd. Foad Sakdan
Pengetahuan asas politik Malaysia / Mohd. Foad Sakdan.
Bibliografi: hlm. 187-190
Mengandungi indeks
ISBN 983-62-5631-8
1. Malaysia--Politics and government. 2. Political parties--Malaysia--History. I. Judul.
320.09595

M
320.09595
MFS

APB 932204

04 DEC 1997 NASKHAH PEMELIHARAAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan

# KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| *Prakata* | xiii |
| *Singkatan* | xv |
| **A** | |
| Abim | 1 |
| Agensi Pusat | 1 |
| Akta Hasutan | 3 |
| Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) | 3 |
| Akta Rahsia Rasmi | 5 |
| Aktivis Politik | 6 |
| ALIRAN (Persatuan Kesedaran Negara) | 6 |
| Aliran Kiri/Kanan | 7 |
| All Malayan Council of Joint Action (AMCJA) | 8 |
| Amanah Saham Nasional (ASN) | 8 |
| Angkatan Keadilan Rakyat | 9 |
| Angkatan Pemuda Insaf | 9 |
| Angkatan Perpaduan Umah | 10 |
| Angkatan Wanita Sedar | 10 |
| APEC | 11 |
| Asean | 11 |
| **B** | |
| Badan Berkanun | 13 |
| Badan Eksekutif | 14 |
| Badan Perundangan | 15 |
| Bapa Pembangunan | 16 |

Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia (BERJASA) 16
Barisan Nasional 17
Barisan Pemuda Melayu 18
Barisan Rakyat 19
Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA) 19
Barisan Sosialis Rakyat Bersatu (SF) 20
Bersih, Cekap dan Amanah 20
Budaya Politik 22
Buku Hijau 22
Buku Merah 22

C

Calon 23
CHOGM 24

D

Daerah 25
Daftar Pengundi 25
DAP (Parti Tindakan Demokratik) 26
Darurat 1948 27
Darurat di Malaysia 28
Dasar Asia Tenggara Sebagai Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) 29
Dasar Belanjawan Negara 30
Dasar Ekonomi Baru 30
Dasar Kebudayaan Kebangsaan 32
Dasar Kependudukan Negara 33
Dasar Luar Malaysia 34
Dasar Pandang ke Timur 35
Dasar Pelajaran Kebangsaan 36
Dasar Penswastaan 38
Dasar Perindustrian Berat 39
Dasar Pensyarikatan Malaysia 40
Dasar Pertanian Negara 41
Dasar Rancangan Lima Tahun 42
Deklarasi Setapak 45
Demokrasi 45
Demokrasi ala-Westminster 46
Demokrasi Permuafakatan (Politik Kompromi) 47

Desentralisasi 47
Dewan Negara 48
Dewan Rakyat 49
Dewan Undangan Negeri 50
Diskriminasi 52
Dunia Ketiga 53

E

Elit 55
Etnik 56

F

Federalisme 57

G

Gagasan Malaysia 59
Gagasan Rakyat 60
Gerakan Belia 4B 60

H

*Habeas Corpus* 62
Hak Istimewa Orang Melayu 62
Hizbul Muslimin Malaysia 64

I

Ideologi 65
Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) 66
Independence of Malaya Party 66
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) 67

J

Jabatan Perdana Menteri 69
Jabatan Perpaduan Negara 70
*Jus Soli* 70

K

Kabinet 71

Kawasan Pilihan Raya 71
Kebebasan Hak Asasi 72
Kedaulatan 73
Kehakiman 74
KEMAS 75
Kementerian 76
Kempen 76
Kepimpinan Melalui Teladan 78
Kerajaan Tempatan 78
Kesatuan Sekerja 79
Kesatuan Insaf Tanah Air 80
Kesatuan Melayu Muda 81
Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung 82
Ketua Menteri 82
Kewarganegaraan 82
Komanwel 83
Konfrontasi Indonesia – Malaysia 84
Kongres India Muslim Malaysia 85
Konglomerat 85
Kumpulan 11 85
Kumpulan Pendesak 86

L

Larangan Berpolitik 88

M

Maahad Il-Ihya Assyariff Gunung Semanggol 90
MAGERAN 91
Mahkamah Agung 92
Mahkamah Rendah 92
Mahkamah Tinggi 92
Majlis Belia Malaysia 93
Majlis Mesyuarat Kerajaan 93
Majlis Perdagangan Malaysia 94
Majlis Perundingan Ekonomi Negara 94
Majlis Perundingan Negara 95
Majlis Raja-Raja 96
Malayan Chinese Association 97
Malayan Indian Congress 99

| | |
|---|---|
| Malaysia | 100 |
| Malaysian Labour Organization | 100 |
| Malaysian-Malaysia | 101 |
| Malaysian Soliderity Convention | 101 |
| Malaysian Trade Union Congress | 101 |
| Malayan Union | 102 |
| Maphilindo | 104 |
| Masyarakat Majmuk | 104 |
| Mei 1969 | 105 |
| Merdeka | 106 |
| Minoriti | 107 |
| Monarki | 107 |


N


| | |
|---|---|
| Nasionalisme Melayu | 109 |
| National Convention Party | 109 |
| Negeri-Negeri Melayu Bersekutu | 110 |
| Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu | 110 |
| Negeri-Negeri Selat | 111 |


P


| | |
|---|---|
| Parlimen | 112 |
| Parti Bansa Dayak Sarawak | 113 |
| Parti Barisan Rakyat Sabah Bersekutu (BERSEKUTU) | 114 |
| Parti Bersatu Rakyat Bumiputera Sabah (BERSEPADU) | 114 |
| Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA) | 114 |
| Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) | 114 |
| Parti Bersatu Sabah (PBS) | 115 |
| Parti Bumiputera Bersatu Sarawak | 116 |
| Parti Buruh | 116 |
| Parti Buruh Bersatu Sarawak (PLUS) | 117 |
| Parti Cina Sabah (PCS) | 117 |
| Parti Demokratik Bersatu (UDP) | 117 |
| Parti Demokratik India Malaysia | 117 |
| Parti Demokratik Sabah (PDS) | 118 |
| Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN) | 118 |
| Parti Ikatan Masyarakat Islam Malaysia (IMIM) | 119 |
| Parti Islam Se-Malaya (PAS) | 119 |
| Parti Kebangsaan Melayu Malaya | 120 |

Parti Komunis Malaya 121
Parti Liberal Demokratik (LDP) 122
Parti Merdeka Malaysia 122
Parti Momogun Kebangsaan Sabah (MOMOGUN) 123
Parti Nasionalis Malaysia 123
Parti Negara 123
Parti Negara Rakyat Sarawak (NEGARA) 124
Parti Negara Sarawak 124
Parti Pembangkang 125
Parti Perikatan 126
Parti Perpaduan Masyarakat 126
Parti Perpaduan Rakyat Malaysia 127
Parti Persatuan Rakyat Malaysia Sarawak 127
Parti Pesaka Anak Sarawak 127
Parti Politik 128
Parti Progresif Rakyat 129
Parti Punjabi Malaysia 129
Parti Rakyat Sabah 129
Parti Rakyat Jati Sarawak 129
Parti Rakyat Malaysia 129
Parti Tindakan Bersatu 131
Parti United Pasok-Momogun Kadazan Organisation 131
Peguam Negara 132
Pembangunan Wilayah 132
Pembela Tanah Air (PETA) 133
Pembubaran Parlimen 134
Penerapan Nilai-nilai Islam 134
Pengundi 135
Penyata Rahman Talib 136
Penyata Razak 136
Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri 137
Perbadanan Nasional Berhad 138
Perdana Menteri 139
Perjanjian Pangkor 139
Perkauman 140
Perkhidmatan Awam 140
Perlembagaan 142
Perpaduan Nasional 145
Persatuan Indonesia Merdeka 145
Persempadanan Kawasan Pilihan Raya 146

Persekutuan Tanah Melayu 1948 147
Pilihan Raya 147
Polarisasi 148
Politik Perlembagaan 149
Program Induk Belia Negara 150
Primodialisma 150
Pusat Tenaga Rakyat 151
PUTERA – AMCJA 151

R

Raja/Sultan/Yam Tuan Besar 153
Raja Berperlembagaan 154
Rancangan Briggs 154
Rangka Rancangan Jangka Panjang 155
Rapat Umum 155
Ras 156
Rukun Negara 156
Rukun Tetangga 156
Rundingan Baling 157

S

Sabah Chinese Association 158
Sabah Chinese Consolidated Party 158
Sabah Democratic Rakyat Party 158
Sabah Progressive Party (SAPP) 158
Sarawak Alliance Party 159
Sarawak Chinese Association 159
Sarawak Democratic Bersatu 159
Sarawak National Party 159
Sarawak People's Organization 160
Sarawak United People's Party 160
Semangat 46 161
Semarak 162
Sistem Keutamaan Am 163
Sistem Pemegang Amanah 164
Sistem Politik Melayu Tradisi 165
Sistem Residen 166
Socialist Democratic Party 166
Sosialisasi Politik 166

Suruhanjaya 167
Suruhanjaya Pilihanraya 167
Suruhanjaya Cobbold 168
Suruhanjaya Perlembagaan 169

T

Tanah Simpanan Melayu 170
Teori Pengasingan Kuasa 170

U

UMNO 172
UMNO Baru 173
Ulama 174
Undang-undang 175
Undi Pos 176
Undi Rosak 176
Unit Perancang Ekonomi 176
Unit Penyelarasan Pelaksanaan 177
Unit Penyelidikan Sosioekonomi 177
Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia 178
United Sabah National Organization (USNO) 179

W

Wawasan 2020 181

Y

Yang Dipertua Negeri 183
Yang di-Pertuan Agong 183

*Bibliografi* 187

*Indeks* 191

# PRAKATA

Buku ini ditulis atas keprihatinan untuk menyebarkan maklumat asas yang sewajarnya diketahui oleh setiap warganegara Malaysia. Sebanyak 247 istilah telah dipilih dan dikenal pasti serta dihuraikan secara ringkas bermula dari peringkat negara berjuang untuk mencapai kemerdekaan hinggalah kini. Sebagai wadah awalan, buku ini digarap untuk memupuk serta mencambahkan lagi minat di kalangan pembaca terutamanya para pelajar agar terus mendalami serta meneroka singkapan sejarah politik negara yang amat bernilai dalam proses pembinaan negara.

Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada editor, Encik Abdul Karim Abu Bakar dan Dewan Bahasa dan Pustaka yang sudi menerbitkan buku ini. Tidak ketinggalan sekuntum penghargaan kepada guru-guru di Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia, rakan-rakan seperjuangan di Sekolah Pembangunan Sosial yang sentiasa berpaksi kepada peribahasa 'muafakat membawa berkat'. Teristimewa buat isteri, Jainon Ngaini, ibu Khasiah Atmo, Luqmanhakim dan Siti Nurhadaina yang merestui penulisan buku ini.

Akhir sekali kepada semua individu yang terlibat membantu menulis, mengolah semula dan memungut data dalam menyempurnakan buku ini. Jasa mereka amat dihargai.

Mohd. Fo'ad Sakdan
Sekolah Pembangunan Sosial
Universiti Utara Malaysia

# SINGKATAN

| | |
|---|---|
| ABIM | – Angkatan Belia Islam Malaysia |
| AKAR | – Angkatan Keadilan Rakyat |
| ALIRAN | – Persatuan Kesedaran Negara |
| AMCJA | – All Malayan Council of Joint Action |
| APEC | – Kumpulan Kerjasama Ekonomi Negara Asia Pasifik |
| API | – Angkatan Pemuda Insaf |
| APU | – Angkatan Perpaduan Umah |
| ARR | – Akta Rahsia Rasmi |
| ASEAN | – Association of South East Asian Nations |
| AWAS | – Angkatan Wanita Sedar |
| BARJASA | – Barisan Rakyat Jati Sarawak |
| BERJASA | – Barisan Jumaah Islamiah Malaysia Bersatu |
| BERJAYA | – Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah |
| BERSEKUTU | – Parti Barisan Rakyat Sabah Bersatu |
| BERSEPADU | – Parti Bersatu Rakyat Bumiputera Sabah |
| BN | – Barisan Nasional |
| CHOGM | – Commonwealth Head of Government Meeting |
| DAP | – Democratic Action Party |
| DEB | – Dasar Ekonomi Baru |
| DPK | – Dasar Pelajaran Kebangsaan |
| DUN | – Dewan Undangan Negeri |
| GERAKAN | – Parti Gerakan Rakyat Malaysia |
| GSP | – Sistem Keutamaan Am |
| HAMIM | – Hizbul Muslimin Malaysia |
| INTAN | – Institusi Tadbiran Awam Negara |
| ISA | – Akta Keselamatan Dalam Negeri |

| | |
|---|---|
| JPM | – Jabatan Perdana Menteri |
| JPN | – Jabatan Perpaduan Negara |
| KEMAS | – Bahagian Kemajuan Masyarakat |
| KIMMA | – Kongres India Muslim Malaysia |
| KITA | – Kesatuan Insaf Tanah Air |
| KMM | – Kesatuan Melayu Muda |
| KRIS | – Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung |
| LDP | – Liberal Democratic Party |
| MAMPU | – Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia |
| MAPEN | – Majlis Perundingan Ekonomi Negara |
| MBM | – Majlis Belia Malaysia |
| MCA | – Malayan Chinese Association |
| MIC | – Malayan Indian Congress |
| MLO | – Malaysia Labour Organization |
| MMN | – Majlis Mesyuarat Negeri |
| MOMOGUN | – Parti Momogun Kebangsaan Sabah |
| MSC | – Malaysian Soliderity Convention |
| MTUC | – Malaysian Trade Union Congres |
| NCP | – National Convention Party |
| NEGARA | – Parti Negara Rakyat Sarawak |
| OBK | – Organisasi Bukan Kerajaan |
| PAS | – Parti Islam Se-Malaya |
| PAJAR | – Parti Rakyat Jati Sarawak |
| PANAS | – Parti Negara Sarawak |
| PASOK | – Parti United Pasok-Momogun Kadazan Organisation |
| PBB | – Parti Bumiputera Bersatu Sarawak |
| PBDS | – Parti Bansa Dayak Sarawak |
| PBRS | – Parti Bersatu Rakyat Sabah |
| PBS | – Parti Bersatu Sabah |
| PCS | – Parti Cina Sabah |
| PDS | – Parti Demokratik Sabah |
| PERMAS | – Parti Persatuan Rakyat Malaysia Sarawak |
| PERNAS | – Perbadanan Nasional Berhad |
| PESAKA | – Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak |
| PETA | – Pembela Tanah Air |
| PIBN | – Program Induk Belia Negara |
| PKEN | – Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri |
| PKMM | – Parti Kebangsaan Melayu Malaya |

| | |
|---|---|
| PKM | – Parti Komunis Malaya |
| PLUS | – Parti Buruh Bersatu Sarawak |
| PNB | – Permodalan Nasional Berhad |
| PRM | – Parti Rakyat Malaysia |
| PRS | – Parti Rakyat Sabah |
| PPP | – Parti Progresif Rakyat |
| PUTERA | – Pusat Tenaga Rakyat |
| RELA | – Ikatan Relawan Rakyat Malaysia |
| SAP | – Sarawak Alliance Party |
| SAPO | – Sarawak People's Organization |
| SAPP | – Sabah Progressive Party |
| SCA | – Sabah Chinese Association |
| SCA | – Sarawak Chinese Association |
| SCCP | – Sabah Chinese Consolidated Party |
| SERU | – Unit Penyelidikan Sosioekonomi |
| SDP | – Socialis Democratic Party |
| SEDAR | – Sabah Democratic Rakyat Party |
| SNAP | – Sarawak National Party |
| SUPP | – Sarawak United People's Party |
| UMNO | – United Malay National Organization |
| UPE | – Unit Perancangan Ekonomi |
| UPP | – Unit Penyelarasan Pelaksanaan |
| USNO | – United Sabah National Organization |
| ZOPFAN | – Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali |

# A

## ABIM

ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia) dibentuk oleh sekumpulan belia Islam yang terpelajar pada bulan Julai 1970. Persatuan ini bertujuan untuk mengatasi masalah kekurangan aktiviti Islam di peringkat nasional. Di samping itu, ia juga berfungsi sebagai landasan bagi belia-belia Islam yang ingin memperjuangkan dan membina satu masyarakat yang berteraskan prinsip-prinsip Islam. Siddiq Fadhil menegaskan bahawa,

> Gerakan ABIM adalah berangkai dalam kesinambungan siri perjuangan para mursalin dan mujahidin di sepanjang usia dunia yang sama iaitu membawa manusia mengabdikan diri seutuh dan setulus-tulusnya kepada Allah (1982:2).

Bagi memenuhi matlamat ini, ABIM berhasrat menggembleng seluruh tenaga belia Islam dan mengarahkannya untuk kebaikan masyarakat dalam erti kata Islam sebenarnya. Dalam hal ini, ABIM berjuang tanpa mengenal batas umur, profesion dan bangsa demi untuk menerapkan dan menegakkan Islam dalam semua aspek kehidupan. Antara pemimpin ABIM yang terkenal termasuklah Anwar Ibrahim, Kamaruddin Jaafar dan Siddiq Fadhil.

## AGENSI PUSAT

Agensi pusat boleh ditakrifkan sebagai agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab bagi membantu, menyelaras dan mengawal perjalanan agensi mengurus. Fungsinya yang utama ialah:

1. Menggubal dasar dan perancangan ekonomi negara.
2. Membekalkan dua keperluan asas bagi semua agensi kerajaan iaitu keperluan personal dan keperluan perbelanjaan.
3. Memberikan khidmat tertentu yang diperlukan oleh agensi mengurus.
4. Membentuk dasar dan perancangan tentang dua keperluan asas dan perkhidmatan lain yang diberikan kepada agensi mengurus.
5. Memastikan melalui penyelarasan dan kawalan, supaya dua keperluan asas yang diberikan serta dasar dan perancangan yang diadakan digunakan atau dilaksanakan dengan jayanya oleh agensi mengurus.

Penyelarasan dan kawalan oleh agensi-agensi pusat terhadap agensi-agensi mengurus dilakukan menerusi beberapa cara seperti yang berikut:

1. Pemeriksaan anggaran belanjawan tahunan.
2. Pemeriksaan permintaan mengadakan skim perkhidmatan dan menambah atau menggredkan jawatan.
3. Pemeriksaan perancangan pembangunan ekonomi tahunan dan lima tahun.
4. Menguatkuasakan peraturan-peraturan kewangan dan perkhidmatan.
5. Penyelarasan pembentukan dasar, program, projek dan pelaksanaannya.
6. Penganalisisan maklum balas tentang dasar, program dan projek kerajaan bagi mengesan masalah dan menyelesaikan.

Pada masa kini terdapat enam agensi pusat yang penting iaitu:

1. Jabatan Perkhidmatan Awam.
2. Perbendaharaan.
3. Bahagian Perancangan Ekonomi (EPU).
4. Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan (ICU).
5. Unit Pemodenan Tadbir dan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU).
6. Unit Penyelidikan Sosioekonomi (SERU).

Manakala agensi yang memainkan peranan agensi pusat di peringkat negeri ialah:

1. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.
2. Pejabat Kewangan Negeri.
3. Pejabat Kemajuan Negeri.
4. Unit Perancangan Ekonomi Negeri.
5. Pejabat Perjawatan Negeri (bagi Sabah dan Sarawak).

## AKTA HASUTAN 1948 (PINDAAN 1971)

Akta Hasutan 1948 ini telah dipinda pada tahun 1971 selepas kejadian 13 Mei 1969. Akta menghasut ini dipakai bagi atau digunakan dengan apa-apa perbuatan, ucapan perkataan, penerbitan atau benda-benda lain menjadikan bagi perbuatan itu sebagai mempunyai kecenderungan menghasut. Akta ini melarang perbincangan umum tentang beberapa perkara iaitu membangkitkan perasaan tidak suka terhadap Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana kerajaan dalam persekutuan. Ia juga melarang membangkitkan perasaan negatif atau permusuhan antara kaum atau golongan penduduk yang mungkin menyebabkan kekerasan serta mendatangkan mudarat kepada keselamatan persekutuan atau mana-mana bahagiannya.

Di bawah akta ini juga, seseorang itu tidak boleh mempersoalkan hak-hak atau keistimewaan yang dilindungi di dalam Bahagian 3 atau Artikel 152, 153 dan 154 Perlembagaan Malaysia yang berhubung dengan hak-hak Bumiputera, keistimewaan Yang di-Pertuan Agong dan Sultan-sultan, hak mendapatkan kewarganegaraan serta kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara dan agama Islam sebagai agama rasmi negara.

Sesiapa yang didapati melakukan atau cuba melakukan perbuatan yang mempunyai kecenderungan menghasut atau menyebut, mencetak atau mengimport apa-apa penerbitan menghasut boleh dipenjarakan tidak lebih daripada tiga tahun atau denda lima ribu ringgit atau kedua-duanya sekali (Undang-undang Malaysia, Akta 15:5 – 6).

## AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) adalah satu undang-

undang yang dibuat di bawah Artikel 149 Perlembagaan Persekutuan. Akta ini telah dikuatkuasakan di Malaysia Barat pada 1 Ogos 1960 dan di Malaysia Timur pada 16 September 1963. Akta yang mengandungi 85 Fasal dan 3 Jadual ini telah dipinda tidak kurang daripada 17 kali.

Pada asalnya akta ini didefinisikan sebagai satu akta yang diwujudkan untuk mengadakan peruntukan bagi keselamatan dalam negara, tahan pencegahan, pencegahan perbuatan subversif, penghapusan keganasan berancang terhadap orang lain dan harta benda dalam kawasan tertentu dalam Malaysia serta tentang perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

Di peringkat awal Akta ISA 1960 dibentuk adalah bagi mengawal keselamatan negara daripada ancaman komunis. Kemudiannya, akta ini telah dikemaskinikan dari semasa ke semasa mengikut keadaan dan keselamatan negara sehingga ke hari ini. Di bawah akta ini, kuasa penahanan pencegahan ada dinyatakan dalam Fasal 8(1) yang menyebut:

> Jika menteri berpuas hati bahawa mana-mana orang adalah perlu dengan tujuan untuk mencegah orang itu dan bertindak dalam apa-apa cara yang mendatangkan mudarat kepada keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya, dia boleh membuat surat perintah mengarahkan supaya orang itu ditahan bagi mana-mana tempoh tidak melebihi dua tahun.

Walaupun begitu, mengikut Fasal 8[7] (a) (b) dan (c), tempoh dua tahun ini boleh dilanjutkan kepada dua tahun dan seterusnya tanpa had. Selain Menteri Dalam Negeri yang diberi kuasa penuh dalam melaksanakan akta ini, mengikut Fasal 73 memberikan 'blanket power' kepada pelbagai kategori pihak berkuasa polis sehinggalah ke peringkat seseorang itu boleh ditahan tanpa sebarang perintah tahanan hingga tempoh 60 hari.

Akta ini juga membenarkan menteri yang berkenaan mengeluarkan arahan tentang sekatan terhadap aktiviti-aktiviti, tempat kediaman, pekerjaan, melarang berada di luar rumah di antara waktu-waktu tertentu, menghendaki melaporkan pergerakan kepada pihak tertentu, melarang berucap di perjumpaan awam, memegang jawatan dan mengambil bahagian atau bertindak sebagai penasihat kepada mana-mana orang, persatuan atau organisasi politik.

Setiap individu yang ditahan boleh mengemukakan rayuan

terhadap perintah tahanan dan kepada Lembaga Penasihat yang kemudiannya dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong. Dalam hal ini, keputusan Yang di-Pertuan Agong adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan di mahkamah. Namun demikian, setiap perintah tahanan akan disemak sekurang-kurangnya sekali dalam masa enam bulan. Semakan ini kemudiannya akan dikemukakan kepada pihak Menteri. Bagaimanapun, Menteri boleh atau berhak menolak cadangan-cadangan dalam semakan tersebut. Antara operasi yang terbesar pernah dijalankan oleh pihak kerajaan di bawah akta ini ialah Operasi Lalang pada 17 November 1987.

## AKTA RAHSIA RASMI

Akta Rahsia Rasmi (ARR) telah diwartakan pada tahun 1972 dan dipinda pada tahun 1986. Tujuan utama akta ini ialah bagi melindungi maklumat yang boleh mengancam keselamatan dan ekonomi negara jika jatuh ke tangan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab atau musuh-musuh dari luar negara. Rahsia rasmi ini boleh ditakrifkan sebagai sebarang dokumen yang dinyatakan di dalam jadual dan sebarang maklumat dan benda-benda yang berkaitan termasuklah dokumen, maklumat dan benda-benda yang mungkin dikelaskan oleh mana-mana anggota pentadbiran atau pegawai awam sebagai rahsia besar, rahsia, sulit atau terhad mengikut mana yang sesuai.

Jadual yang dimaksudkan dalam takrif rahsia itu mengandungi senarai berikut:

1. Dokumen, rekod atau keputusan dan perbincangan kabinet termasuk Jawatankuasa Kabinet.
2. Dokumen rekod atau keputusan dan perbincangan Majlis Kerja Negeri (Exco) termasuk jawatankuasa-jawatankuasa Exco.
3. Dokumen tentang keselamatan negara, pertahanan dan hubungan antarabangsa.
4. Dokumen tentang hubungan antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri.
5. Dokumen tentang ekonomi negara seperti yang berkaitan dengan mata wang, cadangan belanjawan dan pelaburan asing.
6. Dokumen yang berkaitan dengan nasihat, pendapat atau

perakuan tentang operasi atau fungsi kerajaan.
7. Dokumen tentang tawaran tender yang berkaitan dengan pembelian, pemberian kerja, bekalan, perkhidmatan dan projek kerajaan.

Walau bagaimanapun, mengikut Pindaan 1986, Perkara 4,5,6 dan 7 telah digugurkan dari kategori rahsia. Manakala kuasa untuk mengkategorikan rahsia rasmi terletak pada Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri atau mana-mana pegawai awam yang dilantik melalui surat akuan yang ditandatanganinya. Berhubung dengan tanda rahsia kepada sesuatu dokumen, maklumat atau benda adalah dikaji dari semasa ke semasa dan digugurkan jika didapati tidak perlu. Kesalahan yang bersabit di bawah akta ini ialah hukuman penjara mandotari tidak kurang daripada satu tahun.

## AKTIVIS POLITIK

Aktivis politik terdiri daripada warganegara yang mengambil bahagian secara aktif dalam bidang politik. Mereka ini lazimnya datang daripada golongan kelas menengah seperti birokrat tingkat menengah, guru, editor akhbar serta lapisan pemimpin kelompok berkepentingan.

Bagi sesebuah negara atau parti politik, golongan aktivis politik merupakan golongan yang penting dalam memastikan organisasinya berjalan lancar. Ini disebabkan kedudukannya yang menjadi penghubung antara pihak atasan (golongan pembuat dasar dan golongan berpengaruh) dengan rakyat. Mereka merupakan golongan yang sentiasa mengambil sikap peka terhadap perkembangan politik negara serta terlibat dalam melaksanakan atau mempengaruhi sesuatu dasar kepada rakyat. Kekuatan golongan aktivis politik pastinya memberi satu kelebihan kepada negara atau parti politik dalam usaha mencari dan mengekalkan pengaruh di kalangan rakyat.

## ALIRAN (PERSATUAN KESEDARAN NEGARA)

Persatuan Kesedaran Negara (Aliran) telah ditubuhkan pada 12 Ogos 1977. Ia diasaskan oleh Ariffin Omar dengan dibantu oleh Dr. Chandra Muzaffar, Siew Kam Poh, Gan Teik Chee, Nor Rashid Arrifin, S. Subramaniam dan Ismail Hashim. Aliran sebagai

sebuah kumpulan refomasi sosial mempunyai matlamat untuk meningkatkan kefahaman kenegaraan bersama dan pemahaman tulen tentang pembangunan menurut cita-cita Rukun Negara. Untuk mencapai matlamat ini, Aliran telah melaksanakan berbagai-bagai aktiviti seperti mengedar risalah, jurnal, buku, menganjur seminar, forum, menjalankan kerja penyelidikan dan kerjasama dengan kumpulan lain yang mempunyai aspirasi yang sama.

Selari dengan cita-cita ini, Aliran mengamalkan sikap 'non-partisan' terhadap kesatuan sekerja mahupun parti politik. Justeru itu, walaupun keahlian Aliran terbuka kepada semua warganegara Malaysia, namun pemilihan seseorang individu untuk menjadi ahlinya adalah dikawal secara berhati-hati. Sehingga tahun 1988, keahlian Aliran adalah seramai 263 orang yang terdiri daripada pelbagai etnik dan lapisan pekerjaan.

## ALIRAN KIRI/KANAN

Konsep aliran kiri atau kanan dalam politik adalah satu pembahagian fahaman politik untuk membezakan aliran perjuangan golongan politik. Istilah aliran kiri ini boleh dilihat daripada tindakan-tindakan mereka yang mahukan perubahan radikal, anti-feudal, memperjuangkan konsep kesamarataan dan kebebasan. Idea mereka lazimnya agresif, memperjuangkan golongan bawahan dan menyokong pemusatan kawalan ekonomi. Manakala istilah kanan ditujukan kepada pihak yang lebih sederhana dalam tindak tanduk politik mereka, bersikap konservatif serta tidak mahukan perubahan yang drastik.

Wujudnya penggunaan konsep kiri dalam politik bermula dari kedudukan pihak demokratik dan liberal dalam Dewan Perhimpunan Perancis pada abad ke-19 (Scruton, 1982:260). Aliran kiri ini sebenarnya juga boleh dirujuk sebagai sebuah organisasi yang mahu mewujudkan satu perubahan sosial secara radikal, cepat dan menyeluruh. Golongan ini percaya kepada kemajuan yang boleh dicapai melalui revolusi atau refomasi. Justeru itu, aliran kiri sering menentang kewujudan pengkelasan khususnya kelas borjuis. Sungguhpun begitu, mereka juga percaya kepada demokrasi yakni pembentukan kerajaan melalui persetujuan ramai (Scruton, 1982: 260–261). Di Malaysia, aliran atau fahaman kiri selalunya dikaitkan dengan parti politik yang memperjuangkan ideologi sosialisme dan komunisme.

## ALL MALAYAN COUNCIL OF JOINT ACTION (AMCJA)

AMCJA ditubuhkan pada 22 Disember 1947. Di peringkat awal, pertubuhan ini dikenali sebagai Pan-Malayan Council of Joint Action (PMCJA). Pembentukan AMCJA adalah hasil daripada gabungan beberapa buah parti aliran kiri bukan Melayu seperti MDU, Malayan Democratic League, 12 buah persekutuan wanita di Tanah Melayu, Malayan People's Anti-Japanese St. Service Comdrade's Association dan Pan-Malayan Federation of Trade Union. Terdapat enam prinsip yang menjadi dasar perjuangan AMCJA, iaitu:

i. Tanah Melayu bersatu termasuk Singapura.
ii. Menubuhkan kerajaan sendiri yang bertanggungjawab menerusi sebuah dewan undangan pusat yang ahlinya dipilih oleh orang ramai.
iii. Hak-hak politik yang sama bagi semua orang yang menganggap Tanah Melayu sebagai tanah airnya.
iv. Raja-raja Melayu hendaklah mempunyai taraf kedaulatan sepenuhnya sebagai Raja Berperlembagaan dan menerima nasihat bukannya daripada Penasihat British tetapi daripada rakyat melalui majlis-majlis mesyuarat yang bercorak demokrasi.
v. Perkara yang berhubung dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu harus diletakkan di bawah penguasaan orang Melayu.
vi. Perhatian khusus haruslah diberikan kepada kemajuan ekonomi orang Melayu (Ahmad Boestamam, 1972:122).

AMCJA dipimpin oleh Tan Cheng Lock sebagai Presiden dan John Eber sebagai Setiausaha.

## AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

Skim Amanah Saham Nasional (ASN) telah dilancarkan oleh Tun Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia ketiga pada tahun 1981. Melalui skim ini membolehkan bumiputera memegang saham di dalam sektor korporat di samping menikmati faedah dengan menerima bayaran dividen dan bonus. Setiap individu melalui skim ini dibenarkan melabur tidak lebih daripada RM100 000. Kaedah yang diperkenalkan oleh kerajaan ini bertujuan:

i. Membantu golongan bumiputera terutama yang tidak mempunyai pengetahuan dalam perniagaan saham.
ii. Mempercepatkan proses pencapaian matlamat penyertaan Bumiputera dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB).
iii. Membolehkan kekayaan negara diagih-agih kepada Bumiputera terutamanya yang tidak mampu membeli saham di pasaran terbuka.

Pelaksanaan skim ini secara tidak langsung membantu golongan Bumiputera terutamanya yang berpendapatan rendah seperti petani dan nelayan, kakitangan rendah kerajaan serta pekerja kilang untuk menyertai perniagaan saham secara lebih aktif. Perjalanan skim ini ditadbirkan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB). Sehingga tahun 1995, dianggarkan 4.2 juta Bumiputera daripada pelbagai golongan telah melabur dalam Amanah Saham Nasional dengan jumlah dana melebihi RM20 bilion. Di peringkat awal pelaksanaan skim ini, jual beli yang dijalankan adalah tetap (dengan harga RM1.00 seunit) tetapi selepas tahun 1991, urusniaga adalah berdasarkan pasaran saham semasa.

## ANGKATAN KEADILAN RAKYAT (AKAR)

Angkatan Keadilan Rakyat (AKAR) ditubuhkan kerana perasaan tidak puas hati antara bekas Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Mark Koding dengan Datuk Joseph Pairin Kitingan (Ketua Menteri). Parti ini didaftarkan pada 15 September 1989 dengan para pemimpinnya adalah terdiri daripada bekas pemimpin Parti Bersatu Sabah (PBS) yang menyokong Datuk Mark Koding.

## ANGKATAN PEMUDA INSAF (API)

Angkatan Pemuda Insaf (API) diasaskan oleh Ahmad Boestamam pada tahun 1946 di Brewater Road, Ipoh. Parti ini merupakan sayap pemuda Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Keanggotaan ahli mestilah berumur antara 18-35 tahun. Angkatan Pemuda Insaf menggunakan pendekatan yang agak radikal dalam usahanya membebaskan Tanah Melayu daripada penjajahan British. Parti ini telah memberi latihan tentera dengan mempe-ragamkan pakaian seragam jaket, seluar serta topi putih kepada setiap anggotanya. Dasar perjuangan Angkatan Pemuda Insaf antara lain ialah:

i. Menyatukan pemuda-pemuda yang insaf dalam satu barisan.
ii. Mengukuhkan barisan perjuangan untuk bangsa dan tanah air.
iii. Memberi latihan sahsiah, rohani dan jasmani kepada pemuda-pemudanya supaya bersedia menjadi pemimpin apabila dikehendaki.
iv. Membina semula Tanah Melayu mengikut fahaman demokrasi.
v. Menuntut perwakilan dalam pemerintahan Tanah Melayu (Ahmad Boestamam, 1974:7)

Selaras dengan dasar perjuangannya, Angkatan Pemuda Insaf cuba untuk melancarkan satu rampasan kuasa yang dijadualkan pada hujung tahun 1946. Rancangan pertama ialah mencolek semua Raja Melayu dan pegawai tinggi British. Walau bagaimanapun, rancangan ini gagal apabila British mengisytiharkan Darurat pada tahun 1948. Angkatan Pemuda Insaf akhirnya telah diharamkan oleh British secara rasmi pada 17 April 1947 dan disertai dengan penahanan Ahmad Boestamam.

## ANGKATAN PERPADUAN UMAH (APU)

Angkatan Perpaduan Umah (APU) dibentuk hasil gabungan empat buah parti politik Melayu iaitu Semangat 46, PAS, HAMIM dan Berjasa (kemudiannya menarik diri). APU dipimpin oleh Tengku Razaleigh Hamzah. Pendaftaran APU telah diluluskan oleh pihak Pendaftar Pertubuhan pada 5 Jun 1990. Pembentukan APU adalah untuk mewujudkan pakatan antara parti pembangkang bagi menghadapi Barisan Nasional dalam pilihan raya tahun 1990. Justeru itu, matlamat utamanya ialah untuk menumbangkan Barisan Nasional dan membentuk kerajaan. Walau bagaimanapun, usaha APU gagal.

## ANGKATAN WANITA SEDAR (AWAS)

Angkatan Wanita Sedar adalah pertubuhan wanita yang bergiat dalam Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Ia ditubuhkan oleh Shamsiah Fakeh. Antara pemimpin wanita yang terbabit di dalam Angkatan Wanita Sedar termasuklah Aishah Hj. Hussein

(isteri Ishak Hj. Muhammad), Sawiyah Jalil, Marliah Ahmad dan Sakinah Junid (isteri Dato' Mohd. Asri).

Dasar perjuangan Angkatan Wanita Sedar ialah untuk membebaskan Tanah Melayu daripada penjajahan British. Justeru itu, ia menggunakan slogan "Darah Rakyat" sebagai sumber menaikkan semangat perjuangan kaum wanita. Seperti Angkatan Pemuda Insaf, Angkatan Wanita Sedar akhirnya juga diharamkan oleh pihak British.

## APEC

Kumpulan Kerjasama Ekonomi Negara Asia Pasifik atau ringkasnya APEC adalah pertubuhan yang berfungsi sebagai forum antara negara-negara kawasan Asia Pasifik dengan Pertubuhan Perjanjian Dagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA – yang anggotanya terdiri daripada Amerika Syarikat, Kanada dan Mexico). APEC telah ditaja oleh Australia dan disokong oleh New Zealand. Antara ahli anggota APEC yang lain termasuklah negara-negara ASEAN, Amerika Syarikat, Kanada, Jepun dan Korea Selatan. Walaupun APEC telah mengadakan sidang sebanyak dua kali iaitu di Canberra pada 6 –7 November 1988 dan di Singapura pada 30 – 31 Julai 1990, namun ia masih lagi di peringkat perbincangan dan masih lagi belum ditubuhkan secara rasmi.

## ASEAN

ASEAN (Association of Southeast Asian Nation) ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 hasil daripada perisytiharan atau Deklarasi Bangkok. Ia merupakan satu pertubuhan yang lebih luas lagi bagi menggantikan ASA (Association of Southeast Asia) dan MAPHILINDO (Malaysia, Philippines, Indonesia). ASEAN bukanlah satu pakatan tentera tetapi merupakan satu persetujuan bagi menjalin hubungan antara anggota yang terdiri daripada Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand, Filipina, Brunei dan Vietnam. Hubungan ini meliputi kerjasama dalam bidang politik, sosial dan ekonomi.

Pada tahun 1971, dengan cadangan Malaysia, ASEAN telah bersetuju untuk berpegang kepada dasar berkecuali dengan mewujudkan 'Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)'. Ini bermakna Asia Tenggara terutamanya ASEAN menjadi kawasan yang bebas daripada pengaruh dan penglibatan kuasa-kuasa besar.

Sepanjang penubuhan ASEAN, ia telah banyak menerima cabaran yang mengganggu gugat kestabilan ikatannya. Antaranya, termasuklah pencerobohan Vietnam terhadap Kampuchea dan pertikaian merebut kekayaan di Laut China Selatan berikutan pengisytiharan kawasan ekonomi lanjutan (Extended Economic Zone atau EEZ). Walau bagaimanapun, ASEAN secara keseluruhannya telah berjaya mewujudkan satu kerjasama ekonomi dan politik yang baik bagi memelihara kepentingan bersama.

# B

**BADAN BERKANUN**

Badan Berkanun merupakan agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan dasar kerajaan. Menurut laporan Suruhanjaya Harun, Badan Berkanun boleh didefinisikan sebagai satu agensi kerajaan yang diberi kuasa mengikut undang-undang Persekutuan dan negeri. Ia merupakan kombinasi dua perkara iaitu perniagaan dan jabatan kerajaan. Dengan kata lain, ia beroperasi seperti institusi perniagaan yang dijangka akan dapat membiayai sendiri kos pengurusannya dan sebagai jabatan kerajaan ia akan menjalankan kuasanya mengikut undang-undang serta dikawal oleh pihak kerajaan.

Tujuan kerajaan menubuhkan Badan Berkanun ialah bagi mencantumkan beberapa prinsip termasuklah pemilikan awam, perkhidmatan demi kepentingan negara, kecerdasan serta inisiatif dan tata kelakuan perniagaan yang baik dengan adanya kebebasan dalam mengurus (Seminar Kebangsaan – Pemulihan Kuasa Autonomi atau Penswastaan bagi Badan Berkanun pada 16 Februari 1987). Selaras dengan ini, Badan Berkanun mempunyai kuasa atau autoriti sendiri yang tertentu untuk membolehkannya melaksanakan tugas khusus masing-masing dengan berkesan. Dua jenis kuasa yang diberikan kepada Badan Berkanun ialah:

i. Kuasa untuk menggubal dasar sendiri yang sesuai dengan fungsi dan matlamat Badan Berkanun.
ii. Kuasa untuk menggubal peraturan sendiri seperti peraturan perkhidmatan, prosedur kewangan dan peraturan tatatertib.

Oleh itu, dalam menjalankan tanggungjawab hariannya, Badan Berkanun diberi kuasa untuk melantik pegawai dan kakitangannya sendiri tanpa terikat dengan syarat-syarat perkhidmatan awam. Selain itu, ia juga mempunyai struktur kuasa dan autoriti sendiri misalnya Majlis Lembaga Badan Berkanun yang diberi kuasa membuat keputusan yang difikirkan perlu dan sesuai selaras dengan matlamat pertubuhan itu. Di Malaysia, Rubber Research Institute (RRI) yang ditubuhkan pada tahun 1925 merupakan Badan Berkanun yang tertua. Sehingga laporan Suruhanjaya Harun diterbitkan, terdapat lebih 100 buah Badan Berkanun yang berdaftar di Malaysia.

Badan Berkanun di peringkat kerajaan Persekutuan boleh dibahagikan seperti yang berikut:

i. Berkaitan dengan pembangunan wilayah dan tanah, contohnya, JENGKA, DARA, KETENGAH dan FELDA.
ii. Berkaitan dengan pertanian, penyelidikan dan pembangunan luar bandar, contohnya, FAMA. LPP, MARDI, RRI dan PORIM.
iii. Berkaitan dengan penyertaan bumiputera, contohnya, MARA dan LUTH.
iv. Berkaitan dengan pendidikan tinggi, contohnya, UM, UUM, USM, UPM, UKM, UTM, UNIMAS, UMS dan ITM.
v. Berkaitan dengan kemudahan awam dan pelabuhan, contohnya, KTM dan Pelabuhan Pulau Pinang.
vi. Berkaitan dengan kewangan, contohnya, BNM dan BSN.
vii. Syarikat-syarikat kerajaan, contohnya, MAS, HICOM dan PETRONAS.

Sejak dasar penswastaan diperkenalkan, terdapat badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat kerajaan seperti MAS dan LLN (TEN) yang telah diswastakan. Usaha sedang dibuat untuk memperbadankan atau menswastakan beberapa Badan Berkanun kerajaan Persekutuan.

## BADAN EKSEKUTIF

Badan Eksekutif atau badan pemerintah adalah salah satu daripada tiga badan yang wujud mengikut Teori Pengasingan Kuasa. Bidang tugas badan ini ialah menjalankan kuasa-kuasa eksekutif mengikut perlembagaan dan undang-undang yang ada (*Negara*

*Kita*, 1980:91). Dengan kata lain, ia adalah badan yang melaksanakan jentera kerajaan. Kuasa tertinggi eksekutif terletak pada Yang di-Pertuan Agong dan kuasa ini boleh dijalankan olehnya sendiri atau Jemaah Menteri. Justeru itu, di Malaysia, badan eksekutif diketuai oleh Perdana Menteri. Komponen jentera pentadbiran eksekutif boleh dibahagikan kepada dua:

1. *Badan-badan Kerajaan*

   Badan ini terbahagi kepada dua kumpulan:

   a. Badan yang ditubuhkan mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan atau Negeri mengikut Perkara 91 seperti Majlis Tanah Negara, Majlis Angkatan Tentera Malaysia dan Jabatan Audit Negara.
   b. Badan-badan yang ditubuhkan mengikut kuasa atau budi bicara kerajaan seperti kementerian, jabatan dan perbadanan awam.

2. *Pemegang Jawatan Awam*

   Ia terbahagi kepada dua kategori:

   a. Pemegang jawatan daripada kalangan pemimpin atau tokoh politik yang mendapat mandat melalui pilihan raya. Mereka terdiri daripada Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri.
   b. Pemegang jawatan daripada kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan yang berasaskan kelulusan atau kemahiran. Terdapat tiga kumpulan besar dalam kategori ini iaitu kategori Pengurusan Tertinggi, Pengurusan dan Profesional, dan Sokongan.

## BADAN PERUNDANGAN

Badan Perundangan merupakan satu badan yang membuat undang-undang, meminda serta boleh memansuhkan sesuatu undang-undang. Di Malaysia, kuasa perundangan diberikan kepada Parlimen mengikut Perkara 44 Perlembagaan Persekutuan, manakala di peringkat negeri diserahkan kepada Dewan Undangan Negeri masing-masing. Institusi parlimen ini pula terdiri daripada tiga bahagian penting iaitu Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

## BAPA PEMBANGUNAN

Bapa Pembangunan adalah gelaran yang diberikan kepada Perdana Menteri Malaysia kedua iaitu Tun Abdul Razak Hussein. Gelaran ini sememangnya bertepatan sekali dengan usaha yang dilakukan oleh Tun Abdul Razak dalam menggerakkan pelbagai aspek pembangunan negara. Usaha gigih ini meliputi segala bidang seperti pembangunan pelajaran, fizikal, kerohanian dan ekonomi.

Dalam bidang pendidikan contohnya, beliau telah membentuk Dasar Pelajaran Kebangsaan yang menjadi teras sistem pendidikan negara dengan menjadikan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Selain itu, ditubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia, program pendidikan di televisyen, mendirikan 3000 buah sekolah dalam tempoh sepuluh tahun adalah antara usaha beliau yang cemerlang. Dalam bidang ekonomi pula, Tun Abdul Razak cuba membangunkan ekonomi negara dengan memberi tumpuan lebih kepada pembangunan luar bandar. Beliau telah mengutarakan konsep Buku Merah, Buku Hijau, Gerak Maju dan Jaya Diri untuk tujuan tersebut. Selain itu, pembentukan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Dasar Ekonomi Baru dan pelbagai lagi program yang membentuk perkembangan ekonomi telah dirangka dan dilaksanakan dengan jayanya. Justeru itu, tidak hairanlah jika gelaran arkitek pembangunan atau Bapa Pembangunan diberikan kepadanya.

## BARISAN JEMAAH ISLAMIAH SE-MALAYSIA (BERJASA)

Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia (Berjasa) ditubuhkan pada bulan September 1977 oleh Menteri Besar Kelantan yang juga bekas pemimpin PAS, iaitu Datuk Haji Mohammad Nasir. Ia ditubuhkan berikutan daripada krisis yang tercetus antara pemimpin PAS dengan pucuk pimpinan kerajaan negeri Kelantan yang diketuai oleh Datuk Haji Mohammad Nasir. Parti ini seterusnya telah bergabung dengan Barisan Nasional pada bulan Disember 1977 dan seterusnya memerintah negeri Kelantan. Walau bagaimanapun, pengaruh parti ini semakin merosot dari semasa ke semasa. Pada 25 Mei 1989, di bawah pimpinan Hj. Wan Hashim Wan Ahmad, Berjasa telah menarik diri dari Barisan Nasional dan bergabung dengan Angkatan Perpaduan Umah (APU). Berjasa menjadi ahli Angkatan Perpaduan Umah (Apu) pada 25 Mei 1989.

\7-18



Keahlian parti ini adalah sekitar 25 000 orang dan lebih bertumpu di kawasan pantai timur.

## BARISAN NASIONAL

Idea untuk menubuhkan Barisan Nasional dicetuskan oleh Perdana Menteri Malaysia kedua iaitu Tun Abdul Razak Hussein. Terdapat tiga sebab Barisan Nasional ditubuhkan.

1. Politik: Lanjutan daripada peristiwa 13 Mei, 'politik ekstremis' ternyata tidak membawa kestabilan politik Malaysia. Justeru itu, untuk mengawal keadaan, sistem 'extra-parliamentary' perlu diwujudkan.
2. Ekonomi: keadaan ketidakserataan pendapatan dan ekonomi yang merupakan warisan penjajah mesti diperbetulkan. Keseimbangan antara pembangunan ekonomi dan sosial di bandar dan di luar bandar perlu diwujudkan. Untuk mencapai matlamat ini, politik haruslah stabil.
3. Sosial: proses memecahkan tembok perkauman hanya dapat dimulakan apabila semua kaum yang menetap dalam negara dapat mengenali 'keperluan sosial bersama' dan menyedari hakikat bahawa ia hanya dapat dicapai melalui usaha bersama.

Barisan Nasional telah ditubuhkan dengan rasminya pada 22 Disember 1972 di Dewan Bahasa dan Pustaka. Ia merupakan gabungan sembilan buah parti politik iaitu UMNO, MCA, MIC, PPP, GERAKAN, SUPP, Parti Pesaka Bumiputera (PPB), Perikatan Sabah dan PAS (PAS keluar dari Barisan Nasional pada 16 Disember 1977). Keanggotaan ini walau bagaimanapun berubah-ubah kerana adanya amalan 'keluar-masuk' parti dengan mudah. Antara parti-parti lain yang menyertai Barisan Nasional termasuklah BERJAYA, BERJASA, PBS, USNO (keempat-empat parti ini telah keluar dari Barisan Nasional), KIMMA, DMIP, AKAR, SAPP, LDP, PDS, PBRS, dan PBDS. Setiap parti yang ingin menyertai Barisan Nasional boleh diterima seandainya tiada sebarang bantahan daripada parti komponen yang lain dan ia boleh memohon keluar dari Barisan Nasional pada bila-bila masa.

Tujuan Barisan Nasional dibentuk antara lainnya adalah untuk:

1. Memupuk dan mengekalkan satu bangsa Malaysia yang harmoni dan bersatu padu.
2. Berusaha untuk mencapai pembangunan jasmani dan rohani dan mengekalkan Islam sebagai agama Persekutuan tetapi agama-agama lain juga boleh diamalkan dengan aman dan tenteram serta untuk menegakkan prinsip Rukun Negara.
3. Berusaha untuk mewujudkan satu masyarakat yang adil dan saksama.
4. Berusaha untuk mengeratkan lagi hubungan di kalangan parti anggota (Perlembagaan Barisan Nasional, 1975:2).

**Jadual 1** Jumlah kerusi yang dimenangi oleh Barisan Nasional dalam pilihan raya peringkat Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri pada tahun 1974, 1978, 1982, 1986, 1990 dan 1995

| Tahun Pilihan raya | Dewan Rakyat | Dewan Undangan Negeri |
|---|---|---|
| 1974 | 135 | 313 |
| 1978 | 131 | 240 |
| 1982 | 132 | 266 |
| 1986 | 148 | 291 |
| 1990 | 127 | 253 |
| 1995 | 161 | 339 |

*Sumber*: Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya 1974, 1978, 1982, 1986 dan 1995

Barisan Nasional yang juga dianggap sebagai kesinambungan parti Perikatan telah menyertai pilihan raya umum pada tahun 1974, 1978, 1982, 1986, 1990 dan 1995. Sebagai sebuah gabungan yang dianggotai oleh pelbagai parti ia telah berjaya dalam semua pilihan raya tersebut dan seterusnya membentuk kerajaan.

## BARISAN PEMUDA MELAYU

Barisan Pemuda Melayu diasaskan dan dipimpin oleh Ahmad Boestamam dan ditubuhkan di Dewan Bandaran Ipoh. Konsep

pembentukan Barisan Pemuda Melayu ini agak unik kerana menyedari bahawa orang Melayu berada di antara dua gergasi iaitu MPAJA dan penjajah Jepun, maka tidak bijak sekiranya hanya berpihak kepada satu pihak sahaja. Sebagai badan yang mempunyai hubungan yang sah dengan Jepun, ia telah beroperasi bagaikan "gergaji dua mata" kerana dalam masa yang sama ia mewujudkan kerjasama dengan MPAJA.

## BARISAN RAKYAT

Barisan Rakyat merupakan gabungan beberapa buah parti pembangkang yang bersatu menghadapi pilihan raya tahun 1978 dan 1982. Barisan ini terdiri daripada KITA, Parti Pekerja, Sosialis Democratic dan PEKEMAS. Walau bagaimanapun, gabungan ini tidak kekal lama dan akhirnya termansuh begitu sahaja.

## BARISAN RAKYAT JATI SARAWAK (BARJASA)

Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA) ditubuhkan pada 4 Disember 1961. Penubuhan BARJASA sebenarnya disebabkan timbul rasa tidak puas hati orang Melayu dan Melanau Islam terhadap Parti Negara Sawarak (PANAS). Parti ini dipimpin oleh Datuk Tuanku Haji Bujang Tuanku Osman yang merupakan seorang aristokrat di Sibu. Parti BARJASA ini mempunyai matlamat perjuangan seperti yang berikut:

i. Untuk memperkenalkan, melindungi dan mendokong prinsip-prinsip demokrasi berparlimen di Sarawak.
ii. Untuk memelihara dan mengembangkan perasaan muhibah dan harmoni di kalangan penduduk yang berbilang kaum di Sarawak dan untuk mengembangkan pertumbuhan bangsa yang kukuh dan bersatu padu.
iii. Mendokong dan menghormati Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Kebanyakan daripada ahli parti BARJASA berpendidikan Islam seperti Hj. Suut Tahir, Ustaz Abdul Kadir Hassan dan Haji Busrah. Manakala pemimpin-pemimpin lain termasuklah Abdul Rahman Ya'kub (Tun) dan Abdul Taib Mahmud (Tan Sri).

## BARISAN SOSIALIS RAKYAT BERSATU (SF)

Barisan Sosialis Rakyat Bersatu dibentuk hasil gabungan antara Parti Buruh dan Parti Rakyat pada 31 Ogos 1957. Faktor penting yang menyatukan kedua-dua parti ini ialah ideologi sosialis yang mendasari perjuangan mereka. Antara lain Barisan ini bercita-cita untuk:

i. Menubuhkan barisan organisasi sosialis demokrasi di Persekutuan Tanah Melayu.
ii. Berjuang untuk menubuhkan satu negara sosialis demokrasi di Tanah Melayu untuk para petani dan pekerja.
iii. Mengusahakan percantuman Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu.
iv. Bekerjasama dengan organisasi-organisasi sosialis demokrasi di negara-negara lain yang selaras dengan objektif Barisan.
v. Mendapatkan kebebasan politik, ekonomi dan sosial rakyat terutamanya di kalangan mereka yang bergantung secara langsung pada usaha mereka sendiri (Vasil, 1971: 185-186).

Barisan Sosialis Rakyat Bersatu telah menyertai pilihan raya umum pada tahun 1959 dan 1964 sebagai landasan untuk memperjuangkan ideologinya. Parti ini telah berjaya memenangi lapan kerusi Parlimen dan 16 kerusi Dewan Undangan Negeri dalam pilihan raya pada tahun 1959, manakala pada tahun 1964 hanya memenangi dua kerusi Parlimen dan tujuh kerusi Dewan Undangan Negeri. Selepas itu parti ini terpaksa dibubarkan atas sebab-sebab yang antara lainnya:

i. Pertikaian masalah pelaksanaan dasar sosialis.
ii. Wujudnya banyak masalah kompromi antara orang Melayu (Parti Rakyat) dan orang bukan Melayu (Parti Buruh).

## BERSIH, CEKAP DAN AMANAH

Slogan Bersih, Cekap dan Amanah telah dilancarkan oleh Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada bulan April 1982. Objektif utama slogan ini ialah untuk mewujudkan satu etika kerja dan sikap berkhidmat yang baru bagi rakyat Malaysia dengan memberi

keutamaan kepada peningkatan daya pengeluaran dan mutu kerja. Antara sifat-sifat yang menjadi teras untuk diterapkan dalam kempen ini termasuklah:

1. Bersih
   - i. Mempunyai moral yang tinggi, bertatatertib dan berdisiplin, tidak menyeleweng dan tidak amanah.
   - ii. Berkecuali iaitu tidak berat sebelah.
   - iii. Tidak mementingkan diri sendiri.
   - iv. Tidak khianat, hasad dan dengki.
2. Cekap
   - i. Berani dan cekap membuat keputusan.
   - ii. Menghadapi krisis dengan tenang.
   - iii. Bersikap tegas kepada prinsip.
   - iv. Mempunyai peningkatan hasil dan mutu kerja yang tinggi.
   - v. Berpandangan jauh – produktif dan bukan reaktif.
   - vi. Berpengetahuan, berpengalaman dan mahir dalam bidang-bidang tertentu.
3. Amanah
   - i. Rela dan cuba menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dalam batas kuasa yang ditentukan dengan penuh gigih dan ikhlas bagi mencapai objektif yang ditetapkan.
   - ii. Mempunyai sifat luhur dan murni, jujur kepada diri sendiri, rakan dan organisasi.

Dalam usaha mempraktikkan dasar ini, kerajaan telah menumpukan perhatian pada pentadbiran awam dan telah mengambil langkah-langkah seperti yang berikut:

1. Pengisytiharan harta oleh para anggota kabinet dan kakitangan pentadbiran awam.
2. Mengadakan manual prosedur kerja dan fail meja.
3. Pemakaian tanda nama.
4. Laporan Juru Audit Negara dan sebagainya.

(*INTAN*, 1988:105-110)

## BUDAYA POLITIK

Budaya politik adalah keseluruhan daripada pandangan-pandangan politik seperti norma-norma, pola orientasi terhadap politik dan pandangan hidup pada umumnya. Budaya politik mengutamakan dimensi psikologi dari satu sistem politik iaitu seperti sikap, sistem kepercayaan, simbol-simbol yang dimiliki oleh individu serta harapan mereka dalam sesuatu masyarakat. Ini disebabkan kegiatan politik seseorang tidak hanya ditentukan oleh tujuan yang diinginkan tetapi juga harapan mereka terhadap situasi politik semasa.

## BUKU HIJAU

Rancangan Buku Hijau bertujuan untuk menggalakkan rakyat lebih gigih dan giat berusaha bercucuk tanam untuk keperluan harian dan jualan. Rancangan ini bermatlamatkan agar rakyat lebih berdikari di samping membantu membangunkan ekonomi negara terutamanya dalam sektor pertanian. Ia telah dilancarkan oleh Tun Abdul Razak Hussein pada 20 Disember 1974 (*Malaysia*, 1986:141).

## BUKU MERAH

Buku Merah telah dilancarkan oleh Tun Abdul Razak Hussein pada 16 Mei 1972. Konsep ini meliputi perancangan pembangunan yang dirangka dengan pelbagai projek di setiap daerah. Di dalam Buku Merah ini dimasukkan peta-peta daerah serta projek-projek kecil dan besar yang dijalankan di peringkat daerah. Semua projek kemajuan tanah, pembekalan air, sekolah, pusat kesihatan, padang permainan, rancangan pengairan, bekalan elektrik dan lain-lain akan dicatat dan direkodkan dengan rapi. Ia kemudiannya dijadikan panduan bagi pembangunan daerah tersebut dengan tujuan menghapuskan ketidakseimbangan antara penduduk bandar dan luar bandar (*Malaysia*, 1986:140).

# C

## CALON

Calon atau individu yang ingin menyertai atau turut serta dalam pilihan raya sama ada bagi Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri (DUN) seharusnya memiliki beberapa syarat tertentu iaitu:

i. Warganegara yang bermastautin di Persekutuan.
ii. Umur tidak kurang daripada 21 tahun.
iii. Tidak hilang kelayakan menurut Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri masing-masing.

Bagi calon yang layak bertanding, ia boleh mencalon dirinya lebih daripada satu kerusi sama ada di peringkat Dewan Rakyat atau DUN. Namun demikian, perkara ini jarang terjadi kepada parti pemerintah tetapi suatu hal yang biasa di kalangan parti pembangkang. Jumlah calon yang bertanding dalam pilihan raya umum di Malaysia sejak tahun 1955 adalah seperti yang berikut:

**Jadual 2** Jumlah calon yang bertanding dalam pilihan raya Malaysia 1955–1990

| Tahun | Dewan Rakyat | DUN |
|---|---|---|
| 1955 | 129 | - |
| 1959 | 259 | 823 |
| 1964 | 279 | 769 |
| 1969 | 223 | 665 |
| 1974 | 255 | 831 |
| 1978 | 282 | 733 |
| 1982 | 275 | 754 |
| 1986 | 367 | 741 |
| 1990 | 373 | 776 |
| 1995 | 427 | 844 |

## CHOGM

Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel atau ringkasnya CHOGM merupakan persidangan yang dianjurkan dua tahun sekali. Malaysia telah menjadi tuan rumah persidangan CHOGM yang kesembilan yang diadakan pada 17 Ogos 1989. Sebanyak 49 buah negara telah menyertai persidangan ini. Sebelum itu, persidangan CHOGM telah diadakan di Singapura (1971), Ottawa, Kanada (1973), Kingston (1975), London (1977), Lusaka, Zambia (1979), Melbourne (1981), New Delhi, India (1983) dan Nassau, Bahamas (1985).

# D

## DAERAH

Bagi memudahkan pentadbiran di peringkat negeri, pengagihan kawasan mengikut daerah dibentuk. Jumlah daerah tersebut adalah bergantung pada pentadbiran negeri masing-masing. Di peringkat daerah (atau jajahan di Kelantan) merupakan peringkat pelaksanaan iaitu segala projek yang dirancang di peringkat Persekutuan dan Negeri akan dijalankan. Justeru itu, kebanyakan agensi Negeri dan Persekutuan mempunyai cawangan mereka di peringkat ini. Pegawai Daerah merupakan ketua pentadbir tertinggi di setiap daerah.

## DAFTAR PENGUNDI

Daftar pengundi amat penting dalam sesuatu pilihan raya kerana di situlah tercatat bagi menentukan seseorang warganegara itu boleh mengundi atau tidak walaupun ia mempunyai kelayakan sebagai pengundi. Daftar pengundi ini juga perlu bagi memastikan tidak ada pengundi yang mengundi lebih dari satu kali bagi satu-satu kawasan pilihan raya atau lebih dari satu kawasan pilihan raya. Pengundi hanya akan dibenarkan mengundi di kawasan namanya didaftarkan. Jumlah pengundi berdaftar pada setiap pilihan raya umum adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

**Jadual 3** Jumlah pengundi pada pilihan raya Malaysia 1955 – 1995

| Tahun | Jumlah Daftar Pengundi |
|---|---|
| 1955 | 1 280 000 |
| 1959 | 2 171 097 |

*Sambungan*

| Tahun | Jumlah Daftar Pengundi |
|---|---|
| 1964 | 2 763 077 |
| 1969 | 3 843 782 |
| 1974 | 4 132 032 |
| 1978 | 5 059 689 |
| 1982 | 6 081 628 |
| 1986 | 6 964 960 |
| 1990 | 7 960 000 |
| 1995 | 8 600 000 |

## PARTI TINDAKAN DEMOKRATIK (DEMOCRATIC ACTION PARTY – DAP)

DAP telah didaftarkan sebagai sebuah parti politik yang keanggotaan terbuka kepada semua kaum pada 18 Ogos 1966. Sejarah kelahiran DAP adalah lanjutan daripada Parti Tindakan Rakyat (PAP) pimpinan Lee Kuan Yew. Ia diasaskan oleh pemimpin DAP (setelah Singapura disingkirkan dari Malaysia) seperti Chen Man Hin (Pengerusi DAP sekarang), Devan Nair dan Goh Hock Guan.

Justeru itu, dasar perjuangan DAP pada asasnya tidak jauh berbeza dengan perjuangan PAP iaitu ke arah pembentukan 'Malaysian Malaysia' yang berdasarkan:

1. Sebagai sebuah negara yang berbilang bangsa, Malaysia bukanlah menjadi milik mana-mana satu kaum yang tertentu. Justeru itu, tidak ada satu kaum yang boleh menganggap dirinya sebagai tipikal Malaysia. Ini adalah satu norma yang patut dipatuhi oleh kaum-kaum lain.
2. Kebudayaan Malaysia adalah gabungan semua aliran kebudayaan yang ada di Malaysia.
3. Semua bahasa yang ditutur oleh rakyat Malaysia daripada berlainan keturunan adalah bahasa Malaysia.
4. Bahasa Kebangsaan akan menjadi bahasa bersama sebagai bahasa atau kuasa perpaduan dan bukan perpecahan.
5. Penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dalam satu sistem pelajaran yang benar-benar bersifat Malaysia dalam bentuknya.

Selain prinsip ini, DAP juga bergerak atas dasar-dasar yang

dimeteraikan melalui Deklarasi Setapak, 29 Julai 1967. Berasaskan deklarasi ini, tiga matlamat penting yang hendak dicapai oleh DAP ialah demokrasi politik, demokrasi sosial dan ekonomi serta demokrasi kebudayaan. DAP merupakan antara parti yang aktif dalam memainkan peranannya sebagai parti pembangkang. Penyertaan dan pencapaian DAP dalam pilihan raya umum adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3 Pencapaian DAP dalam pilihan raya umum 1969–1995 bagi Kerusi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri

| | Dewan Rakyat | Dewan Undangan Negeri |
|---|---|---|
| 1969 | 13 | 31 |
| 1974 | 9 | 23 |
| 1978 | 15 | 25 |
| 1982 | 6 | 12 |
| 1986 | 24 | 37 |
| 1990 | 20 | 45 |
| 1995 | 9 | 11 |

*Sumber: Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya* 1969-1995.

Antara pemimpin DAP yang popular termasuklah Lim Kit Siang, Lee Lam Thye (keluar parti pada tahun 1990), Karpal Singh dan juga Lim Guan Eng.

## DARURAT 1948

Darurat diisytiharkan di seluruh Tanah Melayu pada 18 Jun 1948 melalui penguatkuasaan undang-undang British Military Administration (BMA) – (Essential Regulation Proclamation – Stubbs 1989). Tindakan ini diambil apabila Parti Komunis Malaya telah melancarkan pemberontakan bersenjata terhadap kerajaan. Hal ini bermula apabila langkah Parti Kebangsaan Melayu Malaya untuk berkuasa dengan mendalangi mogok-mogok dan kegiatan politik di dalam AMCJA dan PUTERA menemui kegagalan. Pemberontakan komunis telah dimulakan dengan pembunuhan tiga orang peladang Eropah di Sungai Siput di Perak pada 16 Jun 1948.

Kemuncak keganasan komunis ini ialah pembunuhan Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu pada 6 Oktober 1951 di jalan antara Kuala Kubu dan Bukit Fraser.

Justeru itu, bagi membendung keganasan ini antara langkah yang dilakukan oleh kerajaan British termasuklah:

1. Mengadakan Undang-undang Darurat 1948.
2. Melantik Jeneral Gerald Templer sebagai Pesuruhjaya Tinggi British pada bulan Februari 1952.
3. Melonggarkan syarat mendapat hak kerakyataan Tanah Melayu 1952.
4. Memperkenalkan Rancangan Briggs.
5. Mewujudkan Perkhidmatan Negara 1952.
6. Mengkategorikan antara kawasan hitam dan kawasan putih. Pada bulan September 1952, Templer telah mengisytiharkan 'kawasan putih' yang pertama di Melaka.
7. Mengadakan pilihan raya pada tahun 1952 dan 1955.
8. Kerahan tenaga diisytiharkan yang mewajibkan semua lelaki tanpa mengira kaum, yang berumur antara 18 hingga 54 tahun supaya berkhidmat selama dua tahun dengan pasukan tentera, polis atau pertahanan awam.

Sepanjang tempoh Darurat selama 12 tahun, seramai 6710 pengganas komunis telah dibunuh dan 3989 orang telah ditangkap atau menyerah diri. Di pihak polis pula telah kehilangan 1364 orang anggotanya, manakala pihak tentera 519 orang. Jumlah orang awam yang terbunuh ialah 2473 orang, manakala yang hilang seramai 810 orang. Darurat telah diisytiharkan tamat pada 31 Julai 1960.

## DARURAT DI MALAYSIA

Sepanjang sejarah negara dari tahun 1948 hingga kini, kerajaan telah mengisytiharkan Darurat sekurang-kurangnya lima kali. Perkara ini dilakukan atas sebab-sebab keselamatan negara, bagi mengelakkan bahaya yang tertentu seperti yang digariskan dalam Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan. Antara pengisytiharan Darurat yang pernah dibuat ialah:

1. 18 Jun 1948 – Pengisytiharan ini telah dibuat oleh pemerintah British di bawah Ordinan Peraturan Darurat 1948. Ia bertujuan untuk mencegah keadaan luar biasa dan huru hara yang ditimbulkan oleh komunis. Darurat ini telah berjalan selama 12 tahun apabila kerajaan menamatkannya pada 31 Julai 1960.

2. 3 September 1964 – Pengisytiharan ini telah dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong. Tujuannya adalah untuk mengawal keselamatan negara yang sedang berkonfrontasi dengan Indonesia.
3. 14 September 1966 – Pengisytiharan ini dilakukan di bawah Akta Darurat (Kuasa Perlu). Tujuannya untuk membolehkan kerajaan menyelesaikan pertikaian politik yang membahayakan kedudukan keselamatan di negeri Sarawak berikutan pemecatan Ketua Menteri Sawarak, Datuk Stephen Kalong Ningkan oleh Yang Dipertua Negeri, Tun Abang Hj. Openg.
4. 15 Mei 1969 – Pengisytiharaan ini dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong berikutan rusuhan perkauman yang tercetus di antara orang Melayu dengan orang bukan Melayu, yang berlaku terutamanya di Kuala Lumpur.
5. 8 November 1977 – Pengisytihataran ini dibuat sematamata untuk menyelesaikan pertikian politik yang timbul di negeri Kelantan. Ia dilaksanakan di bawah Ordinan Kuasa Darurat (Kelantan) 1977 (Mohd. Salleh Abas, 1982:10-30).

## DASAR ASIA TENGGARA SEBAGAI KAWASAN AMAN, BEBAS DAN BERKECUALI (ZOPFAN)

Dasar ini telah diumumkan pada 27 November 1971 dalam Pengisytiharan Kuala Lumpur. Ia berasaskan satu konsepsi Asia Tenggara sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali dari sebarang pergolakan, pertelingkahan kuasa-kuasa dunia khususnya Amerika Syarikat, Russia dan juga China. Bagi memenuhi matlamat ini pemimpin Asean telah mengatur strategi seperti yang berikut:

1. Mendapatkan persetujuan negara-negara Asean dan negara-negara lain di Asia Tenggara terhadap dasar atau konsep tersebut.
2. Menggalakkan kerjasama serantau dalam bentuk bukan ketenteraan. Strategi ini menggariskan dengan lebih jelas tekanan pada saluran diplomatik.
3. Dalam jangka panjang mengundurkan tentera-tentera asing yang kini berpangkalan di beberapa negara di Asia Tenggara.

Konsep ZOPFAN ini dianggap penting kerana Asean

mempunyai kekayaan sumber semula jadinya serta kedudukan strategiknya yang sentiasa menjadi minat oleh kuasa-kuasa besar. Keadaan ini ditambah lagi dengan tercetusnya peperangan di Vietnam antara Amerika Syarikat dan Russia. Oleh itu, untuk mengelakkan dari kemungkinan ancaman yang lebih besar oleh kuasa-kuasa ini, maka pemimpin Asean telah mengambil langkah dengan memperkenalkan wilayah ZOPFAN. Walau bagaimanapun, sejak Deklarasi Kuala Lumpur 1971 diistyiharkan, konsep ZOPFAN tidaklah dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana terpaksa menghadapi tiga masalah besar, iaitu:

1. Kampuchea/Vietnam.
2. Sokongan kuasa-kuasa besar.
3. Minat sesetengah negara Asean yang mempunyai kepentingan berbeza.

## DASAR BELANJAWAN NEGARA

Dasar Belanjawan Negara dibentuk bagi mewujudkan satu garis panduan serta prinsip-prinsip untuk memudahkan perancangan kewangan dijalankan. Di Malaysia, bagi tujuan ini ia menggunakan sistem PPBS (Programme Planning Budgeting System) dalam kaedah belanjawannya.

Tujuan dasar belanjawan adalah berubah-ubah mengikut keadaan ekonomi negara. Seandainya negara menghadapi masalah kemelesetan ekonomi, belanjawan yang dibentuk mungkin berbeza dengan ketika negara mengalami inflasi. Faktor-faktor lain yang turut mempengaruhi dasar ini ialah pengangguran, peperangan dan sebagainya. Perseimbangan dasar belanjawan dengan situasi ekonomi negara ini penting bagi membantu mengatasi masalah ekonomi negara. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna masalah tersebut boleh diatasi secara terus atau serta merta sebaik sahaja dasar belanjawan dibentangkan. Ini disebabkan wujudnya halangan teknikal struktur ekonomi dan politik serta pengamalan sistem ekonomi terbuka negara yang terpaksa bergantung pada ekonomi luar (Ahmad Atory Hussein, 1985:181).

## DASAR EKONOMI BARU (DEB)

Dasar Ekonomi Baru telah dilancarkan oleh kerajaan pada tahun 1970 melalui Rancangan Malaysia Kedua (RMK) (1971-1975).

DEB bertujuan untuk membetulkan ketidakseimbangan sosioekonomi yang wujud di antara kaum dan wilayah di negara ini. Pembentukan dasar ini adalah kesan daripada tragedi 13 Mei 1969. Justeru itu, matlamat pokok dasar ini ialah ke arah pembentukan perpaduan nasional di kalangan penduduk negara ini untuk mencapai tujuan-tujuan dua strategi dasar telah digariskan yang antara lainnya:

1. Mengurangkan dan seterusnya membasmi kemiskinan dengan menambahkan pendapatan dan membanyakkan peluang pekerjaan kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum.
2. Mempercepatkan penyusunan semula masyarakat bagi memperbaiki keadaan ekonomi yang tidak seimbang supaya dapat mengurangkan serta menghapuskan pergerakan kaum mengikut fungsi ekonomi masing-masing (RMK, 1971:1).

Bagi pelaksanaan strategi untuk membasmi kemiskinan, tiga perkara utama dititikberatkan iaitu:

1. Menambahkan daya pengeluaran dan pendapatan mereka yang menghasilkan keluaran yang rendah dengan menggunakan teknik-teknik dan kemudahan yang lebih baik.
2. Menambahkan peluang untuk menukar bidang kegiatan daripada sektor yang rendah daya pengeluarannya kepada kegiatan di sektor yang lebih menguntungkan.
3. Mengadakan pelbagai perkhidmatan sosial yang percuma atau dibantu, khususnya untuk meningkatkan taraf hidup golongan yang berpendapatan rendah.

Manakala program penyusunan semula masyarakat pula menekankan kepada:

1. Meninggikan daya pengeluaran dan mutu kehidupan golongan miskin di luar bandar melalui pemodenan yang dijalankan.
2. Mengurangkan keadaan yang tidak seimbang dalam sektor guna tenaga yang terdapat sekarang secara berperingkat-peringkat melalui pertumbuhan ekonomi.
3. Menambahkan dengan lebih cepat lagi bahagian rakyat Malaysia dengan pemilikan modal.

4. Memastikan pembentukan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian di kalangan Bumiputera supaya menjelang tahun 1990 mereka akan memiliki dan menguruskan sekurang-kurangnya 30 peratus kegiatan ekonomi negara.
5. Memajukan negeri dan kawasan yang dianggap mundur melalui pembangunan wilayah baru seperti rancangan di bawah DARA, KEJORA, KETENGAH dan JENGKA.

Setelah berakhirnya tempoh Dasar Ekonomi Baru selama 20 tahun, walaupun kurang berjaya mencapai keseluruhan matlamat yang dirancang, namun ia sedikit sebanyak telah memperbaiki keadaan sosioekonomi masyarakat terutamanya golongan Bumiputera.

**Jadual 4** Pemilikan dan pengawalan sektor korporat tahun 1971 – 1990

| | **1971** **Nilai (%)** | **1990** **Pencapaian (%)** |
|---|---|---|
| Bumiputera | 4.3 | 19.6 |
| Bukan Bumiputera | 34.0 | 56.7 |
| Asing | 61.7 | 23.7 |
| Jumlah | 100 | 100 |

*Sumber bagi tahun 1971: Rancangan Malaysia Keempat, Jadual 3.13, hlm. 62.*
*Sumber bagi tahun 1990: Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, Jadual 3.12, hlm. 70.*

## DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

Dasar Kebudayaan Kebangsaan digubal untuk membentuk, mewujudkan dan mengekalkan identiti negara. Pembentukannya adalah berasaskan pertimbangan sejarah serta situasi masyarakat majmuk yang wujud. Justeru itu, berdasarkan Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang telah diadakan pada tahun 1971, tiga prinsip utama yang digariskan untuk dasar ini ialah:

1. Kebudayaan kebangsaan mestilah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini.
2. Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar hendaklah diterima.
3. Islam hendaklah menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan.

Pada asasnya, pembentukan kebudayaan kebangsaan ini mempunyai objektif yang tertentu, iaitu:

1. Untuk mengukuhkan perpaduan negara dan bangsa melalui satu identiti kebudayaan.
2. Memupuk keperibadian kebangsaan.
3. Mempertingkatkan nilai kehidupan yang seimbang di antara aspek kemanusiaan dengan aspek pembangunan sosioekonomi.

Garis panduan serta objektif yang terdapat dalam dasar ini sememangnya penting bagi memandu rakyat ke arah pembentukan bangsa dan negara Malaysia. Berasaskan sifat masyarakat majmuk, penerapan serta pengukuhan dasar ini perlu dilakukan secara serius agar rakyat tidak terus berkembang mengikut identiti masing-masing.

## DASAR KEPENDUDUKAN NEGARA

Matlamat kependudukan 70 juta penduduk telah disarankan oleh Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika berucap di Perhimpunan Agung UMNO pada bulan September 1982. Rasional dasar ini dilaksanakan antara lainnya ialah:

1. Untuk menyediakan satu asas permintaan dan pasaran bagi keluaran industri tempatan.
2. Pertambahan penduduk dianggap sebagai modal utama untuk kemajuan ekonomi dan sosial negara.
3. Meningkatkan daya pengeluaran negara.

Untuk mencapai matlamat dasar ini, beberapa alternatif telah dikaji, yang antaranya:

**Jadual 5** Hubungan kesuburan dengan pertambahan rakyat Malaysia

| Jumlah kadar kesuburan (%) | Tahun pencapaian matlamat | Jangka masa (Tahun) |
|---|---|---|
| 4.0 | 2045 | 70 |
| 3.0 | 2085 | 100 |
| 5.0 | 2031 | 50 |
| 10.0 | 2010 | 30 |

*Sumber: INTAN, 1988:118*

Dalam hal ini, tempoh yang disarankan oleh Perdana Menteri untuk mencapai matlamat ialah antara 135 – 140 tahun iaitu dalam lingkungan tahun 2125. Dasar ini sebenarnya memperlihatkan satu perubahan pemikiran yang penting dan radikal tentang kependudukan iaitu daripada dasar pertumbuhan yang berbentuk terbatas kepada bentuk yang menggalakkan. Langkah ini diharapkan dapat memerlihara kepentingan jangka panjang negara berasaskan rakyat adalah harta produktif yang berpotensi.

Kesan pertambahan kependudukan sebegini rupa tentunya memerlukan kerajaan bersiap sedia dari pelbagai aspek seperti bekalan makanan, perumahan, pekerjaan, kesihatan, pelajaran, bekalan air dan penggunaan tenaga. Lunjuran daripada ini, dasar-dasar yang sewajarnya mendapat perhatian kerajaan selanjutnya termasuklah:

1. Dasar Pembangunan Ekonomi.
2. Dasar Tenaga Manusia.
3. Dasar Makanan, Air dan Pertanian.
4. Dasar Tenaga.
5. Dasar Alam Sekitar.

(*INTAN*, 1988:121)

Dengan adanya persiapan yang rapi, matlamat kependudukan 70 juta boleh dicapai tanpa banyak menghadapi masalah.

## DASAR LUAR MALAYSIA

Dasar luar boleh didefinisikan sebagai polisi sesebuah negara terhadap situasi di luar batasan sempadannya. Ia juga dapat difahami sebagai satu keputusan dan tindakan sesebuah negara dalam usahanya untuk mencapai matlamat bernegara. Dengan kata lain, dasar luar ini melibatkan prinsip-prinsip sesebuah negara bagi mewujudkan hubungan antarabangsa dengan negara-negara luar.

Pembentukan dasar luar adalah satu ketetapan yang sering diubahsuaikan atau diperbaiki berikutan daripada perubahan persekitaran dunia, di samping berdasarkan keperluan dalam negara yang agak stabil. Namun begitu, dasar luar negara yang dibentuk biasanya berdasarkan empat konsep yang agak penting iaitu pendirian sesebuah negara terhadap negara lain, objektif dasar luar, strategi yang digunakan bagi mencapai objektif dasar luar dan

akhir sekali ialah tindakan sebenar yang diambil pada peringkat diplomatik, politik dan ketenteraan dalam melaksanakan sesuatu dasar.

Pada umumnya, tahap perkembangan dasar luar Malaysia dapat dibahagikan kepada empat jangka masa iaitu:

1. Dasar Luar Malaysia di bawah Tunku Abdul Rahman.
2. Dasar Luar Malaysia di bawah Tun Abdul Razak Hussein.
3. Dasar Luar Malaysia di bawah Tun Hussein Onn.
4. Dasar Luar Malaysia di bawah Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Di setiap tahap perkembangan dasar luar Malaysia akan mengalami perubahan tertentu mengikut situasi dan suasana politik pada ketika itu. Namun begitu, terdapat beberapa prinsip atau tafsiran yang menjadi pedoman dalam membentuk dan melaksana dasar luarnya:

1. Kedudukan negara yang mustahak dari sudut geopolitik di rantau Asia Pasifik. Juga menjadi persimpangan antara dua jalan laut iaitu Lautan Hindi dan Lautan Pasifik.
2. Nilai kekayaan negara yang sentiasa menarik dan ekonominya yang pelbagai mengakibatkan satu taraf hidup yang tinggi dan kukuh di Asia.
3. Konsep Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) – Malaysia percaya wujudnya sistem antarabangsa yang semua negara dapat hidup dalam keadaan aman dan damai.
4. Malaysia sebagai bekas tanah jajahan British menganggap dirinya salah satu anggota dalam Komanwel British.
5. Malaysia sebagai sebuah negara yang meletakkan Islam sebagai agama rasmi berpendapat bahawa hubungannya dengan negara-negara Islam adalah penting (*Negara Kita*, 1980:178).

## DASAR PANDANG KE TIMUR

Pada 8 Februari 1982, semasa persidangan "5th. Joint Annual Conference of MAJECA/JAMECA", Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengumumkan pelaksanaaan Dasar Pandang ke Timur. Dasar ini bermakna bahawa kerajaan akan mengambil

contoh-contoh dan teladan yang terbaik daripada negara Jepun dan Korea Selatan untuk diamalkan atau diterapkan dalam budaya kerja di Malaysia.

Objektif utama Dasar Pandang ke Timur ini adalah untuk meninggikan prestasi pengurusan dan pembangunan negara serta mewujudkan golongan masyarakat Malaysia yang menpunyai nilai-nilai dan etika kerja yang positif untuk meningkatkan kemajuan negara. Justeru itu, perkara yang ditekankan melalui dasar ini ialah kerajinan dan disiplin kerja, kesetiaan kepada negara dan perusahaan atau perniagaan tempat seseorang itu bekerja, keutamaan kepada kumpulan dan tidak mementingkan diri sendiri, tekanan terhadap daya pengeluaran dan mutu kerja yang tinggi, peningkatan kecekapan, pengurangan perbezaan dan pemisahan di antara pegawai dan pekerja am serta sistem pengurusan yang mengutamakan kejayaan jangka panjang dan bukan semata-mata peningkatan dividen atau pendapatan kakitangan dalam jangka pendek (*INTAN*, 1988:99).

Pelaksanaan dasar ini tidaklah bermakna Malaysia mengurangkan hubungan dengan negara-negara di sebelah Barat atau negara dagangan yang lain. Hal yang istimewa hanyalah wujudnya hubungan yang lebih erat dan rapat dengan negara-negara di sebelah Timur, manakala dengan negara lain, hubungan berjalan seperti biasa. Bagi mencapai matlamat dasar ini, kerajaan telah memperkenalkan beberapa kaedah tertentu seperti kad perakam waktu kerja, penggunaan tanda nama, konsep pejabat terbuka, pengamalan konsep bersih, cekap dan amanah, dan kepimpinan melalui teladan.

## DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN

Dasar Pelajaran Kebangsaan (DPK) dibentuk atas kesedaran peri pentingnya diadakan satu sistem pelajaran kebangsaan untuk menggantikan sistem pelajaran penjajah bagi memenuhi kehendak negara. Bertunjangkan kesedaran inilah lahirnya Dasar Pelajaran Kebangsaan melalui Penyata Razak 1957. Dasar ini kemudiannya telah dikemaskinikan dan diperkukuhkan melalui beberapa semakan semula. Ini dilakukan melalui:

1. Penyata Rahman Talib 1960.
2. Laporan Jawatankuasa Kabinet 1974.

Objektif dasar ini seperti yang dinyatakan dalam pendahuluan Akta Pelajaran 1961 ialah untuk menubuhkan satu sistem pelajaran yang akan dapat memenuhi keperluan negara dan menggalakkan perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik. Untuk mencapai matlamat ini, beberapa strategi pelaksanaan telah ditetapkan:

1. Menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama.
2. Mengadakan kurikulum yang sama dan berorientasikan Malaysia bagi semua jenis sekolah.
3. Mewujudkan sistem peperiksaan yang sama bagi semua sekolah.
4. Melicinkan tatacara pengurusan pelajaran.
5. Meningkatkan mutu pelajaran keseluruhan.
6. Mengadakan peluang pelajaran asas selama sembilan tahun.
7. Memperkenalkan pendidikan rendah yang berasaskan 3M iaitu membaca, menulis dan mengira.
8. Memperluaskan pendidikan vokasional dan teknik.
9. Mempelbagai kemudahan pelajaran di peringkat universiti terutama dalam bidang sastera dan sains gunaan.
10. Mempertingkatkan pendidikan kerohanian, disiplin dan keagamaan.
11. Menggalakkan aktiviti kokurikulum yang mempupuk disiplin seperti kadet polis, tentera dan bomba.

(*INTAN*, 1988:78)

Di samping strategi ini, bagi melicinkan pencapaian Dasar Pelajaran Kebangsaan, Kementerian Pendidikan telah menubuhkan dan memperkukuhkan beberapa unit tertentu sebagai sokongan. Antara unit yang dibentuk termasuklah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Bahagian Pelajaran Teknik dan Vokasional, Jawatankuasa Pusat Kurikulum, Bahagian Buku Teks, Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia, Jawatankuasa Perancangan Pelajaran, Bahagian Perkhidmatan Sebaran Pendidikan dan Pusat Perkembangan Kurikulum. Dengan langkah ini diharapkan matlamat untuk mencapai dasar ini akan dapat dicapai.

## DASAR PENSWASTAAN

Dasar penswastaan mula mendapat perhatian di Malaysia apabila ia diumumkan oleh Perdana Menteri pada bulan Mac 1983. Pada prinsipnya, penswastaan melibatkan pemindahan kuasa kawalan dan kepentingan atau pelaburan kerajaan yang tertentu kepada sektor swasta. Ia bertentangan dengan pemiliknegaraan (nationalization) yang merupakan satu proses menambahkan pemilikan dan penguasaan kerajaan dalam ekonomi. Dasar ini diperkenalkan atas beberapa objektif tertentu iaitu:

1. Mengurangkan beban kewangan kerajaan.
2. Meninggikan kecekapan dan penghasilan kerja.
3. Menggalakkan pertumbuhan ekonomi.
4. Mengagihkan sumber secara cekap dan berkesan.
5. Mempercepatkan pencapaian objektif mewujudkan golongan perniagaan Bumiputera

Bagi memandu pelaksanaan dasar ini, bahagian petugas penswastaan di Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan. Pihak kerajaan juga telah menyediakan dua garis panduan tentang penswastaan ini, iaitu:

1. Garis panduan tentang penswastaan untuk kegunaan pihak swasta bertarikh 21 Januari 1985.
2. Pekeliling Am Bil. 2 tahun 1985 bagi agensi kerajaan bertarikh 21 Januari 1985 (*INTAN*, 1988:43).

Oleh sebab untuk mencapai matlamat penswastaan sepenuhnya ini memakan masa yang panjang, maka kerajaan membenarkan ia dijalankan dalam beberapa bentuk iaitu:

1. Penswastaan secara sebahagian.
2. Penswastaan secara terpilih.
3. Penswastaan berbentuk pengurusan bercorak perniagaan swasta.
4. Penswastaan berbentuk pengurusan swasta.
5. Penswastaan secara kontrak.
6. Penswastaan secara pajakan.

Selain itu, kerajaan juga mewujudkan kriteria tertentu dalam pemilihan agensi-agensi yang hendak diswastakan. Kriteria tersebut ialah:

1. Sebahagian besar agensi-agensi kerajaan patut diswastakan kecuali agensi yang menyediakan keperluan awam seperti keselamatan dan pertahanan.
2. Agensi-agensi yang diberi keutamaan untuk diswastakan adalah agensi yang menunjukkan tahap kecekapan dan daya pengeluaran yang rendah.

Apabila proses penswastaan ini berjalan sepenuhnya, ia tidaklah bermakna kerajaan mengambil sikap 'lepas tangan'. Kerajaan mempunyai beberapa cara pengawalan bagi memastikan perkhidmatan yang diswastakan berjalan dengan baik, iaitu dengan:

1. Mewujudkan badan kawal selia.
2. Kawalan melalui 'golden-share' – yang membolehkan kerajaan menggunakan kuasa terhadap keputusan tertentu bagi menjamin perkhidmatan.
3. Kerajaan mempunyai kuasa mengambil alih syarikat-syarikat yang diswastakan dalam keadaan Darurat seperti mogok.
4. Mewujudkan unsur-unsur dalam perkhidmatan tertentu bagi menjamin keberkesanan dan kecekapan.

Sehingga kini, kerajaan telah menswastakan lebih daripada 50 agensi utamanya seperti Tenaga Nasional Bhd., Telekom Malaysia, Lembaga Pelabuhan Klang, Pos Malaysia, dan Kereta Api Tanah Melayu.

## DASAR PERINDUSTRIAN BERAT

Dasar Perindustrian Berat bertujuan untuk mewujudkan dan memperkembangkan pengeluaran barangan dan khidmat sokongan serta menambah jumlah pekerja mahir. Dengan itu teras industri akan menjadi lebih mantap untuk membawa Malaysia ke arah ekonomi yang lebih kukuh dengan memperluaskan dan mengukuhkan asas dan struktur perkilangan sehinggalah ia berkebolehan tumbuh berterusan.

Sebagai satu langkah penting menuju ke arah ini, kerajaan telah menubuhkan Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM) pada tahun 1980. Penubuhan ini adalah untuk mengenal pasti,

memulakan, melaksana dan mengurus projek-projek industri berat. Ini bermakna kerajaan akan menjadi peserta dalam bidang industri berat. Selain langkah ini, strategi lain yang dirancang dalam dasar perindustrian berat ialah:

1. Membenarkan kilang yang telah lama beroperasi mengeluarkan industri berat.
2. Di peringkat awal mengendalikan projek-projek industri berat secara usaha sama dengan rakan-rakan kongsi yang mempunyai teknologi dan kemahiran yang diperlukan.
3. Mengimport teknologi dan kemahiran yang diperlukan bagi mengembangkan industri berat.
4. Mereka teknologi dan jentera yang setanding atau lebih maju bagi mengembangkan lagi sektor industri berat negara.
5. Memberi galakan kredit, subsidi, tarif dan sebagainya kepada projek-projek industri berat untuk membantunya berdikari.
6. Menyusun dan merancang pengeluaran projek-projek industri berat supaya ditujukan untuk pasaran luar negara selain pasaran dalam negeri.

Sehingga kini, pencapaian dasar perindustrian berat ini dapat diukur dari penubuhan kilang-kilang seperti yang berikut:

1. Kedah Cement Sdn. Bhd.
2. Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.
3. Petro-Pipe Industries Sdn. Bhd.
4. Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd.
5. HICOM – Honda Manufacturing (M) Sdn. Bhd.
6. HICOM – Yamaha Manufacturing (M) Sdn. Bhd.
7. HICOM – Suzuki Manufacturing (M) Sdn. Bhd.
8. Perak – Manjong Cement.

(*INTAN*, 1988:11).

## DASAR PERSYARIKATAN MALAYSIA

Dasar Persyarikatan Malaysia telah diutarakan pada 25 Februari 1983 sewaktu pelancaran Forum INTAN oleh Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Dasar ini digubal dan dilaksanakan supaya pihak swasta akan memberi lebih banyak sumbangan kepada

pembangunan negara. Bagi tujuan ini, kerjasama yang erat antara sektor awam dan swasta perlu dipertingkatkan. Untuk itu, beberapa langkah telah diatur yang antaranya:

1. Menerangkan dasar ini kepada para pegawai dan eksekutif di sektor awam dan swasta.
2. Penubuhan panel perunding antara organisasi-organisasi berkenaan dengan wakil-wakil syarikat.
3. Menempatkan pegawai awam di syarikat swasta supaya mereka memperoleh perspektif sektor swasta.

Apabila langkah ini dilaksanakan, maka lebih banyak peluang pekerjaan akan diwujudkan dan lebih banyak cukai korporat, penjualan dan pendapatan dapat dikutip oleh kerajaan. Situasi yang sihat ini tentu akan meningkatkan prestasi sektor swasta dan seterusnya ekonomi negara.

## DASAR PERTANIAN NEGARA

Dasar Pertanian Negara (DPN) yang dijadikan sebagai garis panduan bagi membantu kerajaan dan sektor swasta membangunkan sektor pertanian dan keseluruhan ekonomi negara telah dilancarkan pada 12 Januari 1984. Dasar yang digubal bagi strategi pembangunan pertanian sehingga tahun 2000 ini mempunyai objektif berikut:

1. Memaksimumkan pendapatan sektor pertanian melalui penggemblengan sumber-sumber negara secara cekap dan berkesan supaya sumbangan sektor pertanian kepada ekonomi negara dapat dipergiatkan.
2. Memaksimumkan pendapatan pengusaha atau pekebun kecil melalui peningkatan daya pengeluaran supaya kadar kemiskinan dapat dikurangkan dan kualiti keluarga diperbaiki.
3. Memajukan dan meningkatkan hasil serta mutu komoditi eksport, komoditi-komoditi yang mempunyai potensi besar untuk eksport atau bahan gantian serta komoditi-komoditi terpilih untuk bahan makan dan perindustrian.

(*INTAN*, 1988:30)

Strategi untuk mencapai DPN ini ialah dengan:

1. Pembukaan tanah baru.
2. Pembangunan "in-situ".
3. Perkhidmatan sokongan pertanian.
4. Pembangunan sosial dan institusi.
5. Penswastaan dan penyertaan pihak swasta.

(*Malaysia*, 1988:256)

Sebagai sokongan kepada dasar ini, beberapa agensi pembangunan dengan fungsi-fungsi tertentu telah dibentuk atau dipergiatkan lagi peranannya. Antaranya:

1. Institusi-institusi penyelidikan dan kemajuan seperti MARDI dan PORIM.
2. Jabatan pertanian – mengeluarkan benih dan penentuan jenis tanah dan pembangunan teknologi baru.
3. Lembaga Pertubuhan Peladang – mengadakan kemudahan perolehan bahan-bahan baja, racun, jentera kenderaan, memproses dan sebagainya.
4. Lembaga pemasaran – FAMA.
5. Bank Pertanian – mengelolakan kemudahan kredit untuk rancangan projek pertanian.
6. Jabatan Perikanan dan Haiwan.

## DASAR RANCANGAN LIMA TAHUN

Dasar Rancangan Lima Tahun merupakan dasar yang dirangka bagi tempoh lima tahun bagi segala aktiviti ekonomi dan pembangunan negara. Di Malaysia, dasar ini telah dijalankan sejak tahun 1956 sehinggalah sekarang. Rancangan-rancangan yang telah dijalankan adalah seperti yang berikut:

1. Rancangan Malaya Pertama (1956-1960).
2. Rancangan Malaya Kedua (1961-1965).
3. Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970).
4. Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975).
5. Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980).
6. Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985).
7. Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990).
8. Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995).
9. Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000).

Setiap rancangan yang dibentuk umumnya mempunyai objektif-objektif tertentu yang diputuskan dan dipersetujui oleh parlimen. Walaupun begitu, dasar ini tetap berbentuk tambahan. Dengan kata lain, ia merupakan penerusan dasar pembangunan yang sedia ada dan jika wujud perbezaan sekalipun hanyalah dari segi penekanan. Antara objektif asas dalam dasar rancangan ini ialah:

1. Rancangan Malaya Pertama (1956-1960).

   Bertujuan memperbanyakkan peluang guna tenaga dan mengutamakan pembinaan insfrastruktur di luar bandar. RIDA adalah contoh utama yang diberi penekanan dalam rancangan ini. Sebelum tahun 1956, rancangan ekonomi kerajaan lebih menekankan usaha membendung komunis dan memperbaiki kerosakan infrastruktur yang dirosakkan oleh komunis.

2. Rancangan Malaya Kedua (1961-1965).

   Meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar, meningkatkan daya pengeluaran serta mempelbagaikan ekonomi negara.

3. Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970).

   Untuk mengadakan rancangan-rancangan pembangunan bagi semua rakyat, menaikkan lagi taraf hidup penduduk luar bandar dan yang berpendapatan rendah serta membentuk pengeluaran ekonomi baru supaya tidak bergantung pada getah dan biji timah.

4. Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975).

   Untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat dengan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

5. Rancangan Malaysia Ketiga (1975-1980).

   Berteraskan tiga matlamat utama iaitu membasmi kemiskinan, meneruskan usaha menyusun semula masyarakat dan memperkukuhkan lagi keselamatan negara.

6. Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985).

Rancangan ini menghuraikan dan memperkemaskan langkah dan program yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan Malaysia Ketiga bagi memastikan tercapainya matlamat sosioekonomi Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dirangka untuk menggalakkan perpaduan negara melalui strategi serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

7. Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990).

Rancangan ini digubal dengan strategi yang menekankan pertumbuhan ekonomi yang sederhana dan stabil. Ini mengambil kira keadaan ekonomi yang tidak menggalakkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat kesan daripada perkembangan ekonomi antarabangsa yang tidak menentu dan batasan-batasan sumber dalam ekonomi.

8. Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995).

Dasar, strategi dan pembangunan untuk mengekalkan kadar pertumbuhan yang pesat terus dilaksanakan untuk membolehkan negara mencapai matlamat pertumbuhan dengan pengagihan yang selaras dengan matlamat Rangka Rancangan Jangka Panjang Dua dan aspirasi jangka panjang Wawasan 2020.

9. Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000).

Rancangan Malaysia Ketujuh (RM7) menjurus kepada usaha mempertingkatkan mutu kehidupan rakyat menerusi taraf kesihatan, pendidikan dan perumahan lebih baik di samping mengekalkan pertumbuhan negara pada kadar lapan peratus. RM7 menekankan lima dimensi yang melibatkan pertumbuhan berasaskan produktiviti, peningkatan daya saing pembangunan sumber manusia, memperkukuhkan bidang sains dan teknologi, penyelidikan maklumat dan mewujudkan sektor pertumbuhan baru.

memegang jawatan melebihi dua tahun, secara berterusan atau sebaliknya.

Selain itu, ahli dewan juga boleh tergugur dengan sendirinya sekiranya ia tidak hadir dalam tempoh tiga bulan selepas ia dipilih. Setiap kekosongan ahli dewan hendaklah diisi dalam tempoh 60 hari dari tarikh kekosongan tersebut. Ahli Dewan Negara tidak terbabit keahliannya apabila parlimen dibubarkan.

Urusan perjalanan mesyuarat dewan dikendalikan oleh Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua. Kedua-dua jawatan ini adalah dipilih mengikut Perkara 68. Dalam menjalankan tanggungjawabnya, dewan tidak mempunyai kuasa menolak sesuatu rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat. Ia juga tidak berkuasa membuat pindaan jika pindaan itu tidak diterima oleh Dewan Rakyat. Namun begitu, Dewan Negara mempunyai kuasa penangguhan bagi rang undang-undang kewangan selama satu bulan, manakala bagi rang undang-undang lain ialah satu tahun.

## DEWAN RAKYAT

Dewan Rakyat adalah dewan demokratik yang dipilih secara langsung oleh rakyat atas asas hak mengundi yang digunakan dalam pilihan raya. Ia bertujuan untuk mencerminkan kemahuan yang popular dan di situlah terletak segala kuasa dan kekuatan. Sesuai dengan perlantikan melalui pilihan raya, tempoh perkhidmatan ahli Dewan Rakyat akan tamat apabila parlimen dibubarkan. Penamatan tempoh ini juga boleh berlaku terhadap ahli dewan yang:

1. Hilang kelayakan mengikut Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan.
2. Tidak hadir dalam mesyuarat dewan selama enam bulan tanpa mendapat izin dewan mengikut Perkara 52.
3. Tidak menghadiri mesyuarat dalam tempoh tiga bulan dari tarikh dewan mula-mula bersidang selepas pilihan raya.

Di Malaysia, seseorang wakil rakyat di dalam Dewan Rakyat hanya berhak mewakili satu kawasan pilihan raya sahaja di peringkat Parlimen. Dengan kata lain, ia juga boleh menjadi ahli Dewan Undangan Negeri sekiranya terpilih. Sehingga pilihan raya tahun 1995 keanggotaan ahli Dewan Rakyat adalah seramai 192 orang:

| | | |
|---|---|---|
| Semenanjung Malaysia | – | 145 orang ahli |
| Sabah | – | 20 orang ahli |
| Sarawak | – | 27 orang ahli |
| | | 192 orang ahli |

Umur minimum bagi menjadi ahli dewan ini ialah 21 tahun. Bagi melicinkan perjalanan dewan, seorang Yang Dipertua Dewan akan dipilih sama ada daripada kalangan ahli dewan ataupun seorang lain yang layak dipilih. Walau bagaimanapun, jawatan Timbalan Dipertua Dewan mestilah dipilih daripada ahli Dewan Rakyat itu sendiri.

Di Malaysia, Dewan Rakyat mempunyai kuasa yang lebih besar daripada Dewan Negara. Di sinilah kebanyakan rang undang-undang digubal dan kemudiannya diluluskan.

## DEWAN UNDANGAN NEGERI

Pembentukan Dewan Undangan Negeri (DUN) diperuntukkan mengikut Seksyen 4 Jadual Kelapan, Bahagian 1 Perlembagaan Persekutuan. Di bawah peruntukan ini, tiap-tiap Dewan Undangan Negeri hendaklah mengandungi beberapa orang ahli yang dipilih sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri. Semenjak pilihan raya pertama hingga pilihan raya kesembilan, jumlah anggota Dewan Undangan Negeri telah bertambah dari semasa ke semasa mengikut persempadanan semula kawasan yang ditentukan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Perikatan dan seterusnya Barisan Nasional merupakan parti yang berjaya menguasai sebahagian besar kerusi Dewan Undangan Negeri dan membentuk kerajaan sejak dari merdeka hingga kini kecuali di negeri Terengganu, Kelantan dan Sabah. PAS pernah membentuk kerajaan negeri di Terengganu pada tahun 1959. Manakala di Kelantan, PAS telah membentuk kerajaan negeri pada tahun 1964, 1969, 1990 dan 1995. Di Sabah, Parti Bersatu Sabah (PBS) telah membentuk kerajaan negeri pada tahun 1985 dan 1990.

Dewan Undangan Negeri umumnya mempunyai beberapa peranan atau tanggungjawab tertentu yang antara lainnya termasuklah:

**Jadual 5** Pertambahan jumlah kerusi Dewan Undangan Negeri di setiap negeri di Malaysia 1959 – 1995

| Negeri | 1959 | 1964 | 1974 | 1986 | 1995 |
|---|---|---|---|---|---|
| Perlis | 12 | 12 | 12 | 14 | 15 |
| Kedah | 24 | 24 | 28 | 28 | 36 |
| Kelantan | 30 | 30 | 36 | 39 | 43 |
| Terengganu | 24 | 24 | 28 | 32 | 32 |
| Pulau Pinang | 24 | 24 | 27 | 33 | 33 |
| Perak | 40 | 40 | 42 | 46 | 52 |
| Pahang | 23 | 24 | 32 | 33 | 38 |
| Selangor | 28 | 28 | 33 | 42 | 48 |
| Negeri Sembilan | 24 | 24 | 28 | 28 | 32 |
| Melaka | 20 | 20 | 20 | 20 | 25 |
| Johor | 32 | 32 | 36 | 36 | 40 |
| Sabah | – | 32 | 48 | 48 | 48 |
| Sarawak | – | 48 | 48 | 48 | 48 |
| JUMLAH | 282 | 362 | 408 | 447 | 490 |

*Sumber: Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya,* 1959, 1964, 1974, 1986 dan 1995.

1. Mengubal undang-undang seperti yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan (Perkara 73 (B)) yang berbunyi 'Badan Perundangan Negeri boleh membuat undang-undang bagi seluruh atau mana-mana bahagian negeri itu'.
2. Meluluskan belanjawan.
3. Melantik Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan.
4. Melantik ahli Dewan Negara.
5. Mengadakan persidangan Dewan Undangan Negeri.
6. Bertindak sebagai jawatankuasa memecat Menteri Besar (jika perlu).

Seperti Dewan Rakyat, Dewan Undangan Negeri juga memiliki beberapa keistimewaan mengikut Perlembagaan Persekutuan Perkara 72, antaranya:

1. Sahnya apa-apa perjalanan dalam mana-mana Dewan Negeri tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.
2. Tiada seseorang pun boleh dikenakan dakwa dalam apa-apa jua perbicaraan dalam mana-mana mahkamah mengenai apa-apa jua yang dikatakan atau apa-apa undi yang diberikan olehnya apabila mengambil bahagian dalam perjalanan mana-mana Dewan Negeri.

## DISKRIMINASI

Diskriminasi boleh berlaku apabila seseorang itu dilayan dengan cara-cara tertentu semata-mata kerana individu itu tergolong ke dalam sesuatu kumpulan tertentu. Dengan kata lain, diskriminasi merupakan layanan yang berbeza-beza terhadap individu atau kelompok manusia atau faktor seperti ras, agama dan jantina. Amalan diskriminasi ini boleh dibahagikan kepada beberapa asas seperti:

1. Diskriminasi Terpencil

   Merujuk kepada tindakan kurang baik yang sengaja diambil oleh individu golongan dominan terhadap anggota kumpulan minoriti.

2. Diskriminasi Kumpulan Kecil

   Merupakan tindakan buruk yang sengaja diambil oleh satu kumpulan kecil terhadap anggota-anggota golongan minoriti tanpa sokongan daripada peraturan atau norma dalam konteks organisasi sosial yang lebih luas.

3. Diskriminasi Keinstitusian Secara Langsung

   Merujuk tindakan-tindakan yang ditentukan oleh orginasasi atau masyarakat yang mempunyai kesan yang negatif terhadap anggota-anggota golongan minoriti. Tindakan ini dilakukan secara tersusun, berterusan dan dilakukan oleh ramai individu berdasarkan peraturan organisasi dalam masyarakat. Contohnya dasar apatheid.

4. Diskriminasi Keinstitusian Secara Tidak Langsung

   Jenis ini merujuk kepada amalan yang mempunyai kesan

negatif terhadap anggota golongan minoriti meskipun dasar-dasar dan peraturan yang menentukan amalan digubal dan dilaksanakan tanpa sebarang tujuan untuk mendiskriminasikan anggota golongan minoriti (Ting Chew Peh, 1987:120-122).

## DUNIA KETIGA

Negara Dunia Ketiga adalah istilah yang digunakan bagi mengkategorikan sesebuah negara mengikut sistem ekonomi dan politik yang diamalkan. Menurut Horowitz I.L., umumnya dunia pada hari ini boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan:

1. Negara Dunia Pertama yang terdiri daripada negara industri maju, mengamalkan sistem kapitalis dan pasaran bebas. Blok ini merangkumi Amerika Syarikat, Eropah Barat, Jepun dan New Zealand.
2. Negara Dunia Kedua mengamalkan ekonomi sosialis atau komunis yang berpandukan aktiviti ekonomi yang dirancang di peringkat pusat. Negara-negara ini terdiri daripada Russia, China, Indochina dan Eropah Timur.
3. Negara Dunia Ketiga menumpukan sistem ekonomi yang bercorak campuran. Ia merupakan gabungan antara sistem kapitalis dan sistem sosialis yang meliputi sistem ekonomi bebas dan ekonomi yang dirancang dari pusat. Sistem ekonomi blok ini melibatkan sektor persendirian (swasta dan bebas), sektor awam dan campur tangan kerajaan dalam kegiatan ekonomi. Negara Dunia Ketiga ini merangkumi hampir kesemua negara di benua Afrika, Asia dan Amerika Latin.

Sifat negara Dunia Ketiga ini biasanya berlandaskan:

1. Taraf hidup yang dimanifestasikan dalam sifat kuantiti dan kualiti. Ini bukan sahaja dibandingkan dengan negara-negara kaya tetapi menjadi kebiasaan dalam hubungan antara kumpulan sosial (antara elit dan masyarakat massa) dalam negara itu sendiri. Keadaan ini dapat dilihat dalam Keluaran Negara Kasar (KNK), kadar pertumbuhan per-kapita yang rendah dan perlahan. Jurang agihan pendapatan dan kekayaan negara yang besar, kadar pertam-

bahan penduduk yang tinggi, kadar kematian dan buta huruf yang tinggi.

2. Kadar pengeluaran yang rendah kesan daripada ekonomi sara diri dan kegiatan ekonomi tertumpu pada sektor pertanian yang mempunyai risiko yang tinggi bagi pembangunan ekonomi, sektor industri yang masih kecil dan tiada pengkhususan kerja di kalangan buruh serta penggunaan teknologi bercorak tradisional.

Berdasarkan perkara inilah lazimnya negara Dunia Ketiga adalah:

1. Berada dalam suasana kolonialisme pada sebelum Perang Dunia Kedua dan sebagai bekas negara jajahan selepas Perang Dunia Kedua.
2. Mengambil teknologi dari negara-negara Dunia Pertama dan menggunakan ideologi dari Dunia Kedua.
3. Bebas daripada pakatan kedua-dua kuasa besar iaitu Nato dan Warsaw.
4. Negara-negara yang mengamalkan sistem pemerintahan yang bercorak demokrasi Barat ataupun sosialis (komunis).
5. Berpegang kepada konsep berkecuali dalam politik antarabangsa.
6. Mengamalkan penggunaan sistem ekonomi campuran.

Antara negara-negara yang dikategorikan dalam Dunia Ketiga ini termasuklah Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina, Ghana, Kenya dan Chile.

# E

## ELIT

Konsep elit umumnya merujuk kepada segolongan anggota daripada mana-mana masyarakat yang memegang jawatan utama atau lebih tepat lagi, ia merujuk kepada segolongan orang yang unggul dalam sesuatu bidang tertentu yang diterajuinya. Bottomore mendefinisikan elit sebagai kumpulan pekerjaan yang berfungsi serta mempunyai status tinggi (1965:8). Manakala F.S Wright dan F. Randall menghuraikannya sebagai kumpulan manusia yang terkenal dalam sesuatu lapangan dan menjalankan kuasa, moral atau praktikal dalam lapangan sains, seni, politik dan sebagainya.

Berdasarkan penjelasan ini, elit digunakan bagi melambangkan satu golongan masyarakat yang pakar dalam sesuatu bidang kerana mereka mempunyai kebolehan untuk memberi kesan terhadap kehidupan dan pemikiran orang lain. Justeru itu, mereka ini lazimnya adalah golongan minoriti dalam sesebuah masyarakat. Ia akan muncul dalam setiap aktiviti yang berkaitan dengan kehidupan sosial. Lantaran itu, semua kumpulan elit dianggap berpengaruh tetapi dalam lingkungan yang berasingan dengan tanggungjawab dan sumber kuasa yang berbeza (Suzanne Keller, 1972:26). Secara amnya, berasaskan kedudukannya, elit boleh dicirikan seperti yang berikut:

1. Satu kelompok yang kecil.
2. Memiliki kedudukan yang tertinggi di kalangan masyarakat.
3. Mempunyai kuasa dalam proses pembuatan dasar kerajaan.

4. Mempunyai pengalaman dari segi pentadbiran dan pemerintahan.
5. Mempunyai pelajaran yang tinggi dan mempunyai kekuatan ekonomi (Dye, 1983:24).

Berhubung dengan peranan golongan elit, biasanya ia adalah berbeza dari satu negara dengan negara yang lain. Di negara-negara membangun, kewujudan kumpulan elit mungkin tidaklah serumit jika dibandingkan dengan negara-negara industri. Menurut Lenczowski, di negara-negara membangun biasanya kumpulan elit yang wujud adalah daripada kumpulan tuan tanah, undang-undang, ahli perniagaan dan golongan profesional (1978:104). Manakala di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, kumpulan elit yang wujud boleh dikategorikan kepada 12 jenis iaitu kumpulan industri korporat, pengangkutan dan komunikasi, bank, insurans, golongan pelabur, media massa, undang-undang, pelajaran, kebudayaan, politik serta pihak tentera (Dye, 1983:12).

Di Malaysia, antara golongan elit yang wujud termasuklah elit politik, ekonomi, tradisional (termasuk golongan raja dan para ulama), birokrasi, tentera dan intelektual.

## ETNIK

Konsep etnik boleh ditafsirkan sebagai sebilangan orang ramai menggangap diri mereka dan dianggap oleh orang lain sebagai satu entiti kebudayaan berdasarkan ciri-ciri kebudayaan yang mereka miliki serta interaksi sosial yang kerap di antara mereka. Dengan kata lain, kelompok etnik adalah merujuk kepada satu kategori kelompok manusia yang mempunyai ciri-ciri budaya yang sama dan juga dalam satu kelompok institusi sosial. Kumpulan etnik ini pula biasanya dibezakan antara satu sama lain melalui ciri-ciri budaya seperti adat resam, pola keluarga, pakaian, orientasi politik, kegiatan ekonomi, dan pola hiburan. Dalam masyarakat Malaysia, kumpulan etnik ini merujuk pada orang Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban, Murut dan sebagainya.

# F

## FEDERALISME

Konsep federalisme bermaksud wujudnya dua peringkat kerajaan iaitu kerajaan pusat dan negeri yang tiap-tiap kerajaan ini mempunyai had bidang kuasa masing-masing serta bebas daripada campur tangan orang lain (Wheare, 1964:10). Di Malaysia, konsep federalisme sememangnya jelas diamalkan. Kerajaan pusat mempunyai kuasa memerintah melalui Dewan Rakyat, manakala kerajaan negeri pula melalui Dewan Undangan Negeri. Bagi menyelaraskan pentadbiran mengikut sistem ini, maka pengagihan kuasa telah dibuat berasaskan tiga kategori iaitu:

1. Senarai Pertama – kuasa kerajaan pusat.
    i. Hubungan luar.
    ii. Pertahanan.
    iii. Keselamatan dalam negeri.
    iv. Kewarganegaraan Persekutuan.
    v. Kewangan.
    vi. Perdagangan dan industri.
    vii. Pendidikan.
2. Senarai Kedua – kuasa kerajaan negeri.
    i. Undang-undang Islam.
    ii. Tanah.
    iii. Pertanian dan perhutanan.
    iv. Kerajaan tempatan.
    v. Perkhidmatan tempatan.
    vi. Jentera kerajaan negeri.

3. Senarai Ketiga – kuasa bersama.

   i. Kebajikan awam.
   ii. Biasiswa.
   iii. Taman negara dan hidupan liar.
   iv. Parit dan tali air.
   v. Perkara-perkara lain yang bersangkutan.

Ketua negara bagi sistem federalisme di Malaysia ialah Yang di-Pertuan Agong atas persetujuan Majlis Raja-Raja. Selain itu, berhubung dengan perlembagaan dan perundangan, kerajaan pusat mempunyai kuasa lebih tinggi. Seandainya terdapat percanggahan antara pembuatan undang-undang peringkat negeri dan persekutuan dengan sendirinya undang-undang peringkat negeri tidak boleh digunakan.

# G

## GAGASAN MALAYSIA

Gagasan Malaysia merupakan idea Tunku Abdul Rahman yang bercita-cita menyatukan Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Borneo Utara (Sabah) dan Brunei di bawah satu pentadbiran yang dikenali sebagai Malaysia. Gagasan ke arah pembentukan Malaysia ini sebenar didorong oleh beberapa sebab yang antara lainnya:

1. Wujudnya pengaruh golongan kiri yang semakin kuat di Singapura.
2. Membangunkan kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak.
3. Mempercepatkan kemerdekaan Sabah dan Sarawak.
4. Bagi membolehkan Parti Tindakan Rakyat Singapura memerintah Singapura.

Gagasan yang mula disarankan pada 27 Mei 1961, walau bagaimanapun, banyak menerima cabaran dan tentangan bukan sahaja dari dalam negeri bahkan dari negara-negara jiran. Antara cabaran itu ialah:

1. Konfrontasi oleh Indonesia.
2. Tuntutan Filipina ke atas Sabah.
3. Tentangan dari Parti Rakyat Brunei.
4. Tentangan beberapa parti politik di Sarawak.

Bagi mengatasi masalah ini, kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang berunding dengan kerajaan British telah bersetuju menubuhkan satu suruhanjaya untuk meninjau pendapat pendu-

duk Sabah dan Sarawak. Suruhanjaya ini dinamakan Suruhanjaya Cobbold. Hasil daripada usaha ini, akhirnya pada 16 September 1963 terbentuklah Persekutuan Malaysia seperti yang dirancangkan kecuali Brunei yang menarik diri. Hal ini telah disahkan oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang menghantar Michaelmore sebagai wakilnya.

## GAGASAN RAKYAT

Gagasan Rakyat merupakan satu gabungan pelbagai parti politik yang dibentuk pada pilihan raya tahun 1990 bagi menentang Barisan Nasional. Antara parti yang menganggotai Gagasan Rakyat di bawah pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah ini ialah Semangat 46, DAP, PRM, AMIPF dan PBS. Umumnya, pembentukan gagasan ini adalah sebagai jalan keluar kepada parti pembangkang yang berusaha mewujudkan kerjasama antara mereka. Selain itu, ia juga bertujuan mengatasi masalah perbezaan ideologi antara DAP dan PAS yang menjadi anggota Angkatan Perpaduan Umah yang juga diterajui oleh Tengku Razaleigh Hamzah.

## GERAKAN BELIA 4B

Gerakan Belia 4B atau nama asalnya Gerakan Belia Malaysia telah dilancarkan penubuhannya pada 3 Ogos 1966 bertempat di Dewan Belia Kampung Pandan, Kuala Lumpur. 4B di sini membawa maksud Bersatu, Belajar, Bekerja dan Berkhidmat. Gerakan ini lahir daripada kesedaran perlunya sebuah pertubuhan belia yang bercorak kebangsaan untuk menggembleng seluruh tenaga para belia tanah air ke arah mencapai matlamat yang benar.

Pada awal tahun 1972, Gerakan Belia 4B mempunyai kekuatan anggota di sebelas buah negeri, 412 daerah dan 844 persatuan gabungan. Ia merangkumi seramai kira-kira 80 000 orang. Struktur organisasi keahlian ini walau bagaimanapun telah berubah pada tahun 1982 apabila keahlian dibuat mengikut sempadan pilihan raya dan bukan lagi mengikut daerah atau jajahan. Kaedah ini menjadikan pada hari ini Gerakan Belia 4B mempunyai 132 kawasan di sebelas buah negeri. Persempadanan ini akan berubah dari semasa ke semasa mengikut perubahan sempadan yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Tujuan penubuhan Gerakan Belia 4B Malaysia ini antaranya ialah:

1. Menyatu, menyusun dan menggembleng tenaga belia untuk mengambil peranan positif dalam pembangunan negara dan menegakkan masyarakat yang adil.
2. Memberikan pendidikan rohani dan jasmani.
3. Melatih ahli-ahli mengambil bahagian yang sepenuhnya dalam perjalanan gerakan, masyarakat dan negara.
4. Menggalakkan dan menganjurkan kajian, latihan dan bimbingan untuk belia dalam semua bidang kemahiran dan pengetahuan.
5. Berusaha untuk memelihara, memperkembangkan dan mempertahankan keutuhan bahasa Melayu dan kebudayaan yang berteraskan kebudayaan Melayu.

Pertubuhan ini mempunyai bangunannya sendiri yang dinamai Perangsang Segemal.

# H

### *HABEAS CORPUS*

*Habeas Corpus* merupakan suatu bentuk remedi kepada penahanan yang tidak sah. Seseorang yang ditangkap oleh pihak berkuasa boleh memohon writ *habeas corpus* ini daripada mahkamah. Ini adalah sejajar dengan Perkara 5 Perlembagaan yang menjamin kebebasan bergerak oleh seseorang individu. Tujuan utama *habeas corpus* adalah supaya orang yang ditahan tanpa sebab yang sah dapat dibebaskan dengan segera.

### HAK ISTIMEWA ORANG MELAYU

Bagi menjaga kepentingan orang Melayu, Perlembagaan Persekutuan, Perkara 153 telah memaktubkan Hak Istimewa Orang Melayu. Perkara ini meliputi perkhidmatan awam, ekonomi dan pelajaran.

1. Perkhidmatan Awam
   Perkara 153 [2,3 dan 4] menjelaskan bahawa Yang di-Pertuan Agong adalah bertanggungjawab menentukan perezapan bagi orang Melayu dan Bumiputera (Sabah dan Sarawak) dengan menentukan suatu kadar bilangan jawatan dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berpatutan. Lazimnya hal ini dijalankan atas nasihat Jemaah Menteri.

2. Ekonomi
   Mengikut Perkara 153, Fasal 6, Yang di-Pertuan Agong boleh menjalankan tugasnya di bawah undang-undang

mengikut apa cara atau apa-apa arahan kepada mana-mana pihak berkuasa yang bertanggungjawab di bawah undang-undang itu atas pemberian permit atau lesen mengikut perezapan tertentu kepada orang Melayu dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak. Pihak berkuasa hendaklah mematuhi arahan itu dengan sempurna.

Dalam Fasal 7 pula dinyatakan apabila Yang di-Pertuan Agong menjalankan tanggungjawab di bawah Fasal 6, baginda tidak boleh melucut hak, keistimewaan, permit atau lesen yang berakru yang dinikmati oleh seseorang atau menolak permohonan sesiapa yang memperbaharui lesen atau permit itu. Justeru itu, dinyatakan dalam Fasal 8 bahawa kepentingan sah kaum lain adalah dilindungi.

3. Pelajaran

Fasal ini dirangka kerana menyedari orang Melayu dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak ketinggalan dalam bidang ini. Keutamaan yang sewajarnya adalah perlu bagi mereka boleh bersaing dengan bangsa-bangsa lain.

i. Fasal 2 – Yang di-Pertuan Agong menjalankan tanggungjawab melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera Sabah serta Sarawak dengan menentukan perezapan, biasiswa, bantuan dan keistimewaan pelajaran atau latihan atau kemudahan khas yang diberi oleh kerajaan Persekutuan.

ii. Fasal 3 – Yang di-Pertuan Agong boleh memberi arahan kepada mana-mana pihak berkuasa yang bertanggungjawab dan pihak berkuasa itu mesti mematuhi arahan mereka.

iii. Fasal 4 – Yang di-Pertuan Agong tidak boleh menghentikan apa-apa biasiswa, bantuan atau keistimewaan pelajaran atau latihan yang dinikmati oleh bangsa lain untuk memberi keutamaan kepada orang Melayu dan kaum Bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Keseluruhan hak istimewa orang Melayu ini dibentuk bagi membantu golongan Melayu dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak yang serba ketinggalan dalam bidang ekonomi mahupun pelajaran. Hak ini tidak boleh dipertikaikan dan dilindungi di bawah Akta Hasutan 1948 [Pindaan 1971].

## HIZBUL MUSLIMIN MALAYSIA

Hizbul Muslimin Malaysia (HAMIM) telah ditubuhkan oleh Dato' Mohd. Asri Muda setelah keluar dari Parti Islam Se-Malaya pada 9 Jun 1983. Parti ini lebih cenderung meluaskan pengaruhnya di utara Semenanjung. Parti ini telah bergabung dengan Barisan Nasional pada tahun 1985 tetapi kemudiannya menarik diri pada tahun 1989 ketika di bawah pimpinan Junus Sudin. HAMIM kemudiannya bergabung dengan Angkatan Perpaduan Umah (APU) pada tahun yang sama. Keahlian parti ini hanya sekitar 10 000 orang (April 1990) daripada tujuh puluh cawangan.

# I

## IDEOLOGI

Ideologi berasal daripada perkataan idea dan lojik. Ia membawa maksud idea-idea yang disusun dengan teratur dan lojik untuk mewujudkan satu sistem hidup atau sistem politik baru. Perkataan ini dicipta oleh ahli falsafah Perancis iaitu Deotutt Trancy pada tahun 1795 semasa Pemberontakan Perancis.

Ideologi boleh didefinisikan sebagai suatu penyelarasan dan penggabungan pola pemikiran dan kepercayaan atau pemikiran bertukar menjadi kepercayaan, menerangkan sikap manusia tentang hidup. Kehadiran ideologi dalam masyarakat akan mengusulkan suatu kepimpinan dan memperseimbangkanya berdasarkan pemikiran dan kepercayaan itu.

Ideologi politik pula boleh diertikan sebagai sistem kepercayaan, idea, nilai-nilai dan perasaan untuk membentuk peradaban ke arah dunia politik. Terdapat enam sifat utama ideologi yang boleh membezakannya dengan idea:

1. Ideologi mesti berkait rapat dengan masalah pemerintahan kerana tujuannya untuk mendapat pemerintahan yang baik.
2. Ideologi mesti mempunyai hujah-hujah yang dapat mempengaruhi golongan tertentu.
3. Ideologi mesti memiliki atau mempunyai nilai-nilai tertentu.
4. Ideologi mesti mengandungi program untuk mempertahankan atau mengubah institusi sosial yang ada.
5. Memperjuangkan kepentingan golongan tertentu.

6. Ideologi mesti mempunyai norma, adat dan moral tertentu.

Terdapat tiga fungsi penting ideologi:

1. Untuk memberi pengesahan kepada pengagihan kuasa dan struktur politik dalam satu-satu pemerintahan.
2. Menjadi alat kepada pemerintahan atau kepimpinan untuk memobilisasikan rakyat.
3. Memainkan peranan dalam proses perubahan politik.

Antara ideologi politik yang diamalkan dewasa ini ialah sosialisme, komunisme, nasionalisme, kapitalisme dan fasisme.

## IKATAN RELAWAN RAKYAT MALAYSIA (RELA)

Ikatan Relawan Rakyat Malaysia atau Rela adalah sebuah pertubuhan awam bercorak sukarela. Di peringkat awal ia dikenali dengan nama Pasukan Kawalan Kampung yang dibentuk pada tahun 1948. Ia kemudiannya ditukar kepada nama Rela pada bulan Julai 1972. Pertubuhan Rela dikuatkuasakan di bawah Peraturan Perlu (Pasukan Kawalan) 1974. Peranan utama Rela adalah sebagai 'serampang dua mata' yang menjadi pelapis ketiga benteng pertahanan negara dan juga pelopor pembangunan sosioekonomi rakyat. Walau bagaimanapun, Rela ditubuhkan berpandukan kedudukan keselamatan bagi sesuatu tempat. Pentadbirannya disusun mengikut peringkat persekutuan, negeri, daerah, mukim dan kampung. Rela diketuai oleh seorang Ketua Pengarah dan seorang Timbalan Ketua Pengarah serta empat orang pegawai kanan. Bilangan ahli Rela/Relawati sehingga kini dianggarkan melebihi 350 000 orang.

## INDEPENDENCE OF MALAYA PARTY

Independence of Malaya Party (IMP) muncul setelah Dato' Onn gagal mempengaruhi UMNO supaya membuka pintunya kepada penduduk Tanah Melayu yang bukan Melayu. Parti ini ditubuhkan pada 16 September 1951 di Hotel Majestic. Dasar perjuangan IMP adalah seperti yang berikut:

1. Mencapai taraf berkerajaan sendiri dalam masa sepuluh tahun.
2. Mengadakan pilihan raya kerajaan tempatan menjelang

tahun 1953 dan pilihan raya persekutuan menjelang tahun 1955.
3. Menggantikan perkhidmatan awam penjajah dengan perkhidmatan awam Tanah Melayu.
4. Menganjurkan pelajaran percuma dan wajib bagi semua kanak-kanak di antara umur 6 hingga 12 tahun menjelang tahun 1955.
5. Mengadakan perkhidmatan sosial yang lebih baik terutama sekali di luar bandar.
6. Mengadakan bantuan kewangan dan menentukan harga terjamin bagi hasil tanaman dan pertanian.
7. Mengadakan pembaharuan terhadap sistem feudal negeri-negeri Melayu.

Di peringkat awal perkembangannya, IMP mendapat sokongan daripada tokoh-tokoh terkemuka di kalangan kaum Cina dan India seperti Tan Cheng Lock, E.E.C Thuraishingam serta pihak British. Walau bagaimanapun, IMP gagal mendapat sokongan daripada bangsa Melayu sendiri. IMP akhirnya telah dibubarkan pada tahun 1953.

## INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah dibuka dengan rasminya pada 1 Januari 1972 oleh Tun Abdul Razak Hussein. Sebelum ini INTAN dikenali sebagai Pusat Latihan Pegawai-pegawai Kerajaan yang ditubuhkan pada tahun 1963. Penubuhan INTAN adalah berfungsi serta mempunyai objektif seperti yang berikut:

1. Merupakan agensi yang berorientasikan pembangunan iaitu selain menjalankan latihan tentang masalah-masalah pengurusan.
2. Peranan sebagai ejen perubahan dan pembangunan untuk memastikan idea-idea yang progresif menjadi kenyataan.
3. Sebagai pengatur rancangan serta dasar kerajaan kepada mereka yang berkenaan demi kejayaan rancangan dan dasar tersebut.
4. Sebagai pusat latihan kerajaan yang utama untuk mencapai Dasar Latihan Kerajaan.

INTAN ditadbir oleh sebuah badan yang dikenali sebagai Majlis Penasihat INTAN yang ahlinya terdiri daripada pelbagai pihak yang berkaitan. Bagi melaksanakan matlamatnya, INTAN mempunyai tujuh buah pusat, sebuah biro dan dua buah unit organisasi untuk program latihan iaitu:

1. Pusat Hubungan Antarabangsa dan Kajian Strategik (PEKASA).
2. Pusat Latihan Komputer Negara (PLKN).
3. Pusat Latihan Pentadbiran Awam dan Bahasa (PLITA).
4. Pusat Pembangunan Desa dan Bandar (PESDAR).
5. Pusat Pembangunan Pengurusan (PUSPA).
6. Pusat Pengurusan Kewangan dan Perakaunan (PUSAKA).
7. Pusat Tadbiran Ekonomi dan Dasar Awam (PUTERA).
8. Unit Kemajuan Latihan (UKL).
9. Unit Diploma Pengurusan Awam (UDPA).
10. Biro Penyelidikan dan Perancangan (BIRO).

(*INTAN*, 1987:7)

INTAN dalam usaha memperluaskan perkhidmatannya telah menubuhkan tiga cawangan wilayahnya yang utama iaitu:

1. INTAN Wilayah Selatan.
2. INTAN Wilayah Timur.
3. INTAN Wilayah Utara.

INTAN juga ada menjalankan program kerjasama teknikal Malaysia yang dilancarkan pada tahun 1980. Program ini umumnya mengadakan kursus-kursus yang dibuka kepada peserta luar negara.

## J

### JABATAN PERDANA MENTERI

Jabatan Perdana Menteri (JPM) ditubuhkan pada bulan Julai 1957. Jabatan ini merupakan nadi utama dalam jentera pentadbiran kerajaan di peringkat Persekutuan. JPM berfungsi merancang, merumus dan menyelaras segala dasar dan maklumat negara untuk pelaksanaan matlamat dasar-dasar kerajaan. Ia juga menentukan segala pentadbiran kerajaan, penyelarasan pelaksanaan projek pembangunan, pemodenan organisasi kerajaan, hal ehwal wanita (HAWA), istiadat dan protokol, hal ehwal agama Islam serta pengurusan persidangan antarabangsa yang dianjurkan oleh kerajaan Malaysia dilaksanakan mengikut dasar dan peraturan-peraturan yang ditentukan dari semasa ke semasa.

Seperti kementerian-kementerian lain, JPM juga melaksanakan portfolio Perdana Menteri. Pegawai pentadbir utama di JPM ialah Ketua Setiausaha Negara yang juga merangkap Setiausaha Kabinet dan Ketua Perkhidmatan Awam Persekutuan. Beliau adalah penasihat dan pentadbir utama kepada Perdana Menteri serta penyelaras perjalanan jentera pentadbiran di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Antara unit, jabatan atau bahagian yang berada di bawah pengawasan JPM termasuklah:

1. Unit Perancang Ekonomi (UPE).
2. Unit Penyelarasan Pelaksanaan.
3. Unit Pemodenan Tadbir dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

4. Unit Penyelidikan Sosioekonomi (SERU).
5. Majlis Keselamatan Negara.
6. Bahagian Kabinet.
7. Institut Sistem Mikroeletronik Malaysia (MIMOS).
8. Urusetia Perancangan Lembah Klang.
9. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
10. Jabatan Perpaduan Negara (JPN).
11. Hal Ehwal Wanita (HAWA).

## JABATAN PERPADUAN NEGARA

Jabatan Perpaduan Negara (JPN) dibentuk bagi mencapai objektif menggalakkan hubungan muhibah di antara kaum serta memupuk perpaduan atau integrasi nasional supaya dapat dibentuk sebuah masyarakat Malaysia yang bersatu padu, mempunyai keperibadian dan identitinya sendiri. Selain itu, objektif JPN yang lain ialah membentuk warganegara Malaysia supaya menumpukan taat setia kepada raja dan negara serta sentiasa bangga sebagai rakyat Malaysia. Bagi mencapai matlamat ini, JPN telah membentuk pelbagai program yang berbentuk penggalakan, pencegahan, serta hubungan kemasyarakatan.

Di bawah strategi penggalakkan JPN, rakyat pelbagai keturunan digalakkan bergaul dan berinteraksi melalui kegiatan kemasyarakatan. Manakala di bawah program pencegahan, JPN akan cuba mengesan dari semasa ke semasa suasana hubungan kaum dan menyelaras tindakan sewajarnya untuk mengelakkan mana-mana pihak melakukan perbuatan yang boleh menjejaskan ketenteraman masyarakat dan semangat muhibah rakyat.

## *JUS SOLI*

Dasar *jus soli* merupakan satu kaedah yang membolehkan orang bukan Melayu yang telah memenuhi kelayakan bermaustatin boleh menjadi warganegara Tanah Melayu. Dasar ini merupakan satu kelonggaran kepada orang bukan Melayu tanpa dikehendaki mengetahui bahasa Melayu ataupun bahasa Inggeris. Pengecualian ini berjalan selama setahun iaitu dari bulan Ogos 1957 hingga bulan Ogos 1958. Dalam tempoh itu, dianggarkan lebih daripada 800 000 orang bukan Melayu telah menjadi warganegara melalui cara ini.

# K

## KABINET

Kabinet atau jemaah menteri dibentuk mengikut Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan yang menyebutkan bahawa Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik sebuah jemaah menteri untuk menasihatkannya dalam menjalankan tugasnya. Kabinet diketuai oleh Perdana Menteri dan dibantu oleh ahli-ahli yang digelar menteri yang bertanggungjawab tentang sebarang keputusan yang dibuat dan dilaksanakan. Justeru itu, kabinet merupakan badan tertinggi di dalam negara untuk membentuk dasar-dasar kerajaan. Anggota kabinet boleh dilantik daripada ahli Dewan Rakyat ataupun ahli Dewan Negara. Sehingga tahun 1992 terdapat seramai 92 orang telah menjawat jawatan tersebut. Daripada jumlah itu, 65 peratus adalah bangsa Melayu, 28 peratus Cina dan enam peratus keturunan India dan bangsa-bangsa lain.

## KAWASAN PILIHAN RAYA

Mengikut Perlembagaan Persekutuan tanggungjawab membentuk kawasan pilihan raya adalah terletak pada Suruhanjaya Pilihanraya. Ia boleh menjalankan urusan ulang kaji dan persempadanan semua kawasan ini sekurang-kurangnya selepas lapan tahun dari tempoh penyemakan yang terakhir. Justeru itu, jumlah kawasan pilihan raya di Malaysia telah bertambah pada masa sekarang jika dibandingkan dengan semasa pilihan raya pertama dahulu. Jumlah kawasan pilihan raya Malaysia seperti yang berikut:

**Jadual 6** Jumlah kawasan pilihan raya di Malaysia dari pilihan raya tahun 1955 hingga 1995

| | Jumlah Kawasan Pilihan Raya | |
|---|---|---|
| **Tahun** | **Dewan Rakyat** | **Dewan Undangan Negeri** |
| 1955 | 52 | – |
| 1959 | 104 | 282 |
| 1964 | 104 | 282 |
| 1969 | 144 | 362 |
| 1974 | 154 | 408 |
| 1978 | 154 | 408 |
| 1982 | 154 | 408 |
| 1986 | 177 | 447 |
| 1990 | 180 | 447 |
| 1995 | 192 | 490 |

Menurut Perkara 116 (2) Perlembagaan Persekutuan, tiap-tiap satu kawasan pilihan raya hanya diwakili oleh seorang wakil sahaja sama ada di peringkat Dewan Rakyat mahupun Dewan Undangan Negeri.

## KEBEBASAN HAK ASASI

Di Malaysia, Kebebasan Hak Asasi adalah dijamin oleh Perlembagaan dalam Bahagian II. Hal ini meliputi:

1. Perkara (1) – Kebebasan diri

   Fasal 1 – memperuntukkan bahawa seseorang tidak boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya melainkan mengikut undang-undang.

   Fasal 2 – jika pengaduan dibuat kepada Mahkamah Tinggi, mahkamah hendaklah menyiasat tentang pengaduan itu sehingga didapati benar.

Fasal 3 – jika seseorang itu ditangkap, dia hendaklah diberitahu dengan segera sebab-sebab ia ditangkap. Dia hendaklah dibenarkan berunding dan dibela oleh seorang peguam yang dipilih.

2. Perkara 6 – Seseorang tidak boleh ditahan sebagai abdi dan dipaksa kerja kecuali kerahan tenaga untuk negara.
3. Perkara 7 – Perlindungan daripada undang-undang jenayah.
4. Perkara 8 – Hak Kesamarataan.
5. Perkara 9 – Hak kebebasan bergerak serta larangan buang negeri.
6. Perkara 10 – Kebebasan bercakap, berkempen dan menubuhkan persatuan.
7. Perkara 11 – Kebebasan beragama.
8. Perkara 12 – Hak mendapatkan pendidikan percuma dan bantuan kewangan oleh kerajaan.
9. Perkara 13 – Hak terhadap harta.

Walaupun hak-hak yang diperuntukkan di atas dijamin oleh Perlembagaan, namun terdapat beberapa perkara yang boleh menyekat hak-hak tersebut untuk kebaikan dan keselamatan negara keseluruhanya. Antaranya:

1. Perkara 149 – Perbuatan subversif.
2. Perkara 150 – Kuasa-kuasa Darurat.
3. Perkara 159 – Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.
4. Akta Universiti dan Kolej 1971 pindaan 1975 dan beberapa akta lain.

## KEDAULATAN

Perkataan kedaulatan berasal daripada bahasa Latin iaitu *supranus* yang bermakna tertinggi atau teragung. Menurut Bodin, kedaulatan merupakan kuasa tertinggi ke atas warganegara atau rakyat wilayah itu dan kuasa ini tidak akan dihadkan oleh mana-mana

pihak. Dengan kata lain, kedaulatan memiliki kuasa mutlak untuk memberi perintah kepada setiap individu di dalam negara (Kiblat, 1986:61). Terdapat dua aspek utama kedaulatan iaitu:

1. Kedaulatan luaran.
   Sesebuah negara tidak akan tertakluk di bawah mana-mana kuasa dan ia sentiasa bebas daripada campur tangan atau paksaan daripada kuasa luar.
2. Kedaulatan dalaman.
   Sesebuah negara yang bebas mempunyai hak mutlak terhadap rakyatnya bagi menetapkan peraturan dan sekiranya perlu memaksa rakyat negerinya patuh kepada peraturan-peraturan itu. Kuasa tertinggi ini adalah mutlak. Sebagai contoh, negara yang berdaulat dan mempunyai kuasa tertinggi dapat diperjelaskan dengan melihat kemampuan serta keupayaan negara itu menggubal, membuat dan melaksanakan undang-undang. Seandainya perkara di atas yang diwakili oleh perundangan, eksekutif dan kehakiman dapat dijalankan dengan baik, maka negara itu memiliki nilai kedaulatan dan begitulah sebaliknya.

Justeru itu, kedaulatan adalah penting untuk menegakkan sesuatu pemerintahan. Terdapat beberapa jenis kedaulatan yang menyentuh segala aspek kehidupan manusia, iaitu:

1. Kedaulatan politik.
2. Kedaulatan undang-undang.
3. Kedaulatan rakyat.
4. Kedaulatan negara.
5. Kedaulatan antarabangsa.
6. Kedaulatan *de Jure*.
7. Kedaulatan *de Facto*.

## KEHAKIMAN

Badan Kehakiman ialah badan ketiga dalam Teori Pengasingan Kuasa yang berfungsi mengawal undang-undang dan tatatertib terhadap perilaku badan perundangan dan badan eksekutif. Ia berkuasa membuat sesuatu keputusan tentang segala pertikaian atau rasa tidak puas hati yang wujud di negara ini.

Kuasa kehakiman ini terletak pada dua buah mahkamah iaitu

Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah. Manakala Mahkamah Agung berfungsi sebagai mahkamah rayuan. Bidang kuasa yang dimiliki oleh kehakiman adalah tertakluk mengikut Perkara 126, 128 dan 130 Perlembagaan Persekutuan.

Bagi memastikan kehakiman sebagai satu badan yang bebas, Perlembagaan Malaysia telah memperuntukkan:

1. Hakim tidak boleh dipecat sewenang-wenangnya sehingga ia cukup umur 65 tahun.
2. Hakim hanya boleh dilucutkan jawatannya oleh Yang di-Pertuan Agong atas sebab-sebab tertentu berasaskan Fasal 3 Perkara 125.
3. Gaji hakim diasingkan daripada gaji kakitangan kerajaan lain dan ia diambil daripada kumpulan wang yang disatukan.

Badan ini ditadbir oleh Ketua Hakim Negara, dua orang Hakim Besar, Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan dan Hakim-hakim Mahkamah Tinggi yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

## KEMAS

Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) telah ditubuhkan pada tahun 1961. Di peringkat awal, ia dikenali sebagai Bahagian Pelajaran Dewasa yang kemudiannya ditukarkan kepada nama sekarang pada tahun 1970. Bagi menjalankan operasinya, KEMAS mempunyai empat cawangan utama iaitu:

1. Cawangan Pembangunan Keluarga.
2. Cawangan Pelajaran dan Perkhidmatan Masyarakat.
3. Cawangan Latihan dan Seminar.
4. Cawangan Kemajuan Penyelidikan dan Fizikal.

(*Malaysia*, 1988:266)

Umumnya, matlamat KEMAS ditubuhkan ialah untuk memajukan penyertaan masyarakat dalam proses pembangunan negara. Lantaran itu, antara aspirasi KEMAS ialah:

1. Mengubah sikap dan menyemai perasaan kesedaran di kalangan masyarakat untuk membina satu masyarakat yang maju dan berdikari.
2. Mewujudkan inisiatif dan perasaan tanggungjawab setiap

anggota masyarakat dalam pembangunan sosial, ekonomi dan politik.

3. Melibatkan rakyat untuk turut serta secara aktif bagi menjayakan matlamat kerajaan dan negara.
4. Mengeratkan kerjasama antara rakyat dan kerajaan di samping mendapatkan sokongan mereka terhadap usaha pembangunan negara.

(*Malaysia*, 1988:267)

KEMAS dalam usahanya mencapai aspirasi ini telah merancang pelbagai aktiviti melalui rancangan pembangunan keluarga, pendidikan masyarakat dan latihan. Antara aktiviti yang dilaksanakan termasuklah menganjurkan kelas kumpulan latihan, kelas ekonomi rumahtangga, dan kelas taman bimbingan kanak-kanak.

## KEMENTERIAN

Sesuatu fortfolio yang menjadi tanggungjawab seseorang menteri akan dilaksanakan oleh sebuah badan yang dikenali sebagai kementerian. Ia merupakan agensi tertinggi dalam jentera pentadbiran Persekutuan. Jabatan Perdana Menteri merupakan kementerian utama yang mengendalikan fortfolio Perdana Menteri. Bagi setiap menteri yang memegang sesuatu fortfolio di dalam kementerian, lazimnya akan dibantu oleh Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen. Ini adalah bergantung pada beban tugas yang diserahkan kepada kementerian tersebut. Namun begitu, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen ini tidaklah menjadi ahli kabinet.

Setiap kementerian yang dibentuk berperanan merangka dasar, merancang, mengawal dan menyelaras pelaksanaan perkara yang terletak di bawah fortpolio menteri. Dalam kebanyakan kementerian, agihan kerja akan dipertanggungjawabkan kepada jabatan-jabatan ataupun perbadanan awam. Pembentukan kementerian ini pula biasanya bergantung pada keperluan negara. Di Malaysia, dewasa ini terdapat 25 buah kementerian di samping lebih 50 jabatan Persekutuan yang telah ditubuhkan bagi menyelaras segala pembangunan negara.

## KEMPEN

Dalam setiap pilihan raya dijalankan, pihak yang terlibat, sama ada

daripada parti politik, individu yang menjadi calon mahupun pengundi akan menjalankan kempen bagi memastikan kemenangan berada di pihak mereka. Kempen semasa pilihan raya merupakan suatu yang dibenarkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya di bawah Bab 10 mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan. Satu surat kuasa dikenali sebagai 'Borang E' disediakan dan perlu diisi oleh mereka yang terlibat dalam kempen. Kempen ini umumnya boleh dijalankan melalui ceramah dari rumah ke rumah atau ceramah tertutup yang dibenarkan. Rapat umum terbuka telah diharamkan oleh pihak berkuasa selepas tercetusnya trajedi 13 Mei 1969. Selain itu, penggunaan poster, kain rentang, papan tanda bergambar, arca dan lain-lain lagi juga digunakan sebagai alat berkempen.

Tempoh berkempen adalah ditentukan oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya. Jangkamasa berkempen terpanjang yang pernah dibenarkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya ialah selama 42 hari (pilihan raya 1955) manakala yang tersingkat ialah selama lapan hari (pilihan raya 1990).

**Jadual 7** Tempoh berkempen dalam pilihan raya Malaysia dari tahun 1955 hingga tahun 1995

| Tahun | Penamaan calon | Hari mengundi | Tempoh berkempen (hari) |
|---|---|---|---|
| 1955 | 15 Jun | 27 Julai | 42 |
| 1959 | 15 Julai | 19 Ogos | 34 |
| 1964 | 21 Mac | 25 April | 34 |
| 1969 | 5 April | 10 Mei | 34 |
| 1974 | 8 Ogos | 24 Ogos | 15 |
| 1978 | 21 Jun | 8 Julai | 16 |
| 1982 | 7 April | 22 April | 14 |
| 1986 | 24 April | 3 Ogos | 9 |
| 1990 | 12 Oktober | 21 Oktober | 8 |
| 1995 | 13 April | 24 April | 9 |

*Sumber: Laporan Suruhanjaya Pilihanraya 1955, 1959, 1964, 1969, 1974, 1978, 1982, 1986, 1995.*

## KEPIMPINAN MELALUI TELADAN

Kempen Kepimpinan Melalui Teladan telah dilancarkan oleh Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 19 Mac 1983. Tujuan kempen ini adalah untuk menanam dan memupuk ciri-ciri kepimpinan yang berkesan bagi dicontohi, dihayati dan diamalkan oleh semua kakitangan kerajaan. Manakala matlamat kempen ini adalah untuk meningkatkan daya pengeluaran dan mengamalkan perkhidmatan yang bersih, cekap dan amanah. Kempen ini juga adalah untuk mencapai dan memperkukuhkan nilai-nilai baik bagi meningkatkan etika kerja selaras dan seimbang dengan dasar-dasar lain seperti Dasar Pandang ke Timur, Bersih, Cekap dan Amanah, dan penerapan nilai-nilai Islam.

## KERAJAAN TEMPATAN

Kerajaan Tempatan merupakan peringkat yang terendah dalam struktur pentadbiran di negara ini iaitu selepas Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Kerajaan Tempatan merupakan satu unit sistem wilayah yang ditentukan oleh sempadan, identiti yang sah, struktur institusi, tugas dan kuasa yang ditentukan secara am dan darjah kewangan serta autonomi lain (Hill, 1974:23). Dengan kata lain, Kerajaan Tempatan adalah institusi pemerintahan yang berkuasa di sesuatu tempat dengan kuasa yang tertentu dan melaksanakan tugas untuk kemakmuran masyarakat di kawasan tersebut.

Di Malaysia, sistem Kerajaan Tempatan telah mula diperkenalkan di kawasan bandar oleh pemerintah British. Ia bermula dari Negeri-Negeri Selat, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan kemudiannya Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu. Terdapat beberapa ciri penting yang utama dalam sistem Kerajaan Tempatan ini.

1. Ia berkuasa hanya kepada hal ehwal tempatan yang ditentukan oleh kerajaan tertinggi di bawah undang-undang seperti Kerajaan Pusat di dalam negeri yang mempunyai sistem kerajaan kesatuan ataupun Kerajaan Negeri dalam sistem Kerajaan Pusat.
2. Kerajaan Tempatan bertaraf lebih rendah daripada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri serta tertakluk kepada kawalan dan pengawasan kerajaan yang tertinggi.
3. Kerajaan Tempatan adalah berswatantra setakat mana yang diperkenankan oleh kerajaan yang tertinggi. Taraf ini

biasanya meliputi perkara pentadbiran, kewangan, fungsi dan kuasa.
4. Sebuah Kerajaan Tempatan boleh diwakili oleh ahli majlis yang dipilih oleh pihak berkuasa negeri.
5. Kerajaan Tempatan mempunyai bidang kuasa dalam kawasan yang ditentukan dan memberi perhatian kepada penduduk sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang

(Seminar Ahli Majlis, 1982:9)

Pada umumnya, Kerajaan Tempatan mempunyai lima objektif utama pembentukannya, iaitu:

1. Untuk perpaduan nasional.
2. Mempertahankan demokrasi.
3. Kebebasan dan autonomi.
4. Keberkesanan pentadbiran.
5. Perkembangan ekonomi dan sosial.

Objektif ini boleh diubah suai mengikut masa. Di Malaysia, struktur Kerajaan Tempatan boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu Dewan Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah. Sehingga kini terdapat empat Dewan Bandaraya (Kuala Lumpur, Ipoh, Kuching dan Johor Bahru), 16 Majlis Perbandaran serta 74 Majlis Daerah.

## KESATUAN SEKERJA

Kesatuan sekerja merupakan organisasi pekerja yang dibentuk untuk mengutarakan serta mempertahankan dan memperbaiki keadaan sosial, ekonomi dan politik ahli-ahlinya melalui tindakan berkumpulan (Flippo, 1976:22). Kaum pekerja perlu membentuk kesatuan kerana seseorang pekerja tidak dapat bertindak secara sendirian kerana kuasa yang ada padanya adalah terhad. Umumnya pembentukan sesebuah kesatuan sekerja adalah berasaskan kepada dua matlamat:

1. Bertanggungjawab tidak hanya kepada ahlinya tetapi juga kepada industri, majikan dan masyarakat. Justeru itu, kesatuan harus berusaha untuk keamanan, kejayaan, keadilan, keselamatan dan peluang untuk semua.

2. Memperbaiki kebajikan awam, berkhidmat sebagai ejen ekonomi ahlinya dalam pasaran buruh, mencari persetujuan upah, berkhidmat sebagai pengantara kepada pengurusan dan meningkatkan pengeluaran.

Di Malaysia, kewujudan kesatuan sekerja boleh diklasifikasikan kepada beberapa kumpulan:

1. 'Craft union' – ahlinya terdiri daripada pekerja yang pakar dalam bidang tertentu sahaja seperti juru elektrik, mekanik dan tukang kayu.
2. Kesatuan industri – keahliannya terdiri daripada pekerja yang bekerja dalam satu-satu firma, organisasi atau industri tanpa mengira jenis jawatan. Contohnya, pekerja automobil dan elektronik.
3. Kesatuan buruh – keahliannya terdiri daripada pekerja daripada sebarang jenis pekerjaan. Golongan pekerja buruh merupakan ahli terbesar dalam kesatuan ini. Umpamanya, pekerja ladang dan lombong.
4. 'Non-manual union' – kesatuan ini mewakili golongan pekerja yang tinggi status ataupun dikategorikan sebagai golongan kolar putih. Contohnya, peguam, doktor, akauntan dan jurutera.

Bagi memenuhi matlamat perjuangannya, kesatuan sekerja boleh bertindak melalui pelbagai cara:

1. Melalui proses tawar-menawar.
2. Melalui tindakan perusahaan.
3. Melalui gabungan buruh yang berorganisasi.

Antara kesatuan sekerja yang wujud di Malaysia ialah Malaysian Trade Union Congress (MTUC) dan Congress of Unions of Employees in the Public and Civil Service (CUEPACS).

## KESATUAN INSAF TANAH AIR

Kesatuan Insaf Tanah Air (KITA) ditubuhkan pada tahun 1974 yang bertujuan untuk menyediakan landasan kepada ahli-ahli parlimen yang keluar daripada parti asalnya dan ahli parlimen bebas meneruskan perjuangan mereka. Justeru itu, KITA tidak

mempunyai dasar perjuangan parti yang jelas. KITA dipimpin oleh Samsuri Misu. Parti ini kemudiannya telah menyertai Barisan Rakyat dalam pilihan raya 1982. Pada tahun 1985 parti ini telah termansuh.

## KESATUAN MELAYU MUDA

Kesatuan Melayu Muda (KMM) merupakan parti politik pertama yang muncul di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. Kesatuan ini muncul hasil daripada kesedaran perlunya satu organisasi yang teratur lagi tersusun bagi memperjuangkan nasib bangsa Melayu di Tanah Melayu ketika itu. KMM ditubuhkan pada tahun 1937 dan dipimpin oleh Ibrahim Hj. Yaacob, Hassan Manan, A. Karim Rashid, Ishak Hj. Muhamad, Mustapha Hussin, Yaakob Ahmad dan lain-lain lagi.

Kewujudan Kesatuan Melayu Muda adalah lanjutan daripada perjuangan pertubuhan Ikatan Pemuda Pelajar yang ditubuhkan pada tahun 1929 oleh Ibrahim Hj. Yaacob di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim.

Kesatuan Melayu Muda adalah sebuah parti politik yang condong ke kiri tetapi bukan komunis. Kemunculannya telah berjaya menyatupadukan beberapa kesatuan negeri pada ketika itu seperti Kesatuan Melayu Selangor, Kesatuan Melayu Perak, Persetiaan Melayu Kelantan, Persatuan Melayu Pahang, dan Kesatuan Melayu Negeri Sembilan. Dasar perjuangan Kesatuan Melayu Muda ialah tidak bekerjasama dan tidak bertolak ansur dengan British. Tujuan utama Kesatuan Melayu Muda ialah untuk membebaskan bangsa Melayu daripada cengkaman penjajah dan mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu serta menyatukannya ke dalam negara Indonesia Raya.

Semasa pemerintahan Jepun, Kesatuan Melayu Muda merupakan satu-satunya parti politik yang dibenarkan bergerak dengan aktif oleh pemerintah. Keadaan ini menyebabkan ramai golongan nasionalisme Melayu sederhana telah menyertai kesatuan ini seperti Raja Shariman, Datuk Hamzah Abdullah dari Selangor, Tengku Muhammad Besar dari Negeri Sembilan serta Dato' Onn Ja'afar (Lofti Ismail, 1982:174).

Namun begitu, apabila Jepun menyerah kalah, ramai para nasionalis Melayu yang radikal terdedah kepada penangkapan oleh pihak British yang pasti kembali ke Tanah Melayu. Keadaan ini

menyebabkan Kesatuan Melayu Muda kehilangan pemimpin dan akhirnya lenyap begitu sahaja.

## KESATUAN RAKYAT INDONESIA SEMENANJUNG

Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) yang kemudiannya juga dikenali sebagai Kesatuan Rakyat Indonesia Istimewa telah ditubuhkan pada bulan Julai 1945. Pemimpin utama KRIS terdiri daripada Ibrahim Hj. Yaacob, Dr. Burhanuddin al-Helmy dan juga Onan Siraj. KRIS merancang untuk memerdekakan Tanah Melayu bersama-sama dengan Indonesia Raya apabila Jepun mengundur diri kelak. Lunjuran daripada rancangan ini, satu pertemuan dan perbincangan dengan rombongan Soekarno dan Hatta telah diadakan di Taiping pada 12 Ogos 1945.

Hasil daripada perundingan ini, mereka bersetuju untuk mengisytiharkan kemerdekaan pada hujung bulan Ogos 1945. Untuk itu lapan orang perwakilan dari Semenanjung telah dipilih untuk ke Indonesia bagi tujuan tersebut. Perwakilan ini terdiri daripada:

1. Wakil KRIS – Ibrahim Hj. Yaacob, Dr. Burhanuddin al-Helmy, Onan Siraj dan Hassan Manan.
2. Wakil Majlis Raja-Raja – Sultan Abd. Aziz (Perak), Sultan Abu Bakar (Pahang), Sultan Musauddin (Selangor, dan Tengku Mahkota Ismail (Johor).

Rancangan ini bagaimanapun menemui kegagalan apabila Jepun telah terlebih dahulu menyerah kalah pada 15 Ogos 1945 dan implikasinya KRIS pun terbubar begitu sahaja.

## KETUA MENTERI

Ketua Menteri adalah jawatan tertinggi eksekutif bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai raja. Negeri-negeri yang ditadbir oleh Ketua Menteri ialah Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Namun begitu, jawatan serta bidang kuasa Ketua Menteri adalah sama seperti Menteri Besar.

## KEWARGANEGARAAN

Kewarganegaraan persekutuan mula diperkenalkan pada tahun 1948 melalui perjanjian Persekutuan Tanah Melayu. Sebelum itu,

Tanah Melayu tidak mempunyai dasar atau undang-undang kewarganegaranan yang sama bagi seluruh negeri. Pada tahun 1952, peruntukan ini telah dipinda dan setiap negeri mempunyai enakmennya sendiri. Walau bagaimanapun, apabila Perlembagaan 1957 dibentuk, Malaysia secara langsung mempunyai undang-undang kerakyatannya yang selaras bagi seluruh negara.

Peruntukan perlembagaan yang ada sekarang tentang kewarganegaraan boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu perolehan kewarganegaraan, penamatan kewarganegaraan dan peruntukan tambahan.

Kewarganegaraan boleh diperoleh dengan empat cara iaitu melalui cara kuat kuasa undang-undang, pendaftaran, naturalisasi dan penggabungan wilayah.

Seseorang itu juga boleh ditamatkan kewarganegaraannya melalui dua cara iaitu:

1. Perbuatannya sendiri yang menolak kewarganegaraan kerana dia tidak mahu menjadi warganegara persekutuan.
2. Tindakan kerajaan melucutkan kewarganegaraan kerana seseorang itu telah melakukan perbuatan yang tidak sesuai dengan statusnya sebagai seorang warganegara Malaysia.

## KOMANWEL

Komanwel adalah sebuah pertubuhan yang terdiri daripada negara-negara anggota yang merdeka dan berdaulat yang memerlukan persetujuan umum di kalangan negara-negara anggota untuk melakukan sesuatu tindakan bagi faedah bersama. Komanwel merupakan sebuah organisasi antarabangsa yang unik. Pertubuhan ini tidak mempunyai piagam atau perlembagaan rasmi. Keanggotaan negara dalam komanwel adalah terdiri daripada negara-negara bekas tanah jajahan British. Namun begitu, keahliannya bukanlah secara automatik. Terdapat beberapa syarat untuk menjadi ahli pertubuhan ini:

1. Negara tersebut mestilah merdeka.
2. Wujud kesamaan taraf.
3. Menerima Ratu England sebagai simbol perpaduan dan ketua Komanwel (syarat ini telah dilonggarkan).
4. Bersedia untuk bekerjasama dengan ahli-ahli lain demi kepentingan bersama.

5. Negara-negara yang berhasrat untuk menukar status monarki menjadi republik, mestilah memberitahu negara-negara anggota lain.

Terdapat 49 buah negara yang menganggotai Komanwel. Dua puluh tujuh daripada anggotanya merupakan negara republik, 17 buah negara mengakui Queen (Ratu Elizabeth II) sebagai ketua negara, manakala lima buah negara bersistemkan monarki iaitu Lesotho, Malaysia, Swaziland, Tonga dan Brunei.

Semua negara anggota Komanwel menerima Ratu Elizabeth II (Ratu England) sebagai ketua Komanwel. Selain itu, negara-negara yang menerima Ratu sebagai ketua negara biasanya akan diwakili oleh Gabenor Jeneral seperti New Zealand dan Australia. Dalam hal ini Ratu tidak mempunyai kuasa politik terhadap negara-negara Komanwel, namun kewujudannya dianggap sebagai simbol atau lambang perpaduan Komanwel.

Dari segi pentadbiran, Komanwel diuruskan oleh Sekretariat Komanwel yang dibentuk pada bulan Julai 1965 dan beribu pejabat di Marlborough House London. Sekretariat ini bertanggungjawab mengendalikan persidangan dan melaksanakan rancangan yang dipersetujui bersama. Ia diketuai oleh Setiausaha Agung yang dipilih lima tahun sekali dan Arnold Smith dari Kanada merupakan calon pertama menjawat jawatan tersebut.

Malaysia menyertai Komanwel sejak tahun 1957 dan menyumbangkan 1.5 peratus daripada sumber kewangan Komanwel.

## KONFRONTASI INDONESIA – MALAYSIA

Konfrontasi antara Indonesia dan Malaysia telah tercetus pada 20 Januari 1963 apabila Menteri Luar Indonesia, Dr. Subandrio mengumumkan dasar tersebut dari segi ekonomi dan kemasyarakatan. Tercetusnya konfrontasi adalah berikutan tindakan Persekutuan Tanah Melayu yang ingin membentuk persekutuan Malaysia.

Di peringkat awal, Indonesia sememangnya tidak membantah membentuk gagasan ini. Namun begitu, apabila Parti Komunis Indonesia campur tangan dengan mengadakan pelbagai kecaman dari semasa ke semasa terhadap rancangan ini, akhirnya Indonesia turut berubah sikap. Ia telah menganggap bahawa pembentukan gagasan ini adalah berunsur penjajahan atau neo-kolonislisma. Walau bagaimanapun, ramai sarjana berpendapat bahawa tindak-

an Indonesia ini sebenarnya adalah satu dasar yang dicipta oleh Soekarno semata-mata bagi mengabui rakyat agar tidak bangkit memberontak.

Konfrontasi berakhir apabila Soekarno digulingkan pada tahun 1966. Perjanjian perdamaian antara Malaysia dan Indonesia telah ditandatangani di Jakarta pada 11 Ogos 1966 antara Tun Abdul Razak Hussein dan Adam Malik.

## KONGRES INDIAN MUSLIM MALAYSIA

Kongres Indian Muslim Malaysia (KIMMA) merupakan parti yang dianggotai oleh golongan India Muslim. Ia ditubuhkan pada 4 Oktober 1977 dan merupakan parti serpihan daripada parti Malayan Indian Congress (MIC). KIMMA kemudiannya telah menyertai Barisan Nasional. Parti ini dipimpin oleh Ahmad Ilyas Mohamad Idris. Jumlah ahli parti ini lebih kurang 25 000 orang.

## KONGLOMERAT

Konglomerat adalah istilah yang ditujukan kepada kumpulan syarikat yang terlibat dengan pelbagai kegiatan atau sektor ekonomi yang berlainan. Dengan kata lain, syarikat tersebut terlibat dalam perniagaan yang berlainan bidang dalam satu masa, contohnya, penglibatan dalam bidang hartanah, perlombongan, penerbitan dan sebagainya. Konsep konglomerat ini telah menjadi satu yang lumrah dalam dunia perniagaan hari ini. Antara konglomerat yang muncul di negara kita termasuklah Fleet Group dan Multi Purpose Holding Sdn. Bhd.

## KUMPULAN 11

Kumpulan 11 dikenali sebagai kumpulan yang bertanggungjawab menyebabkan UMNO (lama) diharamkan. Tindakan mereka menyaman UMNO di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur adalah lanjutan daripada Perhimpunan Agung UMNO pada 24 April 1987 yang pada dakwaan mereka sebagai tidak sah atas beberapa faktor:

1. Wujudnya lebih daripada 30 cawangan UMNO yang tidak didaftarkan di bawah Akta Pendaftar Pertubuhan 1966 terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung

dalam pemilihan perwakilan Bahagian di perhimpunan tersebut. Perkara ini terdapat di kawasan Machang, Rantau Panjang (Kelantan), Nibong Tebal (Pulau Pinang) dan Pekan (Pahang).

2. Wujud perwakilan wanita yang hadir di Mesyuarat Pergerakan Wanita (Pekan) di bawah umur 16 tahun yang mengikut perlembagaan UMNO adalah tidak sah menjadi ahli.
3. Wujud perwakilan Pemuda UMNO yang lebih umur dipilih sebagai perwakilan Pergerakan Pemuda UMNO dan mengundi.

Implikasi daripada tindakan Kumpulan 11 ini, akhirnya UMNO telah diharamkan oleh Hakim Dato' Harun Hashim pada 4 Februari 1988 di bawah Seksyen 70 Akta Pertubuhan 1966. Ahli Kumpulan 11 ini terdiri daripada:

1. Mohd. Noor Othman – Cawangan Bukit Tambun.
2. Mohd. Yusof Othman – Cawangan Kg. Baru.
3. Muda Yaakob – Cawangan Bukit Yong A
4. Abdul Rahman Yaakob – Cawangan Batu Hitam.
5. Mohd. Yusof Yunus – Cawangan Gong Kedakdi.
6. Abdul Rahman Hassan – Cawangan Pangkal Meleret.
7. Daud Che Soh – Cawangan Kg. Pek.
8. Mohamad Noor Senak – Cawangan Pengkalan Machang.
9. Kamaruddin Hj. Awang Teh – Bahagian Bruas.
10. Abdul Rahim Abdul Rahman – Bahagian Teluk Kemang.
11. Ahmad Mokhtar Ahmad – Cawangan Bentan, Pekan.

(Chamil Wariya, 1990)

## KUMPULAN PENDESAK

Kumpulan pendesak boleh diertikan sebagai mana-mana kumpulan yang cuba untuk membawa perubahan politik sama ada melalui aktiviti kerajaan atau saluran lain. Lazimnya, kumpulan ini tidak memiliki kuasa yang formal seperti kuasa politik. Untuk itu mereka akan bertindak untuk mengenakan pengaruh dan tekanan kepada kerajaan dalam memperjuangkan kepentingan awam ataupun kumpulannya. Kumpulan pendesak ini berbeza dengan parti politik atas dasar:

1. Ia merupakan satu kumpulan yang berorganisasi atas kepentingan, sikap dan identiti yang sama secara sukarela.
2. Ia bebas daripada politik iaitu tidak bertujuan untuk mendapatkan kekuasaan politik.
3. Ia bertujuan mempengaruhi dasar-dasar kerajaan dan masyarakat sama ada secara langsung ataupun tidak melalui aktivitinya.

Terdapat tiga kategori kumpulan pendesak:

1. Kumpulan 'Sectional'.

   Kumpulan ini terdiri daripada kumpulan yang berasaskan kepentingan ekonomi atau pekerjaan ahli-ahlinya. Misalnya pertubuhan nelayan, guru dan kesatuan sekerja.

2. Kumpulan Pendesak 'ad-hoc'.

   Kumpulan ini terdiri daripada kumpulan yang diorganisasikan berasaskan isu-isu tertentu seperti reformasi sosial, ekonomi mahupun penentangan terhadap sesuatu isu.

3. Kumpulan Pendesak Umum.

   Kumpulan ini terdiri daripada sebarang kumpulan dalam masyarakat yang bertujuan 'bukan politik' tetapi berjuang untuk mempengaruhi dasar awam.

(McKenzie, 1974:281-282)

Di Malaysia, sememangnya wujud pelbagai kumpulan pendesak yang berbagai-bagai corak perjuangannya seperti ALIRAN dan MTUC.

# L

## LARANGAN BERPOLITIK

Di Malaysia, wujud satu Perintah Am kakitangan kerajaan yang melarang pegawai-pegawai kumpulan A dan B bergiat aktif dalam politik. Mereka ini terdiri daripada kakitangan dalam jawatan yang memiliki ijazah universiti atau kelayakan iktisas sebagai syarat masuk kerja. Hal ini jelas ditegaskan oleh dalam Fasal 19 Perintah Am kerajaan; Pegawai-pegawai itu hendaklah mengecualikan dirinya dalam hal-hal politik dan khususnya ia tidak boleh:

1. Membuat kenyataan kepada orang ramai sama ada secara lisan atau secara bertulis tentang sebarang perkara yang menjadi pertikaian di antara parti-parti politik.
2. Menerbitkan atau mengedar buku, artikel atau risalah yang mengandungi pandangan jika pandangannya itu menyebelahi mana-mana pihak.
3. Mengambil bahagian dalam merayu undi bagi menyokong mana-mana calon dalam sesuatu pilihan bagi apa-apa jawatan dalam sesuatu parti politik.
4. Bertindak sebagai seorang ejen pilihan raya atau ejen tempat mengundi atau bertindak dalam apa-apa peranan untuk atau bagi pihak seseorang calon dalam sesuatu pilihan raya Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri.

Walaupun peraturan ini turut melarang kakitangan kumpulan B aktif dalam politik, namun mereka boleh mendapatkan kebenaran untuk berbuat demikian. Selain itu, pengecualian juga

diberikan kepada pegawai-pegawai yang bercuti sebelum bersara untuk mengambil bahagian yang aktif dalam aktiviti politik dengan syarat mendapat kelulusan kerajaan bagi tujuan tersebut. Berkaitan dengan itu juga, penglibatan itu hendaklah tidak melanggar Akta Rahsia Rasmi 1972.

Mengikut peraturan ini juga, guru-guru dalam kategori D iaitu mereka yang berijazah juga dilarang bergerak aktif dalam politik. Manakala bagi kategori C yang berkelulusan maktab perguruan boleh melibatkan diri tetapi perlu memohon kebenaran untuk bergerak cergas dan memegang jawatan dalam pertubuhan politik.

# M

## MAAHAD IL-IHYA ASSYARIFF GUNUNG SEMANGGOL

Maahad Il-Ihya Assyariff Gunung Semanggol diasaskan oleh Ustaz Abu Bakar al-Bakir. Bermula dari sinilah dengan kerjasama pemimpin Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) terutamanya Dr. Burhanuddin al-Helmy dan penglibatan ulama dan pejuang Melayu lain, telah lahir beberapa institusi atau pertubuhan yang bertujuan menggerakkan dan menyedarkan serta memajukan orang Melayu. Antara pertubuhan itu termasuklah:

1. Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya (PEPERMA).

   Pertubuhan ini beroperasi bagi membantu dan memajukan ekonomi orang Melayu termasuk perjalanan Bank Kebangsaan Melayu dan idea penubuhan Bank Pertanian Malaysia bagi mengatasi masalah modal dan kemahiran.

2. Majlis Agama Tertinggi Se-Malaya (MATA).

   Pertubuhan ini muncul sebagai badan agama yang menyaingi pihak kerajaan yang berkaitan dengan pentadbiran Islam. Ia cuba merealisasikan cita-cita aliran pergerakan reformis di Tanah Melayu meliputi bidang pendidikan, penterjemahan, penerbitan bahan rujukan, perundangan Islam dan lain-lain.

3. Lembaga Pendidikan Rakyat (LEPIR).

   Badan ini berfungsi mengawal serta menjamin mutu pengajian di sekolah-sekolah.

(Mohamad Abu Bakar, 1985:104)

## MAGERAN

Majlis Gerakan Negara atau Mageran telah dibentuk bagi menguruskan pentadbiran negara setelah Darurat diisytiharkan di bawah Ordinan No. 2 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1969 – P.U. (A) 149 pada 16 Mei 1969. Langkah ini diambil berikutan berlakunya peristiwa 13 Mei 1969. Bagi melaksanakan tugas-tugas Mageran ini, ia telah dianggotai oleh pemimpin-pemimpin politik, pegawai tadbir kanan kerajaan dan pihak perkhidmatan tentera dan polis. Pengarah merangkap pengerusi Mageran ialah Tun Abdul Razak Hussein. Ahli-ahli Mageran mengikut warta kerajaan P.U. (A) 151 bertarikh 17 Mei 1969 adalah seperti yang berikut:

1. Tun Abdul Razak Hussein (Pengarah Mageran).
2. Tun (Dr) Ismail Abd. Rahman (Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri).
3. Tun Tan Siew Sin (Menteri Tugas-Tugas Khas).
4. Tun V.T. Sambanthan (Menteri Kerjaraya, Pos dan Telekom).
5. Hamzah Abu Samah (Menteri Penerangan dan Penyiaran).
6. Jeneral Tunku Osman Tunku Mohd. Jiwa (kemudiannya diganti oleh Jeneral Tan Sri Abu Hamid Bidin – Ketua Turus Angkatan Tentera).
7. Tan Sri Mohd. Salleh Ismail (Ketua Polis Negara).
8. Tan Sri Abdul Kadir Shamsuddin (Ketua Pentadbiran Hal Ehwal Awam dan kemudiannya Ketua Setiausaha Negara).
9. Tan Sri Ghazali Shafie (Setiausaha Tetap Kementerian Luar Negeri).

Bagi memudahkan tanggungjawab Mageran, beberapa buah jawatankuasa kecil telah ditubuhkan, antaranya Jawatankuasa Panel Ekonomi, Jawatankuasa Panel Pelajaran, Jawatankuasa Ekonomi dan Kewangan serta Jawatankuasa Penanaman Modal. Tugas-tugas Majlis Gerakan Negara ialah:

1. Untuk mengembalikan keamanan dan undang-undang negara.
2. Untuk menentukan pentadbiran yang licin dan sempurna.
3. Untuk mengembalikan suasana keharmonian dan kepercayaan antara kaum di seluruh negara.

(*Negara Kita*, 1980:120)

## MAHKAMAH AGUNG

Mahkamah Agung ditubuhkan untuk mengambil alih tugas Majlis Privy (Privy Council) di London pada 1 Januari 1985. Ia merupakan mahkamah tertinggi di negara ini. Mahkamah ini menganddungi seorang Yang Dipertua Mahkamah yang bergelar Ketua Hakim Mahkamah Agung. Antara bidang kuasa Mahkamah Agung ialah:

1. Memutuskan rayuan-rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi.
2. Memutuskan sama ada sesuatu undang-undang yang dibuat oleh parlimen atau sesuatu badan perundangan negeri adalah terbatal kerana melampaui kuasa atau kerana bertentangan dengan Perlembagaan Negara.
3. Memutuskan pertikaian antara negeri-negeri atau persekutuan dengan mana-mana negeri.
4. Menasihati Yang di-Pertuan Agong dalam apa-apa soal mengenai kuat kuasa mana-mana peruntukan perlembagaan yang timbul.

(*Utusan Malaysia*, 24 Julai 1989)

## MAHKAMAH RENDAH

Mahkamah Rendah terdiri daripada tiga mahkamah utama iaitu Mahkamah Seksyen, Mahkamah Majistret dan Mahkamah Penghulu yang merupakan mahkamah paling rendah.

## MAHKAMAH TINGGI

Mahkamah Tinggi ditubuhkan melalui Perkara 121 dalam Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah Tinggi terdiri daripada Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Tinggi Borneo yang memiliki fungsi dan kuasa yang sama. Di dalam Mahkamah Tinggi ini terdapat seorang Hakim Besar dan empat orang Hakim lain. Tugas Mahkamah Tinggi ialah:

1. Membicarakan kesalahan-kesalahan yang terletak di bawah kuasanya sahaja.
2. Mendengar rayuan daripada Mahkamah Rendah seperti yang dibenarkan oleh undang-undang kepadanya.

3. Menyemak keputusan-keputusan Mahkamah Rendah dalam kes-kes sivil dan jenayah.

## MAJLIS BELIA MALAYSIA

Majlis Belia Malaysia (MBM) secara tidak rasmi telah dibentuk pada 23 Julai 1948 dibentuk bagi menyatu, menyelaras, merancang dan melaksana kegiatan yang boleh memenuhi kepentingan golongan belia umumnya dan badan-badan gabungan khasnya. Antara pertubuhan belia yang bergabung dengan MBM termasuklah pertubuhan berpakaian seragam (seperti St. John.), pertubuhan pelajar (Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung), pertubuhan sosioekonomi dan keagamaan (ABIM, Gerakan Belia 4B) serta ahli gabungan yang mewakili negeri-negeri (seperti Persatuan Belia Kebangsaan Sabah – SANYA).

Majlis Belia Malaysia merupakan satu persatuan yang longgar kerana tidak mempunyai kuasa mutlak terhadap setiap badan gabungan di dalamnya. Ini bermakna kekuatan MBM adalah bergantung pada kerjasama dan persetujuan badan-badan belia yang menjadi gabungannya. Sekarang ini terdapat 34 badan kebangsaan dan Majlis Belia Negeri yang bergabung dengan MBM. Jumlah ahli perseorangan tidak kurang daripada 2.2 juta orang.

## MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN

Majlis Mesyuarat Kerajaan merupakan badan yang mempunyai kuasa eksekutif di peringkat negeri yang menyerupai kabinet di peringkat Persekutuan. Kuasa pemerintahan tertinggi di peringkat ini terletak di tangan Raja atau Yang Dipertua Negeri. Seperti kabinet, majlis ini adalah satu badan pemerintahan dan bukannya satu badan dalam jentera pentadbiran.

Majlis Mesyuarat Kerajaan diketuai oleh Menteri Besar/Ketua Menteri sebagai ketua kerajaan negeri. Majlis ini mengandungi sebilangan ahli Dewan Undangan Negeri (bilangannya berbeza mengikut negeri-negeri yang bergantung pada perlembagaan negeri masing-masing) dan tiga ahli pegawai (ex-officio) iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri dan Penasihat Undang-undang Negeri.

## MAJLIS PERDAGANGAN MALAYSIA

Majlis Perdagangan Malaysia telah dilancarkan oleh Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad pada 28 Februari 1991. Penubuhan majlis ini merupakan salah satu langkah persediaan menghadapi pelbagai kemungkinan ekonomi negara sama ada di dalam negeri atau di peringkat antarabangsa. Selain itu, majlis ini akan menjadi sebagai forum yang produktif dan berterus terang untuk membantu perkara-perkara yang bersangkutan dengan kepentingan negara.

Sekretariat Majlis Perdagangan Malaysia ialah di Pusat Penyelidikan dan Perkhidmatan Majlis Perdagangan Malaysia yang ditempatkan di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS). Antara enam bidang tugas Majlis Perdagangan Malaysia termasuklah:

1. Mengkaji perkembangan perdagangan serta ekonomi negara dan antarabangsa bagi pertumbuhan industri dan ekonomi Malaysia.
2. Membincangkan secara mendalam persoalan-persoalan dan masalah masa kini serta masa akan datang yang membabitkan perdagangan dan perindustrian.
3. Mengkaji serta menyarankan pelbagai langkah pelaksanaan dan strategi.
4. Menghasilkan sistem maklum balas tentang persoalan dasar dan pembangunan berhubung perindustrian.
5. Menghindarkan salah faham dan halangan untuk mewujudkan kerjasama antara sektor awam dan swasta.
6. Melahirkan muafakat tentang arah dan strategi pembangunan ekonomi negara.

Majlis Perdagangan Malaysia ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri dengan dibantu oleh seorang Timbalan Pengerusi, sembilan orang Naib Pengerusi, 11 orang Ahli Majlis dari sektor awam dan 40 orang Ahli Majlis dari sektor swasta.

(Jurij Jalaludin, 1991:119-126)

## MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA

Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN) adalah sebuah badan musyawarah dalam usaha membentuk satu dasar negara bagi

menggantikan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Ia telah ditubuhkan secara rasminya pada 19 Januari 1989. Badan ini diwakili bukan sahaja oleh ahli-ahli politik daripada pelbagai parti, bahkan juga daripada pertubuhan sosial, badan-badan pendesak dan suku-suku kaum. Melalui penyertaan ini diharapkan satu dasar ekonomi negara yang lebih adil dan memuaskan setiap pihak dapat diwujudkan.

Tan Sri Ghazali Shafie telah diberi tanggungjawab sebagai pengerusi MAPEN dengan dibantu oleh Dato' Tan Peng Khoon sebagai timbalan pengerusi. Keseluruhan ahli anggota MAPEN adalah seramai 150 orang. Bagi memudahkan pelaksanaan perjalanan badan ini, beberapa jawatankuasa kecil telah dibentuk.

1. Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan dipengerusikan oleh Prof. Diraja Ungku Abdul Aziz.
2. Jawatankuasa Penyusunan Semula Masyarakat dipengerusikan oleh Dato' Abdullah Ahmad Badawi.
3. Jawatankuasa Data Metodologi dipengerusikan oleh Dato' Tan Peng Khoon.
4. Jawatankuasa Pembangunan Tenaga Manusia dipengerusikan oleh Dato' Khalid Ibrahim.
5. Jawatankuasa Ekonomi Negara dan Pengembangan Antarabangsa dipengerusikan oleh D.P. Vijandran.

## MAJLIS PERUNDINGAN NEGARA

Majlis Perundingan Negara ditubuhkan selaras dengan kehendak Undang-undang Darurat, Perenggan 3 dalam Peraturan-Peraturan Perlu (Majlis Perundangan) 1970. Tugas serta tanggungjawab yang diserahkan kepada Majlis Perundingan Negara adalah berhubung dengan isu-isu perpaduan negara. Dengan kata lain, ia berfungsi untuk membincang dan meneliti serta cuba mencari jalan menyelesaikan masalah dalam masyarakat berbilang kaum. Bagi memenuhi matlamatnya, Majlis Perundingan Negara dianggotai oleh pelbagai pihak termasuk menteri, wakil kerajaan negeri, wakil-wakil politik (UMNO, MCA, MIC, PAS, GERAKAN, PDD, Parti Rakyat), wakil agama (Islam, Katolik dan Protestan, Buddha dan Hindu), wakil badan-badan profesional, wakil perkhidmatan awam, wakil Kesatuan Sekerja, wakil wartawan, wakil persatuan guru serta wakil kumpulan-kumpulan kecil. Keseluruhan ahli Majlis Perundingan Negara adalah seramai 65 orang.

## MAJLIS RAJA-RAJA

Majlis Raja-Raja ditubuhkan pada tahun 1948 mengikut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Persidangan Majlis Raja-Raja ini akan dihadiri oleh Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri bagi pihak kerajaan Persekutuan serta semua raja atau Yang Dipertua Negeri dengan Menteri Besar atau Ketua Menteri yang mewakili negeri masing-masing. Mengikut Perkara 38 (2) Perlembagaan Persekutuan mengatakan Majlis Raja-Raja hendaklah menjalankan tugasnya seperti yang berikut:

1. Memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan bagi Persekutuan mengikut peruntukan jadual ketiga.
2. Mempersetujui atau tidak mempersetujui supaya apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama meliputi seluruh Persekutuan.
3. Mempersetujui atau tidak mempersetujui apa-apa undang-undang dan membuat atau memberi nasihat tentang apa-apa perlantikan yang menurut Perlembagaan, memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja atau yang dikehendaki dibuat oleh atau selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja.

Yang di-Pertuan Agong juga boleh bertindak menurut budi bicara melaksanakan tugas-tugas yang berikut mengikut Perkara 40 (2). •

1. Melantik seorang Perdana Menteri.
2. Tidak mempersetujui permintaan membubarkan parlimen.
3. Meminta supaya diadakan satu mesyuarat Majlis Raja-Raja yang semata-mata mengenai keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan mengambil apa-apa tindakan dalam mesyuarat itu.

Selain itu, Majlis Raja-Raja juga diminta pandangannya bagi melantik Ketua Hakim Negara, Hakim Besar, Hakim Mahkamah Persekutuan dan Hakim Mahkamah Tinggi serta perlantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Pilihanraya.

Perbincangan yang dijalankan oleh Majlis Raja-Raja adalah secara tertutup. Majlis Raja-Raja mempunyai Setiausaha sendiri yang dikenali sebagai Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja.

## MALAYAN CHINESE ASSOCIATION

Malayan Chinese Association (MCA) telah ditubuhkan oleh Tan Cheng Lock pada tahun 1949. Tidak dapat dinafikan bahawa di peringkat awal pembentukan parti ini ialah bertujuan menarik orang Cina daripada dipengaruhi oleh komunis. Pada tahap ini, MCA lebih menjalankan fungsinya sebagai badan kebajikan. Walau bagaimanapun, MCA mulai aktif dalam politik apabila bekerjasama dengan UMNO dalam pilihan raya Majlis Bandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952.

Mengikut perlembagaan MCA, antara matlamat perjuangan parti ini ialah untuk:

1. Melindungi dan mempertahankan kemerdekaan negara dan kedaulatan Malaysia.
2. Melindungi dan menjunjung perlembagaan negara Malaysia.
3. Menjunjung dan melindungi sistem berparlimen dan kerajaan demokratik atas dasar berbilang kaum.
4. Memastikan pengiktirafan dan keselamatan hak-hak yang sah dan penerusan kepentingan kaum Cina di negara ini serta dan komuniti seperti yang tercatat di dalam Perlembagaan Malaysia.
5. Mengekalkan, memelihara dan mewujudkan keharmonian di antara rakyat berbilang kaum di Malaysia dan dengan itu dapat menjamin keamanan dan kewujudan satu bangsa yang kuat dan bersatu.
6. Mewujudkan pembangunan dan penggunaan sumber-sumber ekonomi negara untuk faedah rakyat dalam negara secara menyeluruh.
7. Mewujudkan dan mengekalkan keadilan sosial, ekonomi, keselamatan dan peluang yang sama untuk setiap warganegara di negara ini.
8. Bersedia untuk bekerjasama dengan organisasi politik yang berdaftar dan mempunyai cita-cita serta tujuan yang sama dalam negara bagi mewujudkan perkembangan yang sihat di antara parti-parti politik.
9. Menguatkuasakan segala akta dan perkara yang tidak bercanggah dengan bahagian artikel yang terdahulu untuk kebaikan dan kepentingan parti dan ahli-ahlinya.

(Perlembagaan MCA:1976)

**Jadual 8** Jumlah kerusi yang dimenangi oleh MCA dalam pilihan raya umum bagi Dewan Rakyat

| Tahun | Dewan Rakyat |
|---|---|
| 1955 | 15 |
| 1959 | 19 |
| 1964 | 27 |
| 1969 | 13 |
| 1974 | 19 |
| 1978 | 17 |
| 1982 | 24 |
| 1986 | 17 |
| 1990 | 17 |
| 1995 | 30 |

*Sumber: Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya 1955, 1959, 1964, 1969, 1974, 1978, 1982, 1986, 1990 dan 1995.*

Penyertaan MCA dalam pilihan raya umum di Malaysia bermula sejak tahun 1955 lagi. Ia telah bergabung dengan parti Perikatan dan kemudiannya dikenali dengan Barisan Nasional hinggalah sekarang. Berhubung dengan prestasi, tahap pencapaian MCA dalam pilihan raya agak kurang stabil dari segi jumlah kerusi yang dimenangi. Walaupun demikian, sepanjang sejarahnya ia adalah rakan UMNO yang paling setia hingga sekarang.

Seperti parti-parti lain, pucuk pimpinan MCA juga turut bertukar ganti dari semasa ke semasa. Jumlah keahlian dalam MCA sehingga tahun 1995 dianggarkan seramai 600 609 orang. MCA mempunyai 152 bahagian dan 2374 cawangan.

Berikut adalah Presiden MCA dari sejak penubuhannya hinggalah sekarang.

1. Tan Cheng Lock – 1955 – 1972.
2. Tan Siew Sin – 1972 – 1977.
3. Lee San Choon – 1977 – 1983.
4. Dr. Neo Yee Pan – 1983 – 1985.
5. Tan Koon Swan – 1985 – 1987.
6. Dr. Ling Leong Sik – 1987 hingga sekarang.

## MALAYAN INDIAN CONGRESS

Malayan Indian Congress (MIC) ditubuhkan pada bulan Ogos 1946. Namun pendaftaran rasminya dibuat pada 16 Mei 1950. Tujuan utama penubuhannya ialah untuk menyuarakan fikiran kaum India tempatan berhubung dengan kepentingan masyarakat India dalam semua lapangan di Tanah Melayu. Di peringkat awal, parti ini dipimpin oleh John A. Thivy. Berikut adalah senarai pemimpin MIC hingga sekarang:

1. Sardar Budh Singh (1947 – 1949).
2. K. Ramanathan (1950 – 1951).
3. K. L. Devaser (1951 – 1955).
4. Tun V. T. Sambanthan (1955 – 1973).
5. Tan Sri Vanikavasagam (1973 – 1979).
6. Datuk Seri S. Samy Vellu (1979 hingga sekarang).

Sebelum MIC diterima menjadi anggota Perikatan pada tahun 1955, ia pernah bekerjasama dengan AMCJA, IMP dan juga Parti Negara. Hasil daripada gabungannya dengan Perikatan dan kemudiannya Barisan Nasional, MIC telah berjaya memenangi beberapa kerusi dalam pilihan raya umum seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9. Sehingga tahun 1994, ahli MIC berjumlah 350 000. MIC mempunyai 120 bahagian dan 2400 cawangan.

**Jadual 9** Pencapaian MIC dalam Pilihan Raya Umum 1959 – 1995 bagi kerusi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri

| | Dewan Rakyat | Dewan Undangan Negeri |
|---|---|---|
| 1955 | 2 | – |
| 1959 | 3 | 7 |
| 1964 | 3 | 10 |
| 1969 | 2 | 3 |
| 1974 | 4 | 7 |
| 1978 | 3 | 9 |
| 1982 | 3 | 9 |
| 1986 | 6 | 12 |
| 1990 | 6 | 12 |
| 1995 | 6 | 12 |

*Sumber: Laporan Suruhanjaya Pilihanraya 1955,1959, 1964, 1969, 1974, 1978, 1982, 1986, 1990 dan 1995.*

## MALAYSIA

Malaysia merupakan nama baru bagi Persekutuan Tanah Melayu setelah bergabung dengan Singapura, Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak pada 16 September 1963. Hasil percantuman ini Malaysia terdiri daripada 14 buah negeri iaitu Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Selangor, Perak, Singapura, Kedah, Kelantan, Terengganu, Perlis, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak yang pengisytiharan penubuhannya telah dibuat pada 16 September 1963. Walau bagaimanapun, pada bulan September 1965, Singapura telah menarik diri dari Persekutuan Malaysia. Namun, jumlah keanggotaan negeri ini terus dikekalkan apabila pada 1 Februari 1972, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah ditubuhkan dengan penyertaan Pulau Labuan sebagai sebahagian daripadanya.

## MALAYSIAN LABOUR ORGANIZATION

Malaysian Labour Organization (MLO) atau Pertubuhan Buruh Malaysia telah ditubuhkan pada 13 Jun 1989. Ia merupakan satu badan gabungan yang dianggotai oleh 15 buah kesatuan sekerja yang mewakili 141 909 pekerja. Tujuan Pertubuhan Buruh Malaysia dibentuk adalah sebagai alternatif kepada MTUC. Justeru itu, pertubuhan ini mengambil sikap bebas daripada politik, isu perkauman, agama dan berkecuali. Pertubuhan ini dipimpin oleh Ramli Johan sebagai Presiden dan dibantu oleh K. Sanmugam sebagai Setiausaha Kehormat. Antara kesatuan sekerja yang bernaung di bawah MLO ialah:

1. Kesatuan Pekerja Perbadanan Perkapalan Antarabangsa (MISCEU).
2. Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Bank (NUBE).
3. Kesatuan Pekerja Tembakau (NUTW).
4. Kesatuan Pekerja Rediffusion (RWU).
5. Kesatuan Pekerja-pekerja Bank Sabah dan Sarawak.
6. Kesatuan Pekerja-pekerja Genting Bhd. (GBEU).
7. Kesatuan Kakitangan Ladang Seluruh Malaysia (AMESU).

Pada tahun 1996, MLO telah bergabung dengan MTUC.

## MALAYSIAN-MALAYSIA

Konsep Malaysian-Malaysia merupakan idea Lee Kuan Yew yang kemudiannya dijadikan dasar perjuangan Democratic Action Party (DAP). Melalui konsep ini, perkara yang ditekankan ialah kesamaan bagi seluruh penduduk Malaysia dengan mengamalkan 'multi-racial', 'multi-lingual' dan 'multi-cultural'. Ini bersesuaian dengan tanggapan bahawa sebagai sebuah negara yang berbilang bangsa, Malaysia bukan menjadi milik mana-mana kaum yang tertentu. Berikutan ini tiada satu kaum yang boleh menganggap dirinya sebagai tipikal Malaysia.

## MALAYSIAN SOLIDARITY CONVENTION

Penubuhan Malaysian Solidarity Convention (MSC) telah ditaja oleh PAP pada 9 Mei 1965. Ia merupakan gabungan parti PAP, PPP, UDP, SUPP dan Parti Machinda Sarawak. Konsep gabungan ini untuk menyatukan parti pembangkang atas dasar 'Pan-Malaysian'.

## MALAYSIAN TRADE UNION CONGRESS

Malaysian Trade Union Congress (MTUC) ditubuhkan pada tahun 1950. Ia merupakan satu badan gabungan untuk menyelaras kesatuan-kesatuan sekerja di Malaysia yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan. Dari segi pentadbirannya, MTUC menekankan 'Unity is Strength' dan ditadbir oleh Majlis Tertinggi yang bersidang dua tahun sekali. Pertubuhan ini dianggotai oleh 14 orang Jawatankuasa Eksekutif dan 68 orang sebagai ahli biasa.

**Jadual 10** Jumlah perwakilan yang dipilih untuk ke sidang tahunan MTUC mengikut jumlah ahli

| Jumlah ahli | Jumlah wakil |
|---|---|
| Sehingga 500 orang | 1 wakil |
| 501 – 1000 orang | 2 wakil |
| 1001 – 10 000 orang | 1 wakil setiap 1000 ahli |
| 10 001 – 100 000 orang | 1 wakil setiap 5000 ahli |
| 100 001 ke atas | 1 wakil setiap 10 000 ahli |

Bagi mewujudkan suasana demokratik dalam pergerakannya, MTUC telah memilih perwakilan berdasarkan kadar keanggotaan sesebuah kesatuan sekerja.

Matlamat pembentukan MTUC ini antara lainnya ialah untuk:

1. Menolong membangunkan kesatuan sekerja baru.
2. Bertindak sebagai pendamai jika berlaku pertelingkahan antara kesatuan gabungan dan antara ahli dengan kesatuan.
3. Menuntut kadar upah minimum yang difikirkan sepatutnya diterima oleh pekerja Malaysia.
4. Mewujudkan pusat-pusat latihan dan peluang melanjutkan pelajaran dalam bidang akademik, profesional dan teknikal.
5. Melindungi pekerja daripada kehilangan pekerjaan, faedah saraan, kemalangan dan sebagainya yang bersangkutan dengan keselamatan sosial pekerja.

Antara pemimpin-pemimpin utama MTUC ialah P. Narayanan (Presiden MTUC sehingga tahun 1984), Yeoh Teik Chye, V. David dan Zainal Rampak (Presiden MTUC dari tahun 1984 hingga kini).

## MALAYAN UNION

Malayan Union merupakan satu cubaan pihak British hendak menukarkan taraf negeri-negeri Melayu yang bernaung di bawahnya kepada tanah jajahan. Terdapat empat ciri utama yang menjadi asas dalam perlembagaan Malayan Union, iaitu:

1. Semua negeri Melayu termasuk Pulau Pinang dan Melaka disatukan di bawah satu pemerintahan Pusat (tidak termasuk Singapura).
2. Malayan Union akan diperintah oleh Gabenor British yang mempunyai kuasa penuh (mutlak). Justeru itu, sultan-sultan hanya berfungsi sebagai raja kehormat sahaja. Satu badan dikenali sebagai Majlis Penasihat Pusat Malayan Union dibentuk dan dianggotai oleh sultan-sultan tetapi dipengerusikan oleh Gabenor.
3. Memberi hak kerakyatan kepada golongan bukan Melayu melalui prinsip *jus soli*. Ini bermakna jika seseorang bukan

Melayu itu dilahirkan setelah pembentukan Malayan Union, maka ia secara automatik menjadi warganegara atau mendapat hak kerakyataan dengan mudah.
4. Setiap negeri di bawah Malayan Union akan mempunyai seorang pesuruhjaya negeri masing-masing yang berfungsi sebagai ketua pentadbir di peringkat negeri.

Pengumuman pembentukan Malayan Union telah dibuat oleh kerajaan British pada 10 Oktober 1945 di London. Harold MacMichael yang dilantik sebagai utusan khas kerajaan British ditugaskan untuk mendapatkan persetujuan daripada sultan-sultan. Walau bagaimanapun, apabila orang Melayu faham kandungan perlembagaan Malayan Union itu dan mendapat tahu cara MacMichael memperoleh tandatangan persetujuan sultan, mereka telah mulai membantah rancangan tersebut.

Tiga faktor utama menyebabkan tercetusnya bantahan ini ialah:

1. Penghapusan kedaulatan sultan-sultan.
2. Pemberian hak kerakyataan yang longgar melalui *jus soli.*
3. Wujudnya campur tangan dalam hal ehwal agama Islam apabila Majlis Penasihat Pusat Malayan Union dipengerusikan oleh Gabenor (yang beragama Kristian).

Kerjasama serta kesepaduan dalam mengemukakan bantahan ini menjadi bertambah kukuh apabila terbentuknya Kongres Melayu Se-Malaya pada 1 Mac 1946 yang dipengerusikan oleh Dato' Onn Ja'afar. Namun begitu, pihak British masih tidak begitu mempedulikan bantahan ini. Lantaran itu, dalam satu mesyuarat tergempar pada 29 Mac 1946, kongres telah mengambil tindakan:

1. Orang Melayu hendaklah memulaukan istiadat melantik Gabenor Malayan Union.
2. Memohon Raja-raja Melayu supaya jangan menghadiri majlis istiadat melantik Gabenor itu.
3. Orang Melayu mestilah menunjukkan tanda berkabung dengan melilitkan kain putih di songkok selama tujuh hari mulai dari 1 April 1946.

Hasil daripada tindakan ini dengan kerjasama pihak sultan-sultan, akhirnya majlis perlantikan Edward Gent sebagai Gabenor

Malayan Union di Kuala Lumpur pada 1 April 1946 telah berjaya dipulaukan. Menyedari hakikat ini, pihak British kemudiannya telah menukar dasarnya kepada pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948. Implikasi terpenting daripada Malayan Union ini ialah lahirnya parti UMNO.

## MAPHILINDO

Maphilindo merupakan gabungan singkatan daripada nama Malaysia, Philippines dan Indonesia. Gagasan Maphilindo ini dibentuk bertujuan untuk menyelesaikan sebarang masalah yang timbul antara ketiga-ketiga negara. Idea penubuhan bertitik tolak daripada masalah Konfrontasi Indonesia terhadap Malayia serta tuntutan Filipina ke atas Sabah. Lantaran itu, Menteri Luar setiap negara telah bersidang di Manila dan mencadangkan supaya satu gabungan di antara ketiga-tiga negara dibentuk. Maka itu lahirlah Maphilindo pada tahun 1963.

## MASYARAKAT MAJMUK

Masyarakat Malaysia umumnya dianggap sebagai sebuah masyarakat majmuk. Ini bererti bahawa masyarakat Malaysia mengandungi lebih dari satu kategori bangsa yang tiap-tiap satunya mempunyai sifat-sifat tersendiri yang terpancar dalam simbol-simbol kebudayaan, nilai-nilai dan norma-norma kehidupan masing-masing. Konsep masyarakat majmuk diperkenalkan oleh J.S. Furnivall. Antara ciri-ciri yang ketara ialah:

1. Tidak adanya penyesuaian nilai di antara satu kelompok dengan kelompok yang lain.
2. Tidak wujudnya keseragaman dari segi kebudayaan.
3. Selalu berlaku konflik dan pertentangan di antara kelompok yang ada.
4. Tiap-tiap kelompok itu mengekalkan kuasa autonomi mengikut bahagian-bahagian sistem sosial mereka.
5. Unsur paksaan serta saling bergantungan dalam bidang ekonomi di antara satu kelompok dengan kelompok yang lain, sebagai faktor asas untuk berlakunya interaksi.
6. Dominasi dari segi kuasa politik oleh satu kelompok terhadap kelompok yang lain.

7. Pemecahan pucuk pimpinan berdasarkan kepentingan kelompok-kelompok tertentu. Tiap-tiap kelompok mempunyai fungsi serta kepentingan mereka sendiri (Berghe, 1967:34).

Kemajmukan masyarakat di Malaya boleh dilihat dengan kewujudan pelbagai bangsa seperti Melayu, Cina, India, Kadazan dan Iban. Di kalangan mereka ini wujud pula perbezaan kebudayaan, agama serta ekonomi yang nyata.

## MEI 1969

Tragedi 13 Mei 1969 merupakan kemuncak pertelingkahan kaum dalam sejarah Malaysia. Peristiwa yang telah mengorbankan banyak nyawa dan merosakkan harta benda ini berlaku sebaik sahaja keputusan pilihan raya 1969 diumumkan. Parti Perikatan yang memerintah sebelum itu, mendapat majoriti yang kurang sungguhpun cukup untuk menubuhkan kerajaan. Manakala parti pembangkang pula bertambah bilangan kerusi mereka terutama di peringkat Dewan Undangan Negeri. Bertitik tolak dari situasi ini dengan adanya perayaan menyambut kemenangan dengan perasaan emosi yang tinggi, maka tercetuslah tragedi perkauman yang bermula di Kuala Lumpur.

Menurut Laporan Pusat Pengajian Pembangunan Manusia, Jabatan Perdana Menteri, antara sebab utama yang mendorong berlaku perstiwa ini ialah:

1. Wujud kerenganggan yang luas antara orang Melayu dan orang Cina yang membentuk segolongan besar penduduk di negara ini. Kerenggangan ini termasuklah dari sudut kebudayaan, generasi dan ekonomi.
2. Sikap kerajaan terlalu liberal dalam pelaksanaan dasarnya yang menyebabkan sebahagian besar golongan rakyat tidak puas hati sama ada dari segi politik, sosial mahupun ekonomi.
3. Tempoh kempen pilihan raya yang berjalan terlalu panjang (enam minggu) di samping wujudnya pengunaan isu-isu yang tanpa menghiraukan perasaan antara kaum di negara ini.

Implikasi daripada peristiwa ini, kerajaan telah melancarkan

beberapa program untuk memperbaiki masalah hubungan kaum yang wujud. Antaranya termasuklah memperkenalkan Rukun Negara sebagai ideologi nasional, Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran Kebangsaan, dan membentuk Jabatan Perpaduan Negara.

## MERDEKA

Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Pengisytiharan tarikh kemerdekaan tersebut telah dibuat oleh Tunku Abdul Rahman pada 20 Februari 1956 di Padang Pahlawan, Bandar Hilir, Melaka.

Rundingan kemerdekaan telah diadakan di London pada 18 Januari hingga 6 Februari 1956 antara wakil kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan pihak British. Wakil kerajaan Persekutuan Tanah Melayu terdiri daripada empat orang wakil Perikatan iaitu:

1. Tunku Abdul Rahman.
2. Dato' Abdul Razak Hussein.
3. H.S. Lee.
4. Dr. Ismail Abdul Rahman.

dan empat orang wakil Raja-raja Melayu, iaitu:

1. Dato' Panglima Bukit Gantang.
2. Abdul Aziz Haji Abdul Majid.
3. Dato' Nik Ahmad Kamil Haji Mahmood.
4. Dato' Mohamad Seth Mohd. Said.

manakala wakil kerajaan British pula terdiri daripada:

1. John Have (Menteri Negara).
2. Donald MacGillivray (Pesuruhjaya Tinggi British bagi Persekutuan Tanah Melayu).
3. David Watherston (Ketua Setiausaha Persekutuan Tanah Melayu).

Hasil daripada rundingan ini, Perjanjian Kemerdekaan telah ditandatangani pada 8 Februari 1956.

Langkah ini kemudiannya diikuti dengan perjanjian Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957 di King House, Kuala Lumpur antara Tunku Abdul Rahman, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang pertama dengan

Donald MacGillivray (Persuruhjaya Tinggi British yang terakhir di Tanah Melayu) yang menandakan secara mutlak persetujuan kemerdekaan tersebut.

## MINORITI

Konsep minoriti melambangkan satu kelompok atau satu kategori individu yang mempunyai kurang dari setengah jumlah penduduk yang ditentukan. Dalam hal ini perbezaan antara kelompok minoriti mengikut etnik, bahasa, bangsa, politik dan ras juga perlu diperhatikan. Minoriti juga boleh ditafsirkan sebagai sebarang kumpulan yang menggangap diri dan juga dianggap oleh kelompok dominan sebagai unik atas dasar ciri-ciri fizikal, ekonomi dan lain-lain.

Terdapat beberapa ciri dalam sesuatu kumpulan minoriti:

1. Minoriti adalah kelompok bawahan dalam sesuatu masyarakat yang kompleks.
2. Minoriti mempunyai sesuatu ciri budaya serta fizikal yang luar biasa atau unik.
3. Kelompok minoriti disatukan dengan ciri-ciri istimewa yang dikongsi oleh anggotanya.
4. Keanggotaan dalam sesuatu golongan minoriti disampaikan melalui asas keturunan.
5. Ahli anggota kelompok minoriti lebih cenderung berkahwin sesama mereka, baik atas pilihan sendiri atau kerana paksa.

## MONARKI

Monarki bermaksud sistem kerajaan atau negeri yang diperintah oleh seorang raja. Lazimnya, jawatan ini diwarisi atau dipusakai dan berterusan seumur hidupnya. Di bawah sistem monarki, kuasa yang dimiliki oleh raja untuk mentadbir negeri itu berada dalam tiga keadaan:

1. Mutlak.
2. Raja Berperlembagaan.
3. Simbolik.

Monarki bercorak mutlak membawa maksud rajanya berfungsi

sebagai ketua negara dan mewakili tiap-tiap rakyat dan mempunyai kuasa yang tertinggi. Bentuk kuasa ini adalah jenis pemerintahan yang paling awal diwujudkan. Justeru itu, raja yang memerintah sering dianggap sebagai simbol keagungan dan kedaulatan negara sehinggakan perkara ini mencapai ke tahap sebagai wakil tuhan mereka. Segala kata mesti dipatuhi dan sesiapa yang membantah akan mendapat pembalasan. Pada tahap ini, raja bebas dalam membuat sebarang keputusan. Corak monarki mutlak ini dikatakan wujud pada zaman silam seperti di Mesir, China, India dan juga Eropah.

Dalam sistem monarki yang bercorak Raja Berperlembagaan, raja tidak lagi mempunyai kuasa mutlak kecuali kuasa budi bicara dan kuasa mengikut nasihat dalam hal ehwal agama, ketenteraan, melantik Perdana Menteri, persidangan raja-raja serta perintah pembubaran parlimen. Di peringkat ini, secara praktikalnya segala yang hendak dilaksanakan oleh pihak raja adalah atas nasihat Perdana Menteri ataupun Menteri Besar. Contoh yang jelas ialah di Malaysia dan England.

Monarki simbolik pula merujuk pada keadaan monarki sebagai simbolik iaitu raja hanya sebagai simbolik dan tidak mempunyai sebarang pengaruh atau kewibawaan dalam pemerintahan negara. Dengan kata lain, kekuasaan raja dinafikan terus dan kedudukannya hanyalah sebagai simbol negara. Contoh yang jelas ialah di Jepun.

# N

## NASIONALISME MELAYU

Menurut Hans Kohn, nasionalisme boleh ditakrifkan sebagai satu keadaan fikiran yang meresap masuk ke dalam jiwa sebahagian besar rakyat dan didakwa menyerap masuk di kalangan semua anggota; dia mengiktiraf negara-negara sebagai bentuk organisasi yang unggul dan bangsa sebagai punca bagi segala kehidupan budaya yang membina dan punca kesejahteraan ekonomi (R. Suntharalingam, 1984:2). Manakala A.D. Smith pula mendefinisikan nasionalisme sebagai satu pergerakan ideologi ke arah mencapai dan mempertahankan hak kekuasaan dan keperibadian sendiri sesuatu kumpulan sosial yang sesetengah ahli menggangapnya sebagai sesuatu bangsa yang sebenar atau berkemungkinan menjadi satu bangsa (1973:26).

Berhubung dengan kebangkitan nasionalisme Melayu, ramai sarjana bertelagah pendapat tentang bilakah ia bermula. Namun begitu, menurut Wang Gungwu, James P. Ongkili dan Abd. Rahman Ismail, nasionalisme Melayu telah mula lahir antara tahun-tahun 1946 – 1948 dan kemudiannya berkembang sehingga mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Ini berasaskan perjuangan parti-parti politik pada ketika itu yang berusaha menegakkan bahasa, bangsa Melayu sebagai unsur penting dalam pembinaan negara.

## NATIONAL CONVENTION PARTY

Abdul Aziz Ishak merupakan orang yang bertanggungjawab dalam penubuhan National Convention Party (NCP) pada tahun 1962.

Parti ini lahir berikutan perasaan tidak puas hati terhadap Perikatan oleh segolongan ahli UMNO kerana dianggap terlalu memberi konsesi kepada orang bukan Melayu. Parti ini umumnya tidak mempunyai dasar perjuangan yang nyata dan menyertai Barisan Sosialis tidak lama kemudian.

## NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU

Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) dibentuk pada bulan Julai 1896 yang terdiri daripada negeri Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan. Penubuhannya adalah bertitik tolak daripada kelemahan yang terdapat dalam sistem Residen. Melalui sistem pemerintahan NNMB ini:

1. Kuasa pemerintahan dibahagi dua iaitu antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri.
2. Seorang Residen Jeneral akan dilantik mengendalikan kerajaan pusat bagi memastikan Residen-residen di setiap negeri tidak bertindak sewenang-wenangnya.
3. Residen Jeneral pula akan diawasi oleh Persuruhjaya Tinggi bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang juga menyandang Gabenor Negeri-Negeri Selat.
4. Mewujudkan keseragaman dari segi perkhidmatan awam, polis, gaji, dasar pelajaran, undang-undang tanah dan sistem pos.

Frank Swettenham merupakan Residen Jeneral yang pertama mengetuai NNMB. Sistem NNMB ini terus berjalan dengan pelbagai penyesuaian bagi mengatasi kelemahan yang timbul seperti pemilikan kuasa yang terlalu banyak oleh Residen Jeneral dan peranan Majlis Mesyuarat Negeri yang tidak berfungsi. Sistem ini berakhir apabila Persekutuan Tanah Melayu dibentuk pada tahun 1948 (Zainal Abidin Wahid, 1983:92).

## NEGERI-NEGERI MELAYU TIDAK BERSEKUTU

Negeri Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu adalah negeri-negeri yang digolongkan dalam Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu. Negeri-negeri ini tidak dapat disatukan kerana adanya beberapa perbezaan di antara satu sama lain. Negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu contohnya pada ketika itu

di bawah naungan negeri Siam dan hanya bebas setelah termeterainya Perjanjian Bangkok 1909.

Selepas itu sehingga tahun 1914, barulah kelima-lima negeri ini berjaya dikuasai British. Namun begitu, penguasaan ini pada tahap yang minimum jika dibandingkan dengan penguasaan British terhadap Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu, British hanya melantik penasihat dan bukannya Residen. Justeru itu, kuasa sultan serta Majlis Mesyuarat Negeri tidak banyak dikongkong oleh British (Zainal Abidin Wahid, 1983:97).

## NEGERI-NEGERI SELAT

Negeri-Negeri Selat terdiri daripada Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. Ia dibentuk pada tahun 1826 dan diletakkan di bawah pemerintahan British. Pusat pentadbirannya di peringkat awal ialah di Pulau Pinang dengan Gabenor Pulau Pinang menjadi ketua pentadbirnya. Pada tahun 1932, pusat pentadbiran Negeri-Negeri Selat dipindahkan ke Singapura kerana kedudukan perdagangan dan perkembangannya yang pesat. Walau bagaimanapun, pada tahun 1867, pentadbiran Negeri-Negeri Selat dipindahkan pula ke London dan kemudiannya dijadikan Jajahan Mahkota.

# P

### PARLIMEN

Parlimen merupakan sebuah badan yang tertinggi membuat undang-undang di Malaysia. Ia mempunyai tiga komponen iaitu Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Segala undang-undang yang dibawa ke Parlimen semestinya diluluskan oleh ketiga-tiga komponen ini. Walau bagaimanapun, Yang di-Pertuan Agong tidak menghadiri persidangan Parlimen sepenuh masa. Baginda hanya bertitah semasa pembukaan rasmi penggal Parlimen.

Parlimen bersidang apabila dipanggil oleh Yang di-Pertuan Agong dan tidak boleh dibiarkan enam bulan berselang di antara mesyuarat akhir bagi satu penggal dengan mesyuarat pertama bagi penggal yang akan datang. Antara peranan penting parlimen ialah:

1. Menggubal Undang-undang

   Perkara 44 menyatakan bahawa kuasa perundangan dimiliki oleh parlimen. Rang undang-undang boleh di-mulai dalam mana-mana dewan kecuali rang undang-undang kewangan yang hanya boleh dilakukan oleh Dewan Rakyat. Untuk meluluskan sesuatu rang undang-undang, ia mestilah melalui empat peringkat iaitu bacaan pertama, bacaan kedua, peringkat jawatankuasa dan bacaan ketiga.

2. Kuasa Kewangan

   Parlimen mempunyai kuasa untuk mengenakan mana-mana cukai atau kadar cukai dalam negara. Kuasa ini ter-

letak pada Dewan Rakyat sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 68, Perlembagaan Persekutuan.

3. Sebagai Dewan Perdebatan

   Parlimen berfungsi sebagai dewan perdebatan bagi membincangkan, memberi pandangan serta kritikan berkaitan dengan hal-hal rakyat dan negara. Dalam hal ini mengikut Perkara 63 (2) parlimen memberi kebebasan kepada ahlinya untuk berbahas tanpa boleh didakwa di mahkamah mahupun dalam sebarang perbicaraan.

4. Kuasa Pemindaan

   Perkara 159 memberi kuasa kepada parlimen untuk meminda perlembagaan negara dari semasa ke semasa. Namun terdapat batasan dalam membuat pindaan seperti dalam Perkara 10 (4), 38, 70, 71, 72 (4), 152 (3) dan 159 (3). Perkara tersebut tidak boleh dipinda tanpa mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja.

5. Kawalan ke atas Pemerintah

   Parlimen boleh menjalankan peranannya sebagai penyelia, pengawal serta pengkritik terhadap pentadbiran pemerintah serta boleh mempengaruhi dasar-dasar kerajaan.

## PARTI BANSA DAYAK SARAWAK

Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) telah dilancarkan secara rasminya oleh Datuk Leo Moggie pada 15 September 1983. PBDS ditubuhkan bertujuan untuk bekerjasama dengan kerajaan bagi mengatasi masalah pembangunan, petempatan penduduk, peluang pelajaran dan menyatukan kaum Dayak dalam usaha mendapatkan bahagian yang adil dalam kuasa politik dan faedah ekonomi negeri Sarawak.

Bersesuaian dengan matlamat parti ini, di peringkat awal PBDS dengan jelas adalah sebuah parti yang bersifat perkauman. PBDS telah menyertai Barisan Nasional pada 8 Januari 1984. Di peringkat negeri, PBDS hanya diterima menganggotai Barisan Nasional pada bulan Jun 1994 untuk bergabung dengan PBB, SUPP dan SNAP. Jumlah ahli parti ini dianggarkan seramai 45 000 orang dan mempunyai 155 cawangan.

## PARTI BARISAN RAKYAT SABAH BERSEKUTU (BERSEKUTU)

Parti ini didaftarkan pada 15 Jun 1990 dan berpusat di Sandakan, Sabah. BERSEKUTU diketuai oleh Hamid Jan. Parti ini merupakan parti berbilang kaum. Penyertaannya dalam enam kerusi pilihan raya negeri pada tahun 1994 tidak memperoleh sebarang kejayaan

## PARTI BERSATU RAKYAT BUMIPUTERA SABAH (BERSEPADU)

Parti ini didaftarkan pada 16 Ogos 1984 dan dipimpin oleh Datuk Pangeran Othman Rauf iaitu seorang bekas Timbalan Menteri di peringkat Persekutuan.

## PARTI BERSATU RAKYAT JELATA SABAH (BERJAYA)

Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah (Berjaya) telah ditubuhkan secara rasmi pada 15 Julai 1975 di Hotel Borneo, Tanjung Aru, Sabah. Kelahiran parti ini adalah untuk mengembalikan nilai-nilai demokrasi di Sabah yang sebelum ini telah tergugat. Parti Berjaya merupakan parti berbilang kaum yang pertama dibentuk di Sabah. Justeru itu, pemimpin-pemimpin yang menganggotai parti ini adalah berbilang bangsa. Datuk Peter Mojuntin, Datuk Joseph Pairin Kitingan dan James Ongkili adalah daripada kalangan etnik Kadazan, manakala Tun Fuad Stephen, Datuk Harris Salleh, Datuk Mohd. Noor Mansor dan Datuk Salleh Sulong daripada bumiputera Islam dan pemimpin Cina pula ialah Datuk Chong Thuan Vun, Yap Pak Leong, Wong Chik Lim dan Wee Boon Peng.

Parti Berjaya telah menewaskan parti USNO/SCA dalam pilihan raya 1976 dan seterusnya memerintah Sabah selama sembilan tahun di bawah pimpinan Datuk Harris Salleh. Akibat daripada sikap diktator pemimpin Berjaya, akhirnya pada pilihan raya 1985 parti ini telah tewas di tangan PBS.

## PARTI BERSATU RAKYAT SABAH (PBRS)

Parti ini ditubuhkan pada 11 Mac 1994 oleh Datuk Clarence Bongkos iaitu bekas Naib Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS). Ia

mempunyai ahli sekitar 30 000 orang yang puratanya daripada keturunan Kadazan/Dusun. Presiden parti ini sekarang disandang oleh Datuk Joseph Kurup iaitu bekas Setiausaha Agung PBS. Matlamat asas parti ini adalah untuk mewujudkan kerjasama dengan kerajaan pusat. Parti ini diterima sebagai anggota Barisan Nasional pada 11 Jun 1994.

## PARTI BERSATU SABAH (PBS)

Parti Bersatu Sabah (PBS) telah diasaskan oleh Datuk Joseph Pairin Kitingan. Kelahiran PBS pada tahun 1985 banyak bergantung pada kewibawaan dan keperibadian Datuk Pairin sebagai pemimpin politik yang sederhana. Antara objektif utama penubuhan PBS ialah:

1. Menjunjung dan memastikan pengekalan proses dan praktik demokrasi berparlimen.
2. Menghormati maruah kemanusiaan.
3. Memelihara dan mempertahankan hak-hak dan kepentingan Sabah dalam Persekutuan.
4. Memastikan dan memelihara tanpa syarat kebebasan agama.
5. Memperluaskan kesedaran sebagai warganegara Malaysia dan kesetiaan terhadap raja dan negara.

Walaupun PBS ditubuhkan 47 hari sebelum pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sabah 1985, namun ia telah berjaya merampas tampuk pemerintahan kerajaan daripada parti Berjaya. PBS telah menyertai Barisan Nasional pada tahun 1986 dan kemudiannya keluar dari Barisan Nasional pada tahun 1990 berikutan cubaannya mewujudkan kerjasama dengan Semangat 46. Walaupun secara keseluruhan parti PBS mengamalkan dasar berbilang kaum, namun sebilangan besar anggotanya adalah daripada kaum Kadazan/Dusun.

Dalam pilihan raya negeri pada tahun 1994, PBS telah mendapat majoriti kemenangan yang tipis. Walau bagaimanapun, apabila beberapa orang pemimpinnya melompat menganggotai UMNO, PBS telah kehilangan kuasa pemerintahan yang terpaksa diserahkan kepada UMNO sehingga kini.

## PARTI BUMIPUTERA SARAWAK

Parti Bumiputera Sarawak telah dibentuk pada 19 Disember 1966 hasil gabungan antara parti PANAS dan BARJASA. Abang Ikhwan Zainie telah dilantik menjadi presiden yang pertama manakala setiausaha disandang oleh Taib Mahmud. Kejayaan membentuk parti ini merupakan satu jalan keluar bagi mengatasi masalah perpecahan di kalangan orang Melayu. Ini secara tidak langsung telah memantapkan lagi kedudukan orang Melayu dalam politik Sarawak.

Parti Bumiputera terus mengekalkan kedudukannya dalam Perikatan Sarawak di bawah pimpinan Tawi Sli. Pada tahun 1970, apabila kerajaan campuran dibentuk antara Parti Bumiputera, SUPP, Pesaka dan SCA, Abdul Rahman Ya'kub (Parti Bumiputera Sarawak) telah dilantik menjadi Ketua Menteri Sarawak ketiga.

Bagi melicinkan perjalanan pergerakan politik Sarawak, Abdul Rahman Ya'kub telah berusaha mencantumkan Parti Bumiputera dan Pesaka. Langkah ini telah berhasil apabila pada tahun 1973, kedua-dua parti ini telah bergabung untuk membentuk Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB). Kemantapan PBB serta sokongan daripada parti komponan Barisan Nasional yang lain telah membawa pemerintahan berterusan di Sarawak sehinggalah sekarang di bawah pimpinan Tan Sri Datu Patinggi Abdul Taib Mahmud.

## PARTI BURUH

Parti Buruh di peringkat awalnya dikenali sebagai Pan-Malayan Labour Party (PMLP). Parti ini ditubuhkan pada 20 Jun 1952. Kewujudan parti ini adalah hasil usaha MTUC di bawah pimpinan P.P Narayanan yang mahukan kegiatan politik golongan kesatuan sekerja aktif. Parti ini kemudiannya telah menyertai Barisan Sosialis bagi menghadapi cabaran parti Perikatan. Matlamat perjuangan Parti Buruh antara lainnya ialah:

1. Membentuk kerajaan sendiri.
2. Mewujudkan Malayan Nation dengan cantuman antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura.
3. Mewujudkan perancangan ekonomi mengikut kehendak rakyat dengan mengawal monopoli (*Straits Times*, 28 Mac 1955).

Ideologi yang menjadi dokongan Parti Buruh adalah berlandaskan demokratik sosialisme.

## PARTI BURUH BERSATU SARAWAK (PLUS)

Parti ini diasaskan pada 19 November 1983 oleh Tan Lung Chiew. Parti ini merupakan parti tempatan yang berpusat di Sibu.

## PARTI CINA SABAH (PCS)

Parti Cina Sabah ditubuhkan oleh Francis Liong pada 28 Februari 1986. Ia dibentuk kerana kegagalan PBS mewakili masyarakat Cina secara berkesan. Walau bagaimanapun, parti ini gagal mendapat sokongan daripada masyarakat Cina memandangkan kedudukan mereka sebagai penduduk minoriti di Sabah.

## PARTI DEMOKRATIK BERSATU (UDP)

Parti Demokratik Bersatu (UDP) telah diasaskan oleh Dr. Lim Chong Eu bersama Too Joo Hing pada 21 April 1962. Parti ini wujud berikutan rasa kekecewaan segolongan ahli MCA yang dianggap terlalu berkompromi dengan UMNO. Di peringkat awal, UDP cuba menonjolkan imej parti pelbagai kaum dengan melantik Hj. Abdul Hamid Ishak sebagai pengerusinya. Namun begitu, langkah ini menemui kegagalan dan UDP kemudiannya kembali kepada dasar perjuangan yang berlandaskan perkauman (*Straits Times*, 19 April 1962:5). Kewujudan parti UDP ini tidaklah kekal lama apabila Dr. Lim Chong Eu menarik diri dan menubuhkan parti Gerakan pada tahun 1968.

## PARTI DEMOKRATIK INDIA MALAYSIA

Parti Demokratik India Malaysia (DIMP) ditubuhkan oleh Govindaraj iaitu bekas Naib Presiden MIC. Pendaftaran parti ini telah diluluskan pada 19 Oktober 1985 dan sehingga sekarang mempunyai sekurang-kurang 3774 orang ahli. DIMP telah diterima menjadi anggota Barisan Nasional pada tahun 1987.

## PARTI DEMOKRATIK SABAH (PDS)

Parti ini telah didaftarkan penubuhannya pada 21 Mac 1994. Ia dipimpin oleh Datuk Bernard Giluk Dompok dengan dibantu oleh Datuk Wences Angang sebagai setiausaha. Pada peringkat awal, parti ini merupakan pecahan kepada Parti Bersatu Sabah (PBS). PDS telah menyertai Barisan Nasional pada 11 Jun 1994.

## PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA (GERAKAN)

Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) telah diumumkan penubuhannya pada 25 Mac 1968. Parti ini terdiri daripada gabungan pemimpin kumpulan yang berbeza iaitu Dr. Lim Chong Eu (bekas pemimpin UDP), Dr. Tan Chee Khoon (bekas ahli Parti Buruh), Prof. Syed Hussein al-Attas dan Prof. Wang Gungwu (dari kumpulan intelek). Sebab utama terbentuknya parti ini bertitik tolak daripada perasaan tidak puas hati dengan kerajaan Perikatan dalam menyelesaikan isu-isu yang timbul ketika itu. Antara tujuan dan objektif Gerakan dibentuk ialah:

1. Untuk menghormati dan mempertahankan perlembagaan Malaysia dan mengekalkan prinsip-prinsip Rukun Negara.
2. Untuk memperjuangkan persamaan sebuah masyarakat Malaysia berdasarkan prinsip kemanusiaan dan prinsip demokrasi untuk menjamin keadilan sosial dan ekonomi.
3. Untuk memerlihara dan mengekalkan penggunaan dan pengajian bahasa Cina, Tamil dan Inggeris.

Walaupun Gerakan cuba mempertahankan parti yang bukan bersifat perkauman (dengan melantik Syed Hussein al-Attas sebagai pengerusi), namun parti ini masih dianggap sebagai parti kaum Cina. Ini berasaskan sokongan ahlinya yang datang daripada masyarakat bukan Melayu.

Di peringkat awal, Gerakan merupakan salah satu parti pembangkang yang kuat terutamanya apabila berjaya menawan Pulau Pinang dalam pilihan raya tahun 1968. Walau bagaimanapun, Gerakan kemudiannya telah menyertai Barisan Nasional pada tahun 1972. Tindakan ini telah menyebabkan berlaku perpecahan di kalangan anggota parti yang akhirnya menyebabkan terbentuknya satu lagi parti baru iaitu PEKEMAS. Gerakan kini merupakan

kemudiannya diganti oleh Dr. Burhanuddin al-Helmy. Dasar perjuangan Parti Kebangsaan Melayu Malaya antara lainnya:

1. Menyatupadukan bangsa Melayu ke dalam satu keluarga yang besar iaitu Republik Indonesia Raya.
2. Bertujuan mencapai hak kemerdekaan, berpidato, bergerak, berfikir dan menuntut pelajaran.
3. Membangkitkan kedudukan iktisad bangsa Melayu dengan memajukan perusahaan, perniagaan dan pertanian serta menaikkan taraf penghidupan bangsa Melayu.
4. Mencapai kebebasan bercucuk tanam.
5. Kebebasan sepenuhnya dalam pendidikan dengan pelajaran secara percuma.
6. Kebebasan mencetak buku.
7. Bekerjasama dengan bangsa-bangsa lain.
8. Menyokong gerakan umat Indonesia dalam perjuangan kemerdekaan (rang undang-undang Parti Kebangsaan Melayu Malaya 1946).

Parti Kebangsaan Melayu Malaya juga disokong oleh bahagian pemuda yang dikenali sebagai Angkatan Pemuda Insaf (API) dan bahagian wanita dikenali dengan Angkatan Wanita Sedar (AWAS). Walaupun Parti Kebangsaan Melayu Malaya merupakan sebuah pertubuhan politik yang beraliran kiri, namun ia juga memainkan peranan menentang Malayan Union dengan membentuk Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA). PKMM akhirnya lenyap apabila munculnya UMNO sebagai sebuah parti yang mendapat sambutan daripada segenap lapisan orang Melayu.

## PARTI KOMUNIS MALAYA

Parti Komunis Malaya (PKM) telah ditubuhkan pada bulan April 1930 oleh Kongres Perwakilan Ketiga South Seas Communist Party. Penubuhannya ini boleh dianggap sebagai bermulanya kegiatan politik berparti di Semenanjung Tanah Melayu. Di peringkat awal dalam usaha menyebarkan ideologinya, PKM menjadikan sekolah persendirian dan sekolah malam Cina sebagai markas sehingga tahun 1939. PKM di bawah pimpinan Lai Teck dikatakan berjaya menarik keahlian seramai 37 000 orang di Tanah Melayu dan 18 820 di Singapura.

Ketika Jepun menduduki Tanah Melayu, PKM telah ber-

tindak membentuk pertubuhan anti-Jepun seperti Overseas Chinese Anti-Japanese National Salvation Association dan Malayan People Anti-Japanese Army (MPAJA). Pada masa itu juga kebanyakan anggota komunis telah diberi latihan ketenteraan, menubuhkan unit rahsia dan pusat bekalan (makanan dan senjata). PKM telah mewujudkan kerjasama dengan Pihak Berikat yang disalurkan melalui Force 136. Setelah Jepun menyerah kalah, PKM melalui MPAJA telah memerintah Tanah Melayu selama 14 hari sehinggalah diambil alih oleh Pentadbiran Tentera British (BMA).

Apabila kepimpinan PKM bertukar kepada Chin Peng dan selaras dengan resolusi Asian Youth Congress pada bulan September 1947, PKM telah menjalankan pemberontakan bersenjata setelah usahanya membentuk kerajaan bersama pihak British gagal. Langkah ini telah menyebabkan Darurat diisytiharkan di Tanah Melayu pada 17 Jun 1948 dan kerajaan British telah mengambil tindakan mengharamkan PKM. Dalam tempoh itu, PKM telah menjalankan gerakan membakar kampung, menyerang pejabat pos, takungan air, membinasakan landasan kereta api dan tindakan kejam yang lain termasuk sabotaj di ladang dan lombong.

Pihak kerajaan dalam usahanya mengatasi penentangan PKM ini telah merangka pelbagai tindakan seperti mengadakan Rundingan Baling dan Rancangan Briggs. Akhirnya, pada 31 Julai 1960, Darurat telah ditamatkan. Namun begitu, PKM masih terus menjalankan kegiatannya secara haram di hutan Malaysia. Usaha mereka yang sering menghadapi kegagalan ini akhirnya menyebabkan PKM menyerah dan berdamai dengan kerajaan Malaysia pada bulan November 1990.

## PARTI LIBERAL DEMOKRATIK (LDP)

Parti ini diasaskan oleh Hiew Ming Kong, Chong Kah Kiat dan sebilangan pemimpin Cina yang kebanyakannya terdiri daripada golongan profesional. LDP telah diterima menjadi anggota Barisan Nasional Sabah pada bulan Julai 1991.

## PARTI MERDEKA MALAYSIA

Parti Merdeka Malaysia (PMM) telah didaftarkan penubuhannya pada 21 April 1989 di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, pada tahun 1990 parti ini telah dimansuhkan.

## PARTI MOMOGUN KEBANGSAAN SABAH (MOMOGUN)

Parti ini merupakan kesinambungan daripada parti United National Pasok Momogun yang diasaskan pada tahun 1962. Parti ini didaftarkan pada 29 Ogos 1985 dan dipimpin oleh Edward Sinsua.

## PARTI NASIONALIS MALAYSIA

Parti Nasionalis Malaysia (PNM) telah dianjurkan oleh segolongan usahawan Melayu dan pemimpin kesatuan sekerja pada tahun 1985. Keanggotaan parti ini adalah berbentuk pelbagai kaum untuk semua warganegara Malaysia. Antara pemimpin parti ini termasuklah Ahmad Nor (yang pada ketika itu Naib Presiden CUEPACS) dan Fadzil Abdullah. Parti ini kemudiannya termansuh begitu sahaja.

## PARTI NEGARA

Parti Negara ditubuhkan oleh Dato' Onn Ja'afar pada bulan Februari 1954 sebagai menggantikan IMP. Tujuan Parti Negara adalah seperti yang berikut:

1. Mengadakan dan menjalankan dalam Parlimen dan di seluruh Persekutuan Tanah Melayu sebagai sebuah parti politik.
2. Mendirikan Parti Negara menjadi kerajaan yang memerintah Persekutuan Tanah Melayu dan tiap-tiap negeri di dalamnya menurut cara demokrasi.
3. Menjadikan satu rupa bangsa yang dinamakan Melayu dan satu sahaja kerakyatan bagi seluruh Persekutuan Tanah Melayu.
4. Mendirikan Islam menjadi agama rasmi bagi seluruh Persekutuan Tanah Melayu, manakala membebaskan agama-agama lain untuk berkembang.
5. Menjadikan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.
6. Memajukan rakyat dari segi sahsiah (politik), sosial dan ekonomi dan lebih khas lagi mereka mencapai nafkah hidup yang halal dengan tangan sendiri.

(Anwar Abdullah, 1971:193)

Selaras dengan matlamatnya, Parti Negara telah bertanding dalam pilihan raya umum tahun 1955, 1959 dan 1964. Namun begitu, ia gagal untuk mendapat sokongan orang Melayu dan hanya memenangi satu kerusi Parlimen dan empat Dewan Undangan Negeri pada pilihan raya tahun 1964. Akhirnya Parti Negara bubar selepas Dato' Onn meninggal dunia.

## PARTI NEGARA RAKYAT SARAWAK (NEGARA)

Parti ini ditubuhkan pada 30 Julai 1974 oleh Md. Adam Shah Hj. Anuar (atau Stanley James). Parti ini lebih tertumpu di Bahagian Kuching dan mempunyai keahlian sekitar 2500 orang.

## PARTI NEGARA SARAWAK

Parti Negara Sarawak (PANAS) ditubuhkan pada 9 April 1960 atas cadangan Datuk Bandar Abang Haji Mustafa. Pada umumnya, penubuhan PANAS bertujuan untuk membela kaum Bumiputera Sarawak khususnya kaum Melayu. Perkara ini terkandung dalam enam matlamat perjuangannya iaitu:

1. Menolong, melindungi, menyokong, menggerakkan dan memajukan kepentingan Bumiputera khasnya dan penduduk Sarawak umumnya dalam politik, pelajaran, agama, ekonomi, sosial dan kebudayaan.
2. Menuntut pelaksanaan polisi pendidikan kebangsaan yang standard.
3. Mengembang dan menggalakkan hak asasi manusia dan kebebasan untuk semua tanpa mengira agama, kaum dan bangsa.
4. Mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk menentang ancaman dalam negeri.
5. Melindungi hak Bumiputera khasnya dan penduduk Sarawak amnya.
6. Menentukan Sarawak mencapai kerajaan sendiri dan merdeka melalui cara yang aman.

Keahlian parti PANAS umumnya terdiri daripada orang Melayu dan juga kaum Dayak Darat (Bidayuh).

## PARTI PEMBANGKANG

Dalam sejarah perkembangan parti-parti politik di Semenanjung Tanah Melayu, Independence of Malaya Party (IMP) dan Pan-Malayan Islamic Party (PMIP) bolehlah dianggap sebagai parti pembangkang yang awal berasaskan pada pilihan raya tahun 1952. Walaupun IMP tidak berjaya memenangi sebarang kerusi, namun keupayaannya mengkritik, menegur serta memberi pandangan kepada apa yang diutarakan oleh pihak pemerintah memadai untuk dikategorikannya sebagai pembangkang. Selepas itu timbul pelbagai jenis parti pembangkang yang mewarnai politik Malaysia. Kemunculan parti-parti pembangkang dalam sistem politik negara disebabkan beberapa faktor yang antara lainnya:

1. Adanya azam atau semangat daripada satu golongan kaum untuk membela bangsanya sendiri. Lahirnya semangat ini berpunca daripada keraguan serta syak wasangka terhadap keupayaan sesuatu golongan lain dalam usaha menegakkan dan membela kepentingan bangsanya. Perkara ini menyebabkan di kalangan sesuatu etnik tertubuhnya berbagai-bagai jenis parti yang semata-mata bermatlamat mengawal dan mengawasi perihal keperluan kaumnya.
2. Wujudnya pertentangan terhadap dasar perjuangan serta perbezaan ideologi. Perkara ini berkait rapat dengan pendekatan yang berbeza dalam memperjuangkan pembangunan dan kepentingan masyarakat.
3. Wujudnya kesedaran sesuatu golongan tentang betapa pentingnya pihak pemerintah diimbangi, diawasi serta diperhatikan dalam merancang dan melaksanakan sebarang program yang melibatkan rakyat. Dengan kata lain, pembangkang bertindak sebagai pemerhati kepada segala peri laku pihak pemerintah.

Sejak pilihan raya umum pertama pada tahun 1955 hinggalah kini, pertumbuhan parti-parti pembangkang di Malaysia saling silih berganti. Ada parti pembangkang yang termansuh selepas menyertai satu atau dua pilihan raya. Namun, antara parti pembangkang yang bertahan lama termasuklah Democratic Action Party (DAP), Parti Islam Se-Malaya (PAS) dan juga Parti Rakyat Malaysia (PRM).

## PARTI PERIKATAN

Parti Perikatan dibentuk oleh gabungan tiga parti yang mewakili tiga kaum terbesar di Tanah Melayu ketika itu iaitu Melayu (UMNO), Cina (MCA) dan India (MIC). Pada tahap awal hanya UMNO dan MCA sahaja yang bergabung untuk bertanding dalam pilihan raya Majlis Bandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952. Pada tahun 1955 barulah MIC turut serta untuk menghadapi pilihan raya 1955. Dalam pilihan raya ini, Perikatan memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan dan berjaya membentuk kabinet di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman Putra sebagai Ketua Menteri. Kabinet Perikatan ini terdiri daripada sepuluh orang menteri iaitu enam orang Melayu, tiga orang Cina dan seorang India.

Sebelum mencapai kemerdekaan, Perikatan mempunyai matlamat perjuangan yang antara lainnya;

1. Kemerdekaan dalam masa empat tahun.
2. Memalayankan jabatan-jabatan kerajaan.
3. Bahasa Melayu akan dijadikan Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi.
4. Penggunaan bahasa Inggeris dilanjutkan selama sepuluh tahun selepas tarikh merdeka.
5. Memberi pengampunan beramai-ramai kepada pengganas komunis.
6. Sultan dan Raja-raja Melayu kekal sebagai Raja Berperlembagaan.
7. Kerakyataan hanyalah satu kebangsaan sahaja.

(Lofti Ismail, 1982:285)

Bertitik tolak dari sinilah pemimpin Perikatan telah berjaya memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Gabungan Perikatan ini diganti dengan nama Barisan Nasional mulai tahun 1974.

## PARTI PERPADUAN MASYARAKAT

Parti yang berpusat di Kuantan, Pahang, ini telah didaftarkan penubuhannya pada 14 Jun 1991. Parti ini diterajui oleh Ismail Mohamad iaitu bekas Timbalan Pengerusi DAP negeri Pahang. Keahliannya dianggarkan seramai 900 orang.

## PARTI PERPADUAN RAKYAT MALAYSIA

Parti Perpaduan Rakyat Malaysia diasaskan pada 17 Mac 1987. Kegiatan serta keahliannya hanyalah terhad di sekitar Kuala Lumpur.

## PARTI PERSATUAN RAKYAT MALAYSIA SARAWAK

Parti Persatuan Rakyat Malaysia Sarawak (Permas) terbentuk hasil tindakan 27 daripada 48 ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak terhadap pimpinan Tan Sri Abdul Taib Mahmud pada 19 Mac 1987. Permas dipimpin oleh Tun Abdul Rahman Ya'kub. Di peringkat awal, kumpulan ini dikenali sebagai 'Kumpulan Bersatu' ini telah mengadakan perhimpunan di Hotel Ming Court, Kuala Lumpur. Mereka yang terlibat dalam pembentukan Permas ini termasuklah Dato' Daniel Tajem, Dato' Haji Noor Tahir, dan Dato' Hafsah Harus.

Pada penyertaan pertama dalam Pilihan Raya Umum 1987, Permas telah bekerjasama dengan PBDS dengan menggelarkan kerjasama ini sebagai 'Kumpulan Maju'. Walaupun mendapat keputusan yang membanggakan (PBDS memenangi 15 kerusi Dewan Undangan Negeri, manakala Permas lima kerusi) namun disebabkan pengurusan organisasi yang lemah, ramai ahli Dewan Undangan Negeri dan ahli anggota parti Permas kembali menyertai PBB.

## PARTI PESAKA ANAK SARAWAK

Parti Pesaka Anak Sarawak (Pesaka) telah dibentuk pada bulan Jun 1962. Antara mereka yang bertanggungjawab menubuhkan Pesaka ialah Penghulu Masam Anak Radin, T.R. Francis Bujang anak Manja dan Penghulu Francis Umpau. Tiga matlamat utama penubuhan parti ini ialah:

1. Membantu semua kaum Dayak supaya bersatu dalam mengejar matlamat dan kepentingan bersama.
2. Memerlihara warisan Sarawak.
3. Untuk memastikan kaum Dayak mempunyai hak-hak yang tercatat dalam pembentukan kerajaan Persekutuan.

Parti Pesaka terus berkembang apabila mendapat sokongan

daripada dua orang tokoh kaum Iban iaitu Temenggung Jugah anak Barieng dan Temenggung Oyong Lawi Jau. Semasa di bawah pimpinan Tawi Sli, Pesaka telah membentuk pemerintahan di Sarawak bagi menggantikan Stephen Kalong Ningkan yang dipecat. Pesaka dalam usahanya menjamin kesinambungannya telah bersatu dengan Parti Bumiputera Sarawak semasa dipimpin oleh Tun Abdul Rahman Ya'kub. Gabungan ini kemudiannya dikenali sebagai Parti Pesaka Bumiputera Sarawak.

## PARTI POLITIK

Parti politik merupakan elemen yang penting dalam penyertaan politik di dalam negara demokrasi. Parti politik boleh diertikan sebagai satu kelompok yang berorganisasi oleh anggotanya yang mempunyai orientasi, nilai-nilai dan cita-cita yang sama. Dalam hal ini, parti politik sering bertindak sebagai perantara yang menghubungkan ideologi dengan kuasa pemerintahan. Selain itu, ia juga boleh bertindak seperti jambatan antara tokoh yang memerintah dengan tokoh yang diperintah (Neumann, 1963: 352).

Peranan parti politik yang utama ialah memperjuangkan dan menyuarakan kemahuan rakyat di dalam institusi perwakilan, di samping menjadi alat sosialisasi politik di kalangan rakyat. Parti politik mempunyai ciri-ciri tersendiri iaitu:

1. Merupakan sebuah organisasi yang berterusan tanpa dihalang oleh usia pemimpin yang berkuasa.
2. Mempunyai organisasi yang kekal di peringkat bawahan dan tempatan.
3. Mempunyai hubungan dan komunikasi di antara parti-parti lain di peringkat nasional atau tempatan.
4. Wujudnya kesedaran di kalangan pemimpin pada peringkat nasional atau tempatan untuk bertanding secara bersendirian atau berpakat dengan kumpulan lain.
5. Parti politik akan cuba mendapatkan sebanyak mana kuasa yang mungkin terutamanya semasa pilihan raya.

Di Malaysia, terdapat pelbagai parti politik yang wujud sama ada berlandaskan ideologi, perkauman mahupun sentimen tertentu. Semenjak merdeka hinggalah kini terdapat sekurang-kurangnya 60 buah parti telah ditubuhkan. Daripada jumlah ini ada sebahagian besarnya telah terbubar.

## PARTI PROGRESIF RAKYAT

Parti Progresif Rakyat (PPP) ditubuhkan pada 10 April 1953. Pada awalnya, parti ini dikenali sebagai Perak Progressive Party. Timbulnya parti ini adalah atas daya usaha dua orang peguam daripada keturunan Tamil Ceylon iaitu S.P Seenivasagam dan D.R. Seenivasagam. Dasar perjuangan PPP adalah berlandaskan sosialisme yang 'moderate', antaranya ialah;

1. Menerima bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai bahasa rasmi (dengan bahasa Melayu diakui sebagai Bahasa Kebangsaan).
2. Undang-undang kewarganegaraan yang sama bagi setiap orang yang didasarkan kepada permohonan yang selengkapnya atas dasar *jus soli*.
3. Keistimewaan yang sama bagi semua orang di Tanah Melayu.
4. Pemindaan terhadap undang-undang pendidikan dan imigrasi untuk memberi taraf yang sama terhadap semua kaum.

(Ratnam, 1965:68)

Walau bagaimanapun, dasar ini kemudiannya telah diubah suai apabila PPP menyertai Barisan Nasional pada tahun 1974.

## PARTI PUNJABI MALAYSIA

Parti Punjabi Malaysia telah ditubuhkan pada 24 Mac 1986. Ia merupakan sebuah parti perkauman yang membuka keahliannya daripada keturunan Punjabi sahaja. Jumlah ahli parti ini lebih kurang 60 000 orang. Walau bagaimanapun, parti ini tidak terlibat dalam sebarang pilihan raya.

## PARTI RAKYAT SABAH

Parti Rakyat Sabah (PRS) didaftarkan di Pendaftar Pertubuhan pada 20 Januari 1989. Pusat utama perkembangan parti ini ialah di Kota Kinabalu. Parti ini dipimpin oleh Dr. James Ongkili.

PRS merupakan parti berbilang kaum yang dibentuk oleh bekas pemimpin parti Berjaya. Dalam pilihan raya tahun 1990, PRS bertanding dalam 42 kerusi Dewan Undangan Negeri tetapi

tidak memenangi sebarang kerusi. PRS tidak bertanding dalam pilihan raya tahun 1994.

## PARTI RAKYAT JATI SARAWAK

Parti Rakyat Jati Sarawak atau PAJAR ditubuhkan pada bulan Februari 1978 oleh bekas Timbalan Persuruhjaya Polis Sarawak, Haji Alli Kawi. Parti ini kurang mendapat sokongan masyarakat Melayu Sarawak dan kemudiannya telah bubar begitu sahaja.

## PARTI RAKYAT MALAYSIA

Parti Rakyat Malaysia (PRM) atau dahulunya dikenali sebagai Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM) adalah sebuah parti berhaluan kiri yang ditubuhkan pada 11 November 1955 di Pejabat Buruh, Kuala Lumpur. Kemunculan parti ini merupakan hasil daripada perjuangan para nasionalis parti-parti kiri seperti Parti Kebangsaan Melayu Malaya dan Kesatuan Melayu Muda. Antara pengasas awal parti ini ialah Ahmad Boestamam (presiden pertama), Dr. Burhanuddin al-Helmy, Cikgu Harun dan A.M Azahari.

Secara umumnya, PRM mula bergerak aktif dalam politik Malaysia pada tahun 1959, setelah ia bergabung dengan Parti Buruh di bawah Barisan Sosialis. Dalam penyertaannya pada pilihan raya umum 1959, PRM berjaya memenangi dua kerusi iaitu di kawasan Setapak (Ahmad Boestamam) dan Damansara (Karam Singh). Setelah itu, walaupun PRM terus menyertai pilihan raya sehingga tahun 1995 namun ia gagal untuk memenangi sebarang kerusi.

PRM pada asasnya adalah sebuah parti yang menolak prinsip-prinsip perkauman sebagai dasar perjuangannya. Ini selaras dengan fahaman yang dibawa oleh parti iaitu aliran sosialisme. Adalah ditafsirkan sekurang-kurangnya wujud tiga fahaman sosialisme yang menjadi teras kepada PRM.

1. Fahaman Marhaenism.

   Fahaman marhaeism telah diamalkan oleh PRM sejak tahun 1955 hingga 1969 iaitu ketika Ahmad Boestamam memegang teraju parti ini. Fahaman ini berasaskan landasan perjuangan Sukarno yang mempunyai tiga unsur utama iaitu ketuhanan yang maha esa, sosionasionalisme dan sosiodemokrasi.

2. Fahaman Sosialisme Saintifik.

   Fahaman sosialisme saintifik telah diperkenalkan oleh Kassim Ahmad pada tahun 1969. Sosialisme saintifik sebenarnya adalah satu teori politik yang bercorak sejagat. Tujuan utama fahaman ini adalah memberikan panduan kepada rakyat yang tertindas dan menjadi satu senjata utama untuk mereka membebaskan diri daripada penekanan dan penindasan politik, ekonomi dan sosial. Selaras dengan fahaman ini PRM telah menganjurkan supaya 'demokrasi sosialisme' diamalkan di negara ini (*Mimbar Sosialis*, 1972. Kuala Lumpur: Ibu Pejabat Parti Sosialis Rakyat Malaysia).

3. Fahaman Sosialis.

   Sesuai dengan arus perubahan masyarakat semasa, PRM telah mengambil langkah menukar fahamannya dari sosialisme saintifik kepada sosialisme yang mengambil kira Islam dan nasionalisme. Dalam perubahan ini, Islam dijadikan sebagai satu teras dan objektif pencapaian parti. Tumpuan fahaman ini lebih menjurus kepada persoalan ekonomi yang membabitkan penekanan dari segi akhlak dan rohaniah. Begitulah juga halnya dengan persoalan-persoalan politik dan sosial apabila PRM cuba mendasari Islam sebagai pokok perjuangan.

PRM kini dipimpin oleh Dr. Syed Husain Ali sebagai Presiden dan Dr. Sanusi Osman sebagai Setiausaha. Jumlah ahli parti ini lebih kurang 35 000 orang.

## PARTI TINDAKAN BERSATU

Parti Tindakan Bersatu yang berpusat di Kota Kinabalu, Sabah, telah didaftarkan penubuhannya pada 20 November 1989.

## PARTI UNITED PASOK-MOMOGUN KADAZAN ORGANISATION

Parti United Pasok-Momogun Kadazan Organisation (PASOK) telah ditubuhkan pada bulan Januari 1962 oleh G.S Sundang. Ia adalah manifestasi sebilangan masyarakat Dusun dan Murut yang

tidak bersetuju dengan konsep perjuangan UNKO yang terlalu mementingkan kaum Kadazan Penampang dan Papar. Selain itu, tindakan UNKO menyokong orang Cina juga turut mendorong terbentuknya parti ini.

Parti Pasok di peringkat awal mendapat sokongan daripada orang Cina yang antaranya Peter Chin dan Khoo Siak Chiew. Walau bagaimanapun, akibat fahaman etnik yang sempit, parti ini kurang mendapat sokongan dan telah bergabung dengan parti UNKO pada bulan Jun 1964 untuk membentuk parti UPKO. Parti ini kemudiannya telah dibubarkan pada bulan Disember 1967.

## PEGUAM NEGARA

Peguam Negara adalah Pendakwa Raya yang bertanggungjawab bagi pendakwaan semua kesalahan jenayah, penasihat undang-undang bagi kerajaan dalam semua cawangannya, peguam bela bagi kerajaan dalam mahkamah, penggubal semua undang-undang, ketua rasmi bagi peguam tempatan dan juga penjaga hak awam. Peguam Negara dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri. Untuk seseorang itu layak menjawat jawatan ini, ia seharusnya memiliki pengalaman sekurang-kurang sepuluh tahun dalam bidang guaman, pegawai tadbir awam atau ahli persatuan peguam.

Dalam menjalankan tugasnya, Peguam Negara dibantu oleh Timbalan Pendakwa Raya, peguam-peguam kanan Persekutuan selaku peguam bela kerajaan, penggubal undang-undang serta penasihat undang-undang antarabangsa.

## PEMBANGUNAN WILAYAH

Pembangunan wilayah merupakan satu strategi pembangunan yang bertujuan merapatkan jurang perbezaan ekonomi di antara negeri-negeri di Malaysia dan di antara wilayah dan penduduknya. Matlamat strategi ini ialah untuk mengagihkan semua aspek pembangunan ekonomi, sosial dan perkhidmatan negara bukan sahaja dari segi peluang pekerjaan dan penambahan pendapatan tetapi juga kemudahan kesihatan, pelajaran dan perumahan.

Di bawah program pembangunan wilayah ini penempatan semula penduduk tertentu ke kawasan yang mempunyai peluang

dan potensi pembangunan dilaksanakan di bawah kelolaan perbadanan awam dan pihak berkuasa wilayah. Melalui program ini antara wilayah-wilayah baru yang dibentuk termasuklah:

1. Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA).
   Kejora telah ditubuhkan pada 1 Jun 1972. Kejora mempunyai kawasan seluas 300 361 hektar meliputi daerah Kota Tinggi dan sebahagian daerah Kluang.

2. Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH).
   Jumlah keluasan meliputi 443 943 hektar yang meliputi sebahagian besar pedalaman daerah Dungun, Kemaman dan sebahagian kecil Hulu Terengganu.

3. Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR).
   Ditubuhkan pada 1 Mei 1978 dan mempunyai keluasan meliputi 1 233 363 hektar.

4. Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA).
   Badan yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaras pembangunan dalam bidang pertanian dan perindustrian di wilayah tersebut. DARA mempunyai keluasan satu juta hektar.

5. Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (LKWJ).
   Ditugaskan untuk menyelaraskan segala aktiviti pembangunan di wilayah Jengka Tiga Segi. Kawasan LKWJ adalah seluas 196 728 hektar.

6. Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA).
   Lembaga ini dibentuk bagi mempercepatkan lagi pembangunan ekonomi dan sosial kawasan luar bandar Pulau Pinang.

7. Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA).
   Ditubuhkan pada 28 Mei 1981 dan keluasannya meliputi 834 413 hektar.

## PEMBELA TANAH AIR (PETA)

Pembela Tanah Air (PETA) dibentuk oleh pemerintah Jepun pada tahun 1943. Hal ini disebabkan rasa terlalu sangsi dengan kegiatan yang dijalankan oleh Kesatuan Melayu Muda (KMM). Justeru itu,

apabila KMM diharamkan, Jepun mengharapkan PETA mengambil alih sebagai tali penghubung dengan orang Melayu. Ibrahim Hj. Yaacob telah dilantik oleh pemerintah Jepun sebagai panglima PETA. Konsep penubuhan PETA agak berbeza iaitu kebanyakan anggotanya telah diberikan latihan ala tentera.

Walaupun pada umumnya PETA merupakan pertubuhan yang baru, namun pada hakikatnya ia juga menyerupai KMM yang telah diharamkan. Ini disebabkan keahlian PETA adalah terdiri daripada ahli-ahli lama KMM. Dengan kata lain, KMM itu adalah PETA dan PETA itu adalah KMM. Motif sebenar perkara ini dilakukan adalah;

1. Untuk membolehkan anggota KMM meneruskan gerakan bawah tanah yang mereka rancang.
2. Bagi melatih dan melengkapkan pemuda-pemuda Melayu khasnya anggota KMM dalam lapangan ketenteraan.

Peranan yang dimainkan oleh PETA ini kemudiannya berakhir apabila Jepun menyerah kalah pada tahun 1945.

## PEMBUBARAN PARLIMEN

Apabila tempoh mandat yang diberikan oleh rakyat kepada pemerintah selama lima tahun tamat, maka pembubaran parlimen perlu dibuat bagi diadakan pilihan raya baru. (Walau bagaimanapun, biasanya pemerintah tidak akan menunggu sehingga tempoh tersebut tamat). Pembubaran parlimen ini bermakna Ahli Dewan Rakyat dan ADUN tidak lagi boleh bersidang untuk membuat dasar ataupun menjalankan tugas yang diamanahkan kepadanya sebelum ini. Justeru itu, pilihan raya umum adalah diperlukan bagi pembentukan kerajaan dan memulakan persidangan parlimen baru. Tempoh bagi pilihan raya tersebut adalah 60 hari daripada tarikh pembubaran bagi Semenanjung Malaysia, manakala di Sabah dan Sarawak ialah 90 hari.

## PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM

Penerapan nilai-nilai Islam di Malaysia lebih merupakan suatu proses untuk menjadikan orang Islam negara ini sebagai individu yang mulia, berbudi bahasa, penyabar, tekun, menunaikan

tanggungjawab di samping kuat berusaha, gigih dan sentiasa ingin bergerak maju. Objektif pokok dasar ini adalah:

1. Menubuhkan sebuah 'negara bahagia'.
2. Membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang bermaruah, beridentiti kukuh dan disegani oleh masyarakat lain.

Langkah ini tidak pula bermakna suatu tindakan untuk mengislamkan rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam. Selain objektif di atas penerapan nilai-nilai Islam juga cuba:

1. Menanam semangat mencintai nilai-nilai suci Islam.
2. Menghormati kebaikan dan membenci keburukan.
3. Membentuk sikap yang berguna kepada negara.
4. Menghapuskan sikap yang negatif dalam menjalankan tugas yang bertanggungjawab.
5. Menghasilkan perkhidmatan yang bermutu.
6. Melatih diri dengan disiplin.
7. Menjalankan amanah dengan dedikasi.

Sebagai strategi bagi mencapai objektif ini beberapa nilai asas Islam telah dipilih untuk diterapkan kepada setiap individu iaitu sifat amanah, tanggungjawab, ikhlas, dedikasi, sederhana, tekun, berdisiplin, bekerjasama, berbudi mulia dan bersyukur. Sifat ini dipilih kerana ia merupakan unsur-unsur yang boleh diterima sebagai kunci kepada kejayaan dalam menjalankan urusan kehidupan terutamanya dalam pentadbiran sesebuah negara.

## PENGUNDI

Setiap warganegara Malaysia layak untuk menjadi pengundi sekiranya memenuhi Perkara 119, Perlembagaan Persekutuan iaitu:

1. Berumur 21 tahun pada tarikh kelayakan.
2. Bermaustatin dalam kawasan pilihan raya pada tarikh kelayakan atau jika tidak bermastautin adalah dianggap sebagai seorang pengundi yang tidak hadir.

Selain dua syarat tersebut, pengundi juga dianggap tidak layak mengundi sekiranya didapati tidak sempurna akal atau telah disabitkan atas sesuatu kesalahan dan dijatuhi hukuman bunuh atau hukuman penjara selama lebih dari 12 bulan (Mohd. Salleh

Abas, 1984:12). Namun begitu, bagi individu yang telah dianggap layak menjadi pengundi tetapi tidak mendaftarkan diri dalam Daftar Pengundi yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Pilihanraya, maka ia masih belum boleh mengundi dalam pilihan raya umum. Lantaran itu mendaftar sebagai pengundi yang sah adalah perlu bagi mengizinkan seseorang pengundi melaksanakan tanggungjawabnya.

## PENYATA RAHMAN TALIB

Kajian terhadap pelaksanaan dasar pendidikan kebangsaan telah dilakukan oleh jawatankuasa yang diketuai oleh Menteri Pelajaran, Persekutuan Tanah Melayu, Abdul Rahman Talib pada tahun 1960. Saranan-saranan yang dikemukakan oleh jawatankuasa tersebut yang juga dikenali sebagai Penyata Rahman Talib telah dimasukkan ke dalam Akta Pendidikan 1961. Saranan-saranan itu kemudiannya telah memainkan peranan penting dalam perkembangan pendidikan negara. Antara saranan yang dianggap penting ialah:

1. Pendidikan percuma di peringkat sekolah rendah.
2. Kenaikan automatik hingga ke tingkatan tiga.
3. Ujian penilaian di tahap darjah lima.
4. Memperbaiki sistem sekolah vernakular (sekolah rendah).
5. Memperluaskan pendidikan teknikal dan vokasional.
6. Bahasa Melayu diperkenalkan sebagai bahasa pengantar.
7. Bahasa rasmi harus digunakan untuk semua peperiksaan umum.
8. Pembesaran program latihan perguruan.
9. Menyediakan pengajian keagamaan dan moral.

## PENYATA RAZAK

Laporan Jawatankuasa Pendidikan atau lebih dikenali sebagai Penyata Razak telah dikeluarkan pada tahun 1956. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Menteri Pelajaran ketika itu iaitu Dato' Abdul Razak Hussein. Penyata ini penting bagi mengkaji semula dasar pendidikan negara. Penyata Razak telah membuat 17 cadangan atau saranan yang objektif utamanya untuk mewujudkan satu pendidikan kebangsaan dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar.

Antara saranan penting yang diajukan oleh Penyata Razak 1956 ialah:

1. Sistem persekolahan dipinda kepada dua kategori sahaja iaitu Sekolah Umum dan Sekolah Jenis Umum. Sekolah Umum menggunakan bahaša Melayu sebagai bahasa pengantar, sementara Sekolah Jenis Umum boleh menggunakan bahasa yang mereka pilih iaitu bahasa Inggeris, Cina dan Tamil.
2. Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris akan menjadi mata pelajaran wajib bagi semua sekolah.
3. Keempat-keempat sistem persekolahan dalam peringkat sekolah rendah akan diteruskan, kurikulumnya akan dipinda dan disesuaikan dengan menyerapkan unsur-unsur kebangsaan ke dalamnya.
4. Murid-murid Cina dan India boleh mempelajari bahasa mereka di Sekolah Jenis Umum (aliran Inggeris), jika terdapat permintaan daripada ibu bapa mereka.
5. Satu sukatan pelajaran yang sama harus digubal bagi semua sekolah rendah. Isi kandungan buku-buku teks haruslah mengandungi unsur-unsur kehidupan di Persekutuan Tanah Melayu.
6. Langkah-langkah haruslah diambil untuk mengembangkan Bahasa Kebangsaan di kalangan penduduk di Persekutuan Tanah Melayu.

(Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1985:8)

## PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI

Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) telah diperbadankan di tiap-tiap buah negeri di bawah enakmen kerajaan negeri masing-masing. Badan ini dipertanggungjawabkan untuk menjalankan aktiviti ekonomi di peringkat negeri. Kesemua 13 buah negeri di Malaysia telah pun menubuhkan PKEN masing-masing iaitu:

1. Perbadanan Kemajuan Negeri Perlis – Ogos 1973.
2. Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah – Ogos 1965.
3. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor – Ogos 1964.

4. Perbadanan Kemajuan Negeri Sembilan – Mac 1969.
5. Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka – September 1969.
6. Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang – 1965.
7. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang – November 1969.
8. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak – Oktober 1968.
9. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor – Ogos 1968.
10. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak – Mac 1972.
11. Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan – November 1965.
12. Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu – 1965.
13. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sabah – Disember 1971.

(*Malaysia*, 1988:245)

Tujuan utama penubuhan PKEN di setiap negeri adalah untuk memajukan ekonomi negeri masing-masing selaras dengan dasar kerajaan pusat. Ia akan berfungsi sebagai ejen amanah bagi pihak Bumiputera untuk menceburi bidang perdagangan dan perindustrian di samping bidang pertanian dan perladangan. Untuk itu, PKEN menjalankan aktivitinya berasaskan program seperti yang berikut:

1. Pembangunan kawasan perindustrian.
2. Perumahan.
3. Galakan perniagaan.
4. Pembangunan dan pembaharuan bandar.
5. Perladangan/pembanguanan tanah.
6. Pembinaan infrastruktur bagi pelancongan.
7. Pelaburan dalam syarikat.
8. Penswastaan.

## PERBADANAN NASIONAL BERHAD

Perbadanan Nasional Berhad (Pernas) ditubuhkan sebagai sebuah syarikat awam berhad pada 29 November 1969. Ia merupakan salah sebuah perbadanan yang ditubuhkan bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Justeru itu, Pernas dipertanggungjawabkan dengan usaha untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang pengurusan dan pemilihan sektor-

sektor perdagangan dan perindustrian negara.

Bagi mencapai tujuan tersebut, Pernas telah menubuhkan beberapa syarikat yang beroperasi dalam pelbagai bidang seperti pembinaan, perhotelan, perlombongan, dan insurans. Antara anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya termasuklah Pernas Construction Sdn. Bhd., Pernas Edar Sdn. Bhd., Pernas Engineering Sdn. Bhd., Pernas Securities Sdn. Bhd., Pernas Trading Sdn. Bhd. dan Pernas Hotel Chain Sdn. Bhd.

## PERDANA MENTERI

Perdana Menteri adalah ketua kerajaan yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Syarat menjawat jawatan Perdana Menteri ialah seseorang warganegara itu haruslah menjadi ahli Dewan Rakyat dan mendapat sokongan ahli-ahli dewan. Tugasnya yang utama ialah mempengerusikan kabinet. Selain itu, beliau juga bertanggungjawab terhadap hal ehwal dasar.

Perdana Menteri juga mempunyai tugas-tugas perlembagaan dan berkanun tertentu. Beliau menasihati Yang di-Pertuan Agong berhubung perlantikan para hakim, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Pilihanraya serta mengisi jawatan-jawatan kanan yang tertentu yang terdapat dalam perkhidmatan awam.

Sehingga kini Malaysia telah diterajui oleh empat orang Perdana Menteri iaitu:

1. Tunku Abdul Rahman Putra (1957 – 1970).
2. Tun Abdul Razak Hussein (1970 – 1976).
3. Tun Hussein Onn (1976 – 1981).
4. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad (1981 – sekarang).

## PERJANJIAN PANGKOR

Perjanjian Pangkor yang ditandatangani pada 17 Januari 1874 merupakan satu titik tolak kepada campur tangan pihak British di negeri-negeri Melayu. Perjanjian yang dimeterai antara Raja Abdullah dan Andrew Clarke mengandungi beberapa syarat seperti:

1. Sultan akan menerima seorang Residen British sebagai penasihat kepada sultan. Segala nasihat Residen hendaklah diikuti kecuali yang menyentuh agama Islam dan adat istiadat Melayu.

2. Semua pungutan dan kawalan cukai serta pentadbiran mestilah dijalankan atas nama sultan tetapi disusun mengikut nasihat Residen. Berasaskan Perjanjian Pangkor inilah kemudiannya pihak British telah menguasai satu persatu negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu.

## PERKAUMAN

Perkauman merupakan proses politik yang mana tiap-tiap kaum mengambil sikap menyokong parti yang mendokong kaum mereka sahaja. Fenomena seperti ini sememangnya ketara dalam sistem parti di Malaysia yang masyarakatnya bersifat pelbagai etnik. Perkara ini boleh dirujuk kepada perkembangan serta sokongan yang diberikan oleh sesuatu kaum kepada parti yang menggariskan perjuangan untuk kepentingan kaum mereka.

Unsur semangat perkauman ini diperkukuhkan lagi apabila kebanyakan parti yang cuba memperjuangkan pelbagai kaum kurang mendapat tempat di negara ini. Keadaan ini dapat dilihat bermula dari cubaan Indenpendence of Malaya Party (IMP) membawa kepada DAP, SDP, PEKEMAS dan parti-parti lain. Dalam hal ini, walaupun parti tersebut dari segi keanggotaannya disertai oleh pelbagai etnik tetapi kedominanan atau keunggulan pemimpin adalah dikawal oleh satu kaum sahaja. Situasi perkauman ini juga dapat diperhatikan kepada trend pengundi dalam setiap pilihan raya yang diadakan. Mana-mana parti yang lebih menekankan ciri-ciri perkauman akan mencapai kejayaan yang lebih cemerlang jika dibandingkan dengan parti yang cuba mengamalkan pelbagai etnik.

## PERKHIDMATAN AWAM

Menurut Mohd. Salleh Abas, perkhidmat awam pada asasnya merupakan kakitangan kerajaan yang berkhidmat untuk melaksanakan polisi-polisi yang telah ditetapkan oleh kerajaan dan juga memberi nasihat serta pandangan tentang polisi-polisi yang akan dibuat oleh kerajaan. Ia merupakan organisasi yang perlu bagi menjalankan jentera kerajaan.

Menurut Perkara 132 (1) Perlembagaan Persekutuan, istilah perkhidmatan awam terdiri daripada:

1. Angkatan Tentera.

2. Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang.
3. Perkhidmatan Awam Persekutuan.
4. Pasukan Polis.
5. Perkhidmatan Kereta Api.
6. Perkhidmatan Awam bersama yang tersebut dalam Perkara 133.
7. Perkhidmatan Awam tiap-tiap satu negeri.
8. Perkhidmatan Pelajaran.

Struktur perkhidmatan awam boleh dibahagikan kepada empat bahagian iaitu:

1. Bahagian 1 (kakitangan kategori A).
   Terdiri daripada pegawai-pegawai profesional dan pentadbir yang diambil daripada lepasan universiti.

2. Bahagian 2 (kakitangan kategori B).
   Terdiri daripada pegawai yang sekurang-kurangnya memerlukan pencapaian akademik sekolah menengah dan kolej. Biasanya terdiri daripada pegawai eksekutif dan juruteknik.
3. Bahagian 3 (kakitangan kategori C).
   Terdiri daripada pegawai-pegawai yang tergolong dalam pekerjaan perkeranian dan bukan profesional yang memperoleh pendidikan sehingga sekolah menengah.

4. Bahagian 4 (kakitangan kategori D).
   Terdiri daripada pekerja yang tidak mempunyai kepakaran dan hanya memiliki pendidikan peringkat sekolah rendah.

Walau bagaimanapun, pembahagian kategori ini telah termansuh apabila kerajaan memperkenalkan Sistem Saraan Baru. Melalui sistem ini kerajaan telah menggolongkan kakitangan kerajaan kepada tiga peringkat sahaja iaitu Kumpulan Pengurusan Tinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan.

Jumlah keseluruhan kakitangan dalam perkhidmatan awam adalah dianggarkan melebihi 866 473 orang yang merangkumi 24 kementerian (1996), 75 jabatan persekutuan, 13 pentadbiran kerajaan negeri dan 147 kerajaan tempatan. Perkhidmatan awam umumnya berfungsi sebagai:

1. Pembuat atau penggubal dasar.

2. Pelaksana dasar.
3. Ejen perubahaan.
4. Penyebar dan pengumpul maklumat.
5. Tali penghubung antara kerajaan dan rakyat.
6. Memberi perkhidmatan yang baik dan saksama bagi tujuan mencapai keadilan sosial yang maksimum.

## PERLEMBAGAAN

Perlembagaan merupakan satu dokumen yang mengandungi semua undang-undang yang menjadi sumber bagi memerintah negara. Ia adalah undang-undang tertinggi sesebuah negara. Terdapat dua jenis perlembagaan iaitu perlembagaan tidak bertulis (contohnya di United Kingdom) dan perlembagaan bertulis seperti di Malaysia, Amerika Syarikat dan India. Perlembagaan diwujudkan atas beberapa tujuan:

1. Untuk mencapai taraf atau cita-cita yang dikehendaki oleh rakyat.
2. Untuk menyelesaikan masalah.
3. Bagi menjamin riwayat sesebuah negara.
4. Untuk mengekalkan keamanan walaupun terdapat pindaan.
5. Perjalanan kerajaan dapat ditentukan.
6. Mengekalkan pemerintahan walaupun pemimpin bertukar.
7. Bagi menjamin kestabilan sesebuah negara.

Bagi mencapai tujuan ini, sesuatu perlembagaan bertulis mempunyai tiga sifat yang nyata iaitu:

1. Perlembagaan itu adalah kukuh dan sukar untuk dipinda.
2. Parlimen hanya berkuasa membuat undang-undang dalam perkara yang termaktub dalam perlembagaan dan dilarang membuat undang-undang yang bertentangan dengan kebebasan asasi.
3. Peranan mahkamah dalam mentafsir peruntukan-peruntukan perlembagaan dengan jelas dan muktamad iaitu mahkamah bertindak sebagai penjaga Perlembagaan.

(Mohd. Salleh Abas, 1984:6)

Jadual 11 Pembahagian Perlembagaan Malaysia

| Bahagian | Bab | Perkara |
|---|---|---|
| 1. Negeri, agama dan undang-undang bagi Persekutuan | | 1 – 4 |
| 2. Kebebasan asasi | | 5 – 13 |
| 3. Kewarganegaraan | 1. Perolehan kewarganegaraan | 14 – 22 |
| | 2. Penamatan kewarganegaraan | 23 – 28 |
| | 3. Tambahan | 29 – 31 |
| 4. Persekutuan | 1. Kepala utama negara | 32 – 37 |
| | 2. Majlis Raja-Raja | 38 |
| | 3. Pemerintah | 39 – 43 |
| | 4. Badan Perundangan | 44 – 65 |
| | 5. Acara Perundangan | 66 – 68 |
| | 6. Keupayaan terhadap harta kontrak dan guaman | 69 |
| 5. Negeri-negeri | | 70 – 72 |
| 6. Hubungan antara Persekutuan dan negeri | 1. Pembahagian kuasa perundangan | 73 – 79 |
| | 2. Pembahagian kuasa pemerintahan | 80 – 81 |
| | 3. Pembahagian beban kewangan | 82 |
| | 4. Tanah | 83 – 91 |
| | 5. Pembangunan negara | 92 |
| | 6. Tinjauan, nasihat Persekutuan kepada negeri | 93 – 95 |
| | 7. Majlis negara bagi Kerajaan Tempatan | 95A |
| | 8. Pemakaian bagi negeri Borneo | 95B – E |
| 7. Peruntukan kewangan | 1. Am | 96 – 112 |
| | 2. Pemakaian bagi negeri Borneo | 112A – D |
| 8. Pilihan raya | | 113–120 |

*Sambungan*

| Bahagian | Bab | Perkara |
|---|---|---|
| 9. Perhakiman | | 121 - 131 |
| 10. Perkhidmatan awam | | 132 - 148 |
| 11. Kuasa-kuasa khas menentang perbuatan subversif dan kuasa-kuasa darurat | | 149 - 151 |
| 12. Am dan pelbagai | | 152 - 160 |
| 12A. Perlindungan tambahan bagi negeri-negeri Borneo | | 161 |
| 13. Peruntukan sementara dan peralihan | | 162 - 180 |
| 14. Pengecualian bagi kedaulatan Raja-raja dan sebagainya | | 181 |

Di Malaysia, pembentukan perlembagaan telah diluluskan pada 27 Ogos 1957 dan dikuatkuasakan pada 31 Ogos 1957. Ia mengandungi 14 bahagian tentang perkara tertentu dalam Jadual 11.

Perlembagaan Persekutuan mengikut Artikel 159 dan 161 (E) boleh dipinda melalui empat cara:

1. Sesetengah perkara boleh dipinda hanya mengikut lebih suara dua pertiga dalam tiap-tiap Majlis Parlimen tetapi hanya jika Majlis Raja-Raja mengizinkan.
2. Sesetengah perkara yang mempunyai kepentingan khas kepada Sabah dan Sarawak boleh dipinda mengikut kelebihan suara dua pertiga dalam tiap-tiap Majlis Parlimen tetapi hanya Yang Dipertua Negeri berkenaan bersetuju.
3. Sesetengah perkara boleh dipinda mengikut kelebihan suara dua pertiga dalam tiap-tiap Majlis Parlimen dan tidak berkehendakan persetujuan sesiapa di luar parlimen.
4. Sesetengah perkara dan perkara ini bukanlah mustahak bolehlah dipinda mengikut kelebihan suara dua pertiga.

(Mohamed Suffian, 1987:457)

Tujuan utama perlembagan dipinda ialah untuk kebaikan semua dan supaya ketenteraman dapat diwujudkan. Antara perkara di dalam Perlembagaan yang pernah dipinda termasuklah:

1. Bahagian II Perkara 149 dan 151 (Akta Keselamatan Dalam Negeri).
2. Bahagian dua Perkara 10 Fasal 14 (Akta Hasutan 1948).
3. Bahagian 4 Perkara 66 Fasal 5 (kedudukan kedaulatan dan Raja-Raja Melayu).

## PERPADUAN NASIONAL

Perpaduan nasional memberi makna suatu proses menyatupadukan anggota masyarakat dan negara seluruhnya supaya tiap-tiap anggota masyarakat dapat membentuk identiti dan nilai bersama serta satu perasaan kebangsaan bersama di kalangan mereka.

Perpaduan nasional merupakan matlamat yang penting bagi semua negara yang bebas dan berdaulat kerana ia adalah satu jaminan terpenting untuk keutuhan negara dan pentadbirannya. Perkara ini menjadi bertambah penting bagi Malaysia yang mempunyai penduduk berbilang kaum. Bagi mencapai matlamat perpaduan nasional, tiga konsep utama telah cuba dititikberatkan sebagai asas terpenting iaitu selaras dengan ciri masyarakat majmuk negara ini:

1. Konsep perpaduan ideologi (yang cuba diterapkan melalui Rukun Negara).
2. Konsep perpaduan pendidikan.
3. Konsep perpaduan budaya.

## PERSATUAN INDONESIA MERDEKA

Persatuan ini ditubuhkan hasil gabungan beberapa pertubuhan politik di Semenanjung yang terdiri daripada PKMM, PETA, PERAM dan GERAM. Ia dibentuk dengan tujuan:

1. Membentuk kesatuan Indonesia.
2. Menyokong kemerdekaan Indonesia.
3. Menyebarkan berita tentang Indonesia.
4. Untuk membantu sebarang mala petaka di Indonesia.

5. Membantu dari segi nasihat pelajaran untuk kanak-kanak Indonesia.

Persatuan ini akhirnya terbubar tidak lama selepas penubuhannya.

## PERSEMPADANAN KAWASAN PILIHAN RAYA

Tugas ulang kaji dan persempadanan semula kawasan-kawasan pilihan raya adalah menjadi tanggungjawab Suruhanjaya Pilihanraya seperti yang telah diperuntukkan dalam Fasal 2 [I] Perkara 113 Perlembagaan Persekutan. Kajian uji kaji dan persempadanan ini dibuat pada suatu tempoh tidak lebih daripada sepuluh tahun dan tidak kurang lapan tahun. Proses persempadanan penting bagi menentukan pembangunan sesebuah kawasan yang telah dibahagikan sama ada dari aspek politik, ekonomi dan sosial berjalan seiring dengan pembangunan negara. Selain itu, ia juga bertujuan supaya segala perkhidmatan yang disalurkan oleh kerajaan terlaksana dengan licin dan berkesan.

Bagi melaksanakan sesuatu persempadanan baru kawasan pilihan raya, Suruhanjaya Pilihanraya terlebih dahulu memerlukan persetujuan daripada Yang Dipertua Dewan Rakyat dan Perdana Menteri. Kemudiannya barulah dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk dikuatkuasakan sebagai undang-undang. Persempadanan yang pernah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya ialah pada tahun 1958, 1974, 1984 dan 1995.

**Jadual 12** Persempadanan kawasan pilihan raya oleh Suruhanjaya Pilihanraya pada tahun 1959, 1974, 1984 dan 1995

| Tahun | Dewan Rakyat | Dewan Undangan Negeri |
|---|---|---|
| 1959 | 104 | 284 |
| 1974 | 154 | 408 |
| 1984 | 177 | 447 |
| 1995 | 192 | 498 |

*Sumber: Laporan Suruhanjaya Pilihanraya 1959, 1974, 1987 dan 1995.*

## PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

Persekutuan Tanah Melayu telah diisytiharkan penubuhannya pada 1 Februari 1948 bagi menggantikan Malayan Union. Menurut perlembagaan baru ini beberapa perkara yang menjadi pertikaian dalam Malayan Union telah digugurkan. Antara syarat Persekutuan Tanah Melayu 1948 ini ialah:

1. Persekutuan Tanah Melayu akan meliputi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat kecuali Singapura.
2. Raja-raja Melayu memperoleh kembali kedudukan asal mereka.
3. Kerajaan Persekutuan akan terdiri daripada seorang Persuruhjaya Tinggi British yang dilantik oleh British, sebuah Majlis Perundangan Persekutuan (75 orang ahli) serta Majlis Mesyuarat Kerja.
4. Syarat kerakyatan telah diperketatkan;
    i. Semua orang yang lahir di Persekutuan diberi taraf warganegara.
    ii. Mereka yang sudah menetap di negeri ini selama 15 hingga 20 tahun serta mempunyai pengetahuan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu.
5. Sebuah Majlis Raja-Raja ditubuhkan bagi menasihati Persuruhjaya Tinggi.
6. Kesemua sembilan buah negeri Melayu iaitu Kedah, Perlis, Perak, Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Kelantan, Terengganu dan Johor hendaklah mempunyai seorang ketua pentadbir yang bergelar Menteri Besar.
7. Jawatan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri adalah dikhaskan untuk orang Melayu sahaja.

(Lofti Ismail, 1982:250)

Sesungguhnya penubuhan Persekutuan 1948 ini merupakan satu tolak ansur terhadap pertikaian politik yang berlaku di Tanah Melayu.

## PILIHAN RAYA

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi ber-

parlimen, pilihan raya merupakan satu ciri yang utama. Tujuan pilihan raya diadakan adalah untuk memberi ruang kepada rakyat menggunakan hak mereka memilih kerajaan yang mereka percayai boleh memerintah serta mampu memenuhi kehendak rakyat. Pilihan raya boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu pilihan raya umum dan pilihan raya kecil.

Apabila pilihan raya umum diadakan, mana-mana parti yang berjaya memperoleh mandat daripada rakyat (sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah kerusi yang dipertandingkan), maka parti itulah yang berkuasa untuk memerintah. Tempoh mandat yang diberikan oleh rakyat kepada pemerintah ialah selama lima tahun. Setakat ini, Malaysia telah pun melalui sepuluh proses pilihan raya umum iaitu pada tahun 1955, 1959, 1964, 1969, 1974, 1978, 1982, 1986, 1990 dan 1995. Kesemua pilihan raya ini telah dimenangi oleh Barisan Nasional atau sebelumnya dikenali sebagai Perikatan.

Pilihan raya kecil diadakan dari semasa ke semasa apabila berlaku kekosongan bagi sesuatu kawasan pilihan raya sama ada di peringkat Dewan Rakyat mahupun Dewan Undangan Negeri. Kekosongan ini boleh berlaku kerana sebab seperti kematian ahlinya, diberhentikan atau dipecat ataupun atas sebab-sebab tertentu. Sehingga kini tidak kurang daripada 40 pilihan raya kecil telah diadakan semenjak tahun 1955.

## POLARISASI

Polarisasi ialah perkembangan dalam perbezaan melalui paksi perubahan yang menjadi punca konflik dan ketegangan, dan manusia sendiri terpaksa menyesuaikan dirinya dengan keadaan ini. Punca konflik ini akan diikuti oleh tindakan, terutamanya tindakan politik yang juga merupakan jentera perubahan. Pengabaian terhadap sesuatu polarisasi ini boleh membawa akibat yang buruk. Contohnya, polarisasi sosioekonomi pada tahun 1969. Polarisasi umumnya boleh berlaku dalam beberapa keadaan, antaranya:

1. Kekayaan dan kemiskinan.
2. Bandar dan luar bandar.
3. Timur dan barat.
4. Keagamaan

Jadual 12 Kerusi yang dimenangi oleh Perikatan/Barisan Nasional dari tahun 1955-1995

| Tahun | Tarikh p/raya | Pemenang | Jumlah kerusi yang dimenangi | Jumlah kerusi yang dipertandingkan |
|---|---|---|---|---|
| 1955 | 27 Julai | Perikatan | 51 | 52 |
| 1959 | 19 Ogos | Perikatan | 74 | 104 |
| 1964 | 25 April | Perikatan | 89 | 104 |
| 1969 | 10 Mei | Perikatan | 74 | 144 |
| 1974 | 8 Julai | B. Nasional | 135 | 154 |
| 1978 | 22 April | B. Nasional | 130 | 154 |
| 1982 | 3 Ogos | B. Nasional | 132 | 154 |
| 1986 | 21 Oktober | B. Nasional | 148 | 177 |
| 1990 | 24 Ogos | B. Nasional | 127 | 180 |
| 1995 | 24 April | B. Nasional | 161 | 192 |

Sumber: *Laporan Suruhanjaya Pilihanraya 1955, 1959, 1964, 1969, 1974, 1978, 1982, 1986, 1990 dan 1995.*

## POLITIK PERLEMBAGAAN

Politik perlembagaan membawa maksud elemen-elemen politik yang terdapat dalam Perlembagaan. Apabila Suruhanjaya Reid dipertanggungjawabkan untuk menggubal perlembagaan, terdapat lima perkara pokok yang diberikan perhatian utama iaitu:

1. Kedudukan Raja-raja Melayu.
2. Hak istimewa orang Melayu.
3. Hak kewarganegaraan.
4. Kedudukan agama Islam.
5. Bahasa Kebangsaan.

Kelima-lima elemen politik tersebut adalah perkara dasar yang tidak boleh dipersoalkan kedudukannya. Dengan kata lain, ia dilindungi oleh Perlembagaan dan perbicaraan secara terbuka boleh menyebabkan seseorang itu ditahan di bawah Akta Hasutan ataupun Akta Keselamatan Dalam Negeri.

## PROGRAM INDUK BELIA NEGARA

Program Induk Belia Negara (PIBN) telah dilancarkan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 31 Mei 1991. PIBN dibentuk berasaskan cita-cita dan hasrat untuk mewujudkan satu masyarakat yang progresif selaras dengan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020. PIBN merupakan perancang dan pelaksana program secara sistematik untuk disertai para belia negara agar melalui pelbagai aktiviti utama akan dapat diterapkan nilai-nilai tertentu yang dikira penting bagi proses pembentukan negera yang sedang dilaksanakan.

Program ini dianggap penting kerana golongan belia yang merangkumi hampir 50 peratus daripada penduduk negara ini merupakan aset yang penting dalam menentukan hala cara pembangunan dan bentuk kepimpinan negara pada masa akan datang. Tujuan asas program ini adalah untuk membentuk dan melengkapkan belia bagi menyertai dengan cergas segala segi pembangunan negara. Terdapat sepuluh program yang disusun dalam program ini, iaitu:

1. Malaysia Cergas.
2. Malaysia Cemerlang.
3. Malaysia Patriotik.
4. Malaysia Harmoni.
5. Malaysia Mahir.
6. Malaysia Mulia.
7. Malaysia Maju.
8. Malaysia Sejagat.
9. Malaysia Prihatin.
10. Malaysia Berbudaya.

## PRIMODIALISMA

Primodialisma adalah sentimen yang berdasarkan kesetiaan dan ikatan semula jadi seperti hubungan darah, keturunan, bangsa dan agama yang sama. Dengan ini ia akan menambahkan semangat kekitaan yang terlalu menebal di kalangan sesuatu etnik dan akhirnya akan mewujudkan sentimen perkauman.

## PUSAT TENAGA RAKYAT

Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) ditubuhkan pada 22 Februari 1947. Ia merupakan hasil daripada gabungan beberapa buah parti politik Melayu aliran kiri seperti Parti Kebangsaan Melayu Malaya, Angkatan Pemuda Insaf, Angkatan Wanita Sedar, Barisan Tani Se-Malaya (BATAS), Hizbul Muslimin dan Gerakan Angkatan Muda (GERAM).

Tujuan penubuhan PUTERA adalah untuk mewujudkan gabungan yang padu di kalangan parti-parti politik Melayu kiri bagi memberi saingan kepada UMNO. PUTERA dipimpin oleh Ishak Hj. Muhamad (Ahmad Boestamam, 1972). Antara dasar perjuangannya adalah:

1. Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.
2. Perkara yang berkaitan dengan hal ehwal luar negara dan pertahanan mestilah merupakan tanggungjawab bersama antara kerajaan Tanah Melayu dan kerajaan British.
3. Istilah Melayu haruslah digunakan untuk semua warganegara Tanah Melayu.
4. Bendera kebangsaan Tanah Melayu haruslah mengandungi warna kebangsaan Melayu iaitu merah putih seperti bendera Indonesia – Sang Saka Merah Putih.

(Zainal Abidin Wahid, 1971:128)

## PUTERA-AMCJA

Gabungan PUTERA-AMCJA yang dibentuk pada bulan Januari 1947 bertujuan menentang perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang dicadangkan oleh UMNO. Perlembagaan Rakyat (Ten People's Principles) dikemukakan pada 20 Januari 1947 sebagai alternatif. Walau bagaimanapun, cadangan oleh PUTERA-AMCJA ini telah ditolak oleh pihak British. Penolakan ini secara langsung telah mengubah taktik perjuangan PUTERA-AMCJA daripada cara lembut kepada cara yang lebih radikal. Langkah yang diambil oleh gabungan ini untuk menyekat pengisytiharan penubuhan perlembagaan baru ialah dengan menganjurkan siri mogok hartal di seluruh negara. Walau bagaimanapun, rancangan ini akhirnya telah bertukar menjadi rusuhan kaum apabila orang Melayu merasai ketuanannya tercabar setelah sebahagian besar

mogok-mogok tersebut dilakukan oleh orang bukan Melayu. Ini menjadikan ikatan PUTERA-AMCJA akhirnya putus dan berpecah terutama apabila pada 1 Februari 1948, Edward Gent mengisytiharkan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu.

# R

## RAJA/SULTAN/YAM TUAN BESAR

Terdapat sembilan buah negeri di Malaysia yang mempunyai Raja/ Sultan. Negeri-negeri tersebut ialah:

| Negeri | Gelaran yang digunakan |
|---|---|
| Perlis | Raja |
| Johor | Sultan |
| Selangor | Sultan |
| Kelantan | Sultan |
| Terengganu | Sultan |
| Kedah | Sultan |
| Perak | Sultan |
| Negeri Sembilan | Yang Dipertuan Besar |
| Pahang | Sultan |

Perkara 71 (1) Perlembagaan Persekutuan menjamin hak seorang Raja untuk mewarisi, menikmati dan menjalankan hak-hak perlembagaan dan keistimewaan menurut perlembagaan negeri baginda (Mohamed Suffian Hashim, 1974:51). Bagi menjalankan tugas, baginda boleh bertindak menurut budi bicaranya mengikut Jadual Kelapan Perkara 71 (2).

1. Melantik seorang Menteri Besar.

2. Tidak mempersetujui permintaan membubarkan Dewan Undangan Negeri.
3. Apa-apa tugas sebagai Ketua Agama Islam atau mengenai adat istiadat Melayu.
4. Melantik waris, Permaisuri, Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja.
5. Melantik orang memegang pangkat, gelaran, kemuliaan dan kebesaran di sisi adat Melayu dan menetapkan tugas-tugas berkenaan dengannya.
6. Membuat peraturan-peraturan mengenai balai-balai diraja dan istana-istana.

## RAJA BERPERLEMBAGAAN

Konsep Raja Berperlembagaan merupakan satu konsep yang demokratik. Raja Berperlembagaan bermaksud dalam setiap perkara yang penting, dari segi undang-undang dan dasar-dasar, baginda (raja-raja) hanya akan mematuhi nasihat kabinet bagi Yang di-Pertuan Agong dan ahli exco negeri bagi raja-raja di setiap negeri. Baginda (raja-raja) tidak boleh melakukan sesuatu yang bertentangan dengan perlembagaan (Zurina Majid, 1985:18).

Namun begitu, semua undang-undang negara akan dibuat atas nama Yang di-Pertuan Agong. Dengan kata lain, Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja tidak mempunyai hak untuk campur tangan dalam pentadbiran negara secara khusus. Baginda hanyalah lambang atau simbol negara dan punca kedaulatan.

## RANCANGAN BRIGGS

Rancangan Briggs yang mengambil sempena nama Harold Briggs (pengarah gerakan menentang komunis pada tahun 1950) merupakan satu kaedah petempatan semula setinggan yang tinggal berhampiran hutan ke suatu kawasan baru yang dilindungi pihak polis. Petempatan baru ini dinamakan Kampung Baru. Tujuan Rancangan Briggs ini ialah:

1. Untuk melindungi penduduk yang terdedah kepada ancaman dan serangan komunis.
2. Untuk mencegah penduduk daripada memberikan bantuan dan bekalan makanan dan perubatan kepada komunis.

Terdapat kira-kira 500 buah kampung petempatan semula di dalam Rancangan Briggs ini. Di kawasan ini dilengkapi pelbagai kemudahan asas seperti pusat kesihatan, sekolah, bekalan elektrik dan air.

## RANGKA RANCANGAN JANGKA PANJANG

Dalam usaha kerajaan memajukan negara dengan cara yang teratur lagi berkesan , satu kaedah pembangunan jangka panjang telah dibentuk. Kaedah ini dinamakan Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP). Sehingga kini terdapat dua Rangka Rancangan Jangka Panjang telah dilaksanakan iaitu:

1. Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama.

   Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama merupakan satu tempoh yang telah ditetapkan bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB). Bermula pada tahun 1971, RRJP 1 merangkumi program lima tahun berikut:

   1. Rancangan Malaysia Kedua (1971 – 1975).
   2. Rancangan Malaysia Ketiga (1976 – 1980).
   3. Rancangan Malaysia Keempat (1981 – 1985).
   4. Rancangan Malaysia Kelima (1986 – 1990)

2. Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua.

   RRJP Kedua dirangka bagi mengantikan RRJP Pertama yang telah tamat tempohnya. RRJP Kedua ini meliputi tempoh dari tahun 1991 – 2000. Penggubalan RRJP Kedua berlandaskan dasar baru yang diberi nama Dasar Pembangunan Nasional (DPN). Dasar baru ini akan terus mengekalkan strategi asas DEB iaitu pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat supaya dapat diperbaiki ketidakseimbangan sosial dan ekonomi antara kaum dan dengan itu akan menyumbang ke arah mengukuhkan perpaduan negara.

   (*Malaysia*, 1991:4)

## RAPAT UMUM

Rapat umum merupakan salah satu cara berkempen yang diguna-

kan oleh parti-parti politik, individu yang bertanding atau pengikutnya bagi tujuan menarik pengundi menyokong dan memilih calon mereka. Lazimnya, rapat umum ini diadakan secara besar-besaran di padang mahupun di kawasan lapang. Rapat umum juga merupakan salah satu cara bagaimana calon menerangkan dasar-dasar dan matlamat perjuangannya pada pilihan raya 1955, 1959, 1964 dan 1969. Pengamalan rapat umum sebelum pilihan raya ini walau bagaimanapun telah diharamkan semasa pilihan raya Dewan Undangan Negeri Kelantan 1978 dan seterusnya dikuatkuasakan ke seluruh negara sehinggalah sekarang.

## RAS

Menurut van den Berghe (1967:9), ras merupakan satu kelompok manusia yang menggangap diri atau dianggap oleh kelompok lain sebagai berbeza kerana mempunyai ciri- ciri fizikal yang tertentu dan tidak boleh diubah. Justeru itu, kumpulan ras adalah kelompok manusia yang mempunyai persamaan dari segi ciri fizikal seperti warna kulit, hidung, telinga, mata dan bibir.

## RUKUN NEGARA

Rukun Negara telah dibentuk selepas peristiwa 13 Mei 1969. Ia dianggap sebagai satu ideologi negara yang diharap dapat membentuk peraturan hidup atau norma hidup kepada setiap anggota masyarakat di dalam negara ini. Kepatuhan kepada prinsip-prinsip yang termaktub pada Rukun Negara dalam kehidupan seharian, pastinya dapat memupuk rakyat ke arah perpaduan dan mengukuhkan pembentukan negara. Prinsip-prinsip Rukun Negara adalah:

1. Kepercayaan kepada Tuhan.
2. Kesetiaan kepada Raja dan Negara.
3. Keluhuran Perlembagaan.
4. Kedaulatan Undang-undang.
5. Kesopanan dan Kesusilaan

## RUKUN TETANGGA

Konsep Rukun Tetangga adalah berasaskan konsep kejiranan yang

bertujuan untuk mewujudkan sikap bekerjasama, bantu membantu serta bertanggungjawab terhadap kawasan sejiran. Ia telah diperkenalkan Tun Abdul Razak Hussein pada tahun 1974. Pengamalan konsep ini kemudiannya telah diperluaskan hingga ke Sabah pada tahun 1985 (Sarawak masih meneruskan Rancangan Perhubungan Masyarakat). Pelaksanaan sektor Rukun Tetangga ini terbahagi kepada tiga kategori iaitu:

1. Kategori 1 – kawasan Rukun Tetangga yang dianggap aman dan bebas daripada jenayah.
2. Kategori 2 – kawasan yang menunjukkan ketenteraman dan keselamatan didapati mula merosot.
3. Kategori 3 – kawasan yang keselamatannya terancam dan penglibatan penduduk secara langsung diperlukan untuk memulihkan keadaan.

(*Malaysia*, 1986:26)

## RUNDINGAN BALING

Rundingan Baling diadakan pada tahun 1955 antara pihak kerajaan yang diwakili oleh Tunku Abdul Rahman, Tan Cheng Lock dan David Marshall (Ketua Menteri Singapura) dengan pihak Parti Komunis Malaya yang diwakili oleh Chin Peng dan Rashid Mydin. Rundingan ini merupakan satu usaha kerajaan untuk menamatkan perjuangan komunis di negara ini. Rundingan ini berakhir dengan kegagalan. Pihak Chin Peng dan rakan-rakannya telah kembali semula ke dalam hutan untuk meneruskan perjuangannya menentang kerajaan.

# S

## SABAH CHINESE ASSOCIATION

Parti Sabah Chinese Association (SCA) yang ditubuhkan pada tahun 1961 merupakan gabungan parti-parti kecil yang masing-masing berpusat di Sandakan, Kota Kinabalu dan Tawau. Pada bulan Januari 1980, SCA bergabung dengan Sabah Chinese Consolidated Party (SCCP).

## SABAH CHINESE CONSOLIDATED PARTY

Sabah Chinese Consolidated Party (SCCP) ditubuhkan pada 21 Januari 1980 melalui gabungan dengan Sabah United Chinese Party (SUCP). Kebanyakan ahli SCCP terdiri daripada golongan profesional seperti eksekutif, akauntan, peguam dan juga peniaga.

## SABAH DEMOCRATIC RAKYAT PARTY

Sabah Democratic Rakyat Party (SEDAR) telah didaftarkan pada 14 September 1976. Pengasas dan presidennya ialah Musa bin Datuk Hj. Taulani bersama dengan Abdul Hamid Hj. Bulat sebagai Setiausaha Agung. Dasar perjuangannya adalah untuk membela kaum Bumiputera Sabah.

## SABAH PROGRESSIVE PARTY (SAPP)

Parti ini diasaskan pada 21 Januari 1994 oleh Datuk Yong Teck Lee dan dibantu oleh Tham Nyip Shen sebagai Setiausaha Agung.

jumlah ahli parti ini adalah seramai 22 722 orang dengan 262 cawangan. Parti ini menganggotai Barisan Nasional dalam pilihan raya tahun 1994 dan memenangi tiga daripada tujuh kerusi yang ditandingi.

## SARAWAK ALLIANCE PARTY

Sarawak Alliance Party (SAP) telah dibentuk pada 31 Januari 1963 oleh gabungan parti Barjasa, SNAP, Pesaka dan SCA. Ia ditubuhkan bagi membentuk pemerintahan bersama setelah tiada parti yang memenangi kerusi majoriti dalam pilihan raya 1963. Pemimpin pertama parti ini yang juga menjawat jawatan Ketua Menteri ialah Stephen Kalong Ningkan dari parti SNAP. Beliau kemudiannya diganti oleh Tawi Sli dari Parti Pesaka yang bergabung dengan parti Barjasa bagi membentuk Parti Pesaka Bumiputera Bersatu. Setelah memerintah selama sepuluh tahun, pada tahun 1973, kebanyakan parti dalam Perikatan Sarawak ini kemudiannya telah menyertai Barisan Nasional pada tahun 1976 hingga kini.

## SARAWAK CHINESE ASSOCIATION

Sarawak Chinese Association (SCA) ditubuhkan pada bulan Julai 1962 hasil usaha dua kumpulan peniaga Cina iaitu suku Teochew dan suku Foochow. Pengerusi pertama SCA ialah Datuk William Tan. SCA dibentuk atas dasar tidak puas hati terhadap perjuangan SUPP. Pada umumnya, SCA mendapat sokongan berasaskan kumpulan dialek dan berperanan sebagai parti untuk menjaga kepentingan orang Cina yang kaya.

## SARAWAK DEMOCRATIC BERSATU

Parti Sarawak Democratic Bersatu (BERSATU) ditubuhkan pada 28 Mac 1978 dan berpusat di bandar Kuching. Parti ini telah dibubarkan pada tahun 1986.

## SARAWAK NATIONAL PARTY

Sarawak National Party (SNAP) ditubuhkan pada 10 April 1961. Pengasas SNAP ialah J.S. Tinker dan dibantu oleh Stephen Kalong Ningkan sebagai setiausaha. Penubuhan SNAP bertujuan untuk

memberi alternatif kepada kaum Dayak yang menyertai SUPP, Panas dan Barjasa. Pada dasarnya, perjuangan SNAP adalah untuk memelihara kepentingan kaum Iban walaupun ia mendakwa sebagai parti berbilang kaum. Di peringkat awal perkembangan politik di Sarawak, SNAP telah berjaya membentuk kerajaan dengan Stephen Kalong Ningkan menjadi Ketua Menteri sehingga tahun 1966. Kemudiannya, SNAP telah keluar daripada Perikatan Sarawak dan menjadi parti pembangkang dengan slogan 'Sarawak for Sarawakians'. Walau bagaimanapun, parti ini telah menyertai semula Barisan Nasional pada 21 Jun 1976 dan membentuk kerajaan bersama-sama Parti Bumiputera Bersatu (PBB).

## SARAWAK PEOPLE'S ORGANIZATION

Sarawak People's Organization (SAPO) dipimpin oleh Raymond Szetu. Parti ini ditubuhkan pada tahun 1976 dengan dasar perjuangan parti 'Sarawak for Sarawakians'. Oleh itu, isu yang sering diketengahkan oleh SAPO adalah berkenaan dengan ketidakadilan kerajaan pusat terhadap negeri Sarawak, khususnya dalam hal pembahagian hasil minyak. Pada dasarnya, parti ini dibentuk kerana timbul rasa tidak puas hati terhadap SNAP yang menyertai Barisan Nasional pada tahun 1976.

## SARAWAK UNITED PEOPLE'S PARTY

Sarawak United People's Party (SUPP) telah didaftarkan pada 12 Jun 1959. Parti ini dipimpin oleh Ong Kee Hui sebagai pengerusi dan Stephen Yong sebagai setiausaha. Di peringkat awal, SUPP telah mendapat sokongan yang kuat daripada semua kaum di Sarawak. SUPP merupakan parti politik pertama ditubuhkan di Sarawak. Objektif perjuangan SUPP ialah:

1. Memajukan kegiatan politik rakyat Sarawak dengan cara perlembagaan dan dengan tujuan memperoleh kemerdekaan.
2. Menubuhkan satu kerajaan yang berasaskan demokrasi berparlimen.
3. Menggalakkan dan memastikan kemajuan ekonomi dan kebudayaan semua kaum dan seterusnya untuk memperbaiki keadaan ekonomi pekerja dan mereka yang berpendapatan rendah.

4. Mengekalkan perpaduan dan menyatukan semua bangsa dan untuk menggalakkan rakyat Sarawak bersemangat berdikari.

Bagi mencapai matlamat ini SUPP melandaskan perjuangannya kepada ideologi pelbagai kaum dan demokratik sosialisme. Pada tahap awal, parti SUPP merupakan pembangkang yang kuat dalam arena politik Sarawak iaitu dari tahun 1963 hingga 1970. Namun demikian, selepas pilihan raya 1970, SUPP telah bergabung dengan parti Bumiputera, SCA dan Pesaka untuk membentuk kerajaan campuran sehingga kini.

SUPP kini dipimpin oleh Dato' Amar Dr. Wong Soon Kai. Jumlah ahli SUPP seramai 77 000 orang.

## SEMANGAT 46

Parti Semangat 46 diasaskan pada 5 Mei 1989 hasil daripada cubaan bekas pemimpin UMNO lama untuk menghidupkan semula parti yang telah diharamkan oleh Mahkamah Tinggi pada 4 Februari 1988. Dengan bermotokan 'Bersatu, Bersedia, Berkhidmat', Semangat 46 meletakkan asas perjuangannya seperti yang berikut:

1. Memelihara dan mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan dan keperibadian Malaysia.
2. Mendukung Perlembagaan Malaysia, perlembagaan negeri dan mempertahankan prinsip-prinsip yang terkandung di dalamnya, terutamanya tentang agama rasmi (Islam), kedaulatan Raja-Raja Melayu, Bahasa Kebangsaan (bahasa Melayu), Hak-hak Asasi, Hak Keistimewaan Orang Melayu dan Bumiputera.
3. Berusaha untuk melahirkan satu bangsa yang kuat dan bersatu.
4. Menjalankan segala ikhtiar bagi kemajuan ekonomi dan kebajikan ahli-ahli, rakyat Melayu dan Bumiputera khasnya dan rakyat Malaysia amnya.

Di peringkat awal penubuhannya, Semangat 46 diterajui oleh Osman Akhir dengan dibantu oleh Abdul Razak Wahab. Walaupun begitu, tidak lama selepas itu pimpinan parti ini telah diambil oleh bekas pemimpin dari parti UMNO lama yang diketuai oleh

Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Presiden, Datuk Rais Yatim sebagai Timbalan Presiden, Dato' Harus Idris, Dato' Zainal Abidin Zin, Rahmah Osman, Dato' Manan Osman dan lain-lain lagi.

Semangat 46 dalam menghadapi pilihan raya 1990 telah mengadakan kerjasama dengan beberapa buah parti pembangkang yang lain dengan merintis pembentukan dua parti gabungan bagi menghadapi Barisan Nasional. Gabungan yang pertama ialah Gagasan Rakyat yang disertai oleh Parti Rakyat Malaysia dan Demotratic Action Party (DAP), manakala yang kedua ialah Angkatan Perpaduan Umah yang dianggotai oleh Parti Islam Se-Malaya (PAS), Hamim dan Berjasa. Usaha Semangat 46 ini, walau bagaimanapun menemui jalan buntu dan gagal memenuhi matlamat untuk memerintah negara. Selepas pilihan raya itu, ramai daripada pemimpin dan ahli-ahli Semangat 46 keluar dari parti tersebut dan kembali menyertai UMNO (baru) yang dipimpin oleh Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Dalam pilihan raya tahun 1990, Semangat 46 memenangi lapan kerusi Dewan Rakyat. Manakala dalam pilihan raya tahun 1995, Semangat 46 hanya memenangi enam kerusi Dewan Rakyat.

Parti ini telah dibubarkan pada 6 Oktober 1996. Ahli-ahli parti ini ramai yang telah menyertai UMNO.

## SEMARAK

Gagasan Semarak atau Setia Bersama Rakyat telah dilancarkan pada 5 Mac 1988 oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad di Lubok Jong, Pasir Mas, Kelantan. Matlamat asas Semarak adalah untuk merapatkan hubungan antara rakyat dengan pemerintah sebagai usaha melengkapkan proses pembinaan negara. Ia juga untuk membolehkan rakyat memahami masalah negara dari semasa ke semasa. Terdapat tujuh perkara yang ditekankan dalam gagasan Semarak ini:

1. Setia Khidmat – bersatu tenaga dan fikiran untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab bersama.
2. Setia Bakti – menjalankan kerja gotong royong tanpa mengira pangkat dan kedudukan.
3. Setia Jasmani – bekerja dan bersukan bersama-sama untuk mempupuk muhibah dan kemesraan di samping membina kesihatan jasmani.

4. Setia Hati – menjalankan amal ibadat untuk mendapatkan rahmat dan keredaan Allah.
5. Setia Budi – sifat kemuliaan dan keikhlasan insan dapat dipupuk dan diperbaiki terutamanya antara kumpulan dan jiran.
6. Setia Kawan – memajukan hubungan antara kaum.
7. Setia Negara – puncak segala kesetiaan.

Gagasan Semarak umumnya akan dilaksanakan di peringkat negeri dan daerah. Di peringkat negeri akan diadakan sebulan sekali dan dibolehkan juga dua kali sebulan bagi negeri-negeri yang mempunyai lebih daripada 12 kerusi parlimen. Di peringkat ini pemimpin berpeluang membincang, memberi penerangan tentang isu-isu semasa dan menjawab kemusykilan rakyat dengan adanya wakil rakyat dan pemimpin-pemimpin tertinggi yang turut serta. Di peringkat daerah, proses yang sama juga akan dijalankan di samping melakukan kegiatan gotong royong membersih kawasan masjid dan tanah perkuburan.

## SISTEM KEUTAMAAN AM

Sistem Keutamaan Am (GSP) adalah skim yang diperkenalkan oleh Amerika Syarikat dan Kanada bagi membolehkan hasil-hasil industri negara membangun memasuki pasaran negaranya. Di bawah skim ini, negara-negara yang terlibat akan diberi subsidi cukai import bagi membolehkan barangan tersebut menjadi murah dan dapat bersaing di negara itu. Sebagai balasannya negara-negara penerima harus memberikan hak pekerja yang diiktiraf antarabangsa serta melindungi hak harta intelektual.

Malaysia umumnya telah menerima skim GSP ini bermula dari 1 Januari 1976, untuk tempoh sepuluh tahun (sehingga tahun 1986). Selepas itu tempoh ini telah dilanjutkan lagi sehingga 4 Julai 1993 mengikut Akta Perdagangan dan Tarif 1984. Melalui skim ini pada tahun 1989, barang eksport Malaysia ke Amerika Syarikat yang bernilai RM4700 juta (kira-kira AS$1000 juta) tidak dikenakan cukai.

Kedudukan Malaysia dalam GSP ini walau bagaimanapun sering diganggu gugat terutamanya pada tahun 1987 dan 1990. Pada tahun 1987, Persekutuan Buruh Amerika, Kongres Pertubuhan Perlindungan (AFL-CIO) dan Asia Watch telah menuntut

agar skim GSP Malaysia digugurkan. Namun usaha ini gagal. Manakala pada tahun 1990, tuntutan yang sama telah dikemukakan oleh AFL-CIO, Hak Asasi-asasi Antarabangsa Buruh bagi Pelajaran dan Tabung Penyelidikan, Persaudaraan Antarabangsa Pekerja Elektronik, Oil Drill Corporation (kemudiannya menarik diri) dan Majlis Ternak serta Telur Amerika Syarikat (tarik diri). Mereka mendakwa Malaysia telah melanggar hak pekerja di firma-firma elektronik Amerika Syarikat di Malaysia. Usaha ini telah gagal dan skim GSP Malaysia dapat dikekalkan sehingga tamat tempohnya pada tahun 1997.

## SISTEM PEMEGANG AMANAH

Sistem Pemegang Amanah merupakan satu strategi pembangunan yang diperkenalkan di bawah DEB. Melalui sistem ini:

1. Keputusan tentang peruntukan belanjawan dan sumber serta keutamaan pelaburan dilakukan mengikut peraturan dan cara yang ditetapkan oleh pemegang amanah.
2. Kuasa terhadap sumber ekonomi adalah terletak dalam tangan pemegang amanah dan terpisah daripada pihak yang memilikinya.

Pada asasnya, di bawah sistem pemegang amanah ini terdapat dua kumpulan utama yang mengendalikannya iaitu:

1. Kumpulan atasan iaitu merupakan sekumpulan kecil yang membuat keputusan politik.
2. Kumpulan kedua iaitu yang bertindak sebagai orang tengah dalam melaksanakan, menjalankan dan mengawal pelbagai program dan projek yang dibentuk di bawah sistem ini.

Justeru itu, maju atau mundur sesuatu syarikat adalah sangat bergantung pada keputusan pemegang amanah dan cara keputusan ini dilaksanakan. Sekiranya keputusan-keputusan ini cekap dan saksama, maka kedua-dua matlamat pembangunan iaitu pengeluaran dan agihan boleh dicapai dengan lebih berkesan. Di bawah DEB, terdapat pelbagai syarikat atau perbadanan yang diuruskan oleh Sistem Pemegang Amanah, antaranya PERNAS dan Permodalan Nasional Berhad.

## SISTEM POLITIK MELAYU TRADISI

Sistem politik Melayu tradisi adalah merujuk kepada sistem pemerintahan Tanah Melayu sebelum kedatangan British. Sistem ini telah diwarisi daripada Kesultanan Melayu Melaka yang bersifat feudal dengan mengamalkan sistem bersultan dan pembesar Melayu. Di bawah sistem ini, sultan merupakan puncak sistem politik bagi sesebuah negeri. Lazimnya, baginda akan menggunakan gelaran yang berbeza-beza mengikut negeri masing-masing seperti raja ataupun sultan (selepas kedatangan Islam). Dalam sistem ini, sultan adalah sebagai ketua negara, agama dan sekaligus sebagai hakim. Pemerintahan yang diamalkan adalah berdasarkan warisan turun-menurun. Sultan dapat mengekalkan kuasa dan pemerintahannya berdasarkan konsep daulat dan derhaka; 'Pantang Melayu derhaka kepada Rajanya'.

Dari segi pentadbiran, sultan akan dibantu oleh lima orang pembesar yang penting iaitu:

1. Bendahara – penasihat sultan.
2. Temenggung – ketua polis.
3. Syahbandar – pemungut cukai pelabuhan.
4. Penghulu Bendahari – ketua perbendaharaan negara.
5. Laksamana – ketua angkatan laut dan pengiring sultan.

Setiap pembesar ini akan berkhidmat terus kepada sultan dan merupakan orang penting berdasarkan warisan. Selain itu, terdapat juga pembesar-pembesar peringkat daerah. Mereka ini ditugaskan menjaga keamanan dan undang-undang di daerah mereka. Pelantikan mereka adalah atas restu dan persetujuan sultan. Secara keseluruhannya, sistem politik Melayu tradisi adalah berdasarkan sistem Pembesar Empat Lipatan.

**Kawasan dan pemerintah mengikut sistem politik Melayu tradisi**

| | | |
|---|---|---|
| Negeri | → | Sultan/Raja/Yam Tuan |
| Daerah | → | Orang Besar |
| Kampung | → | Penghulu |

Sistem politik Melayu tradisi ini juga mengamalkan undang-undangnya sendiri yang berpandukan kepercayaan lama dan adat-adat mereka. Terdapat dua sistem undang-undang dan peraturan

yang lazimnya dipraktikkan iaitu Adat Pepatih dan Adat Temenggung.

## SISTEM RESIDEN

Sistem Residen adalah bentuk pemerintahan British di negeri Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan yang berperanan sebagai penasihat kepada sultan. Di setiap negeri akan dilantik seorang pegawai yang berjawatan Residen. Pelaksanaan sistem Residen ini banyak mencatatkan kepincangannya kerana pada tahap tertentu, Residen sebenarnya memainkan peranan yang melampaui batas sebagai seorang penasihat. Lanjutan dari itu, seringkali berlaku pertelagahan di antara pembesar-pembesar Melayu dengan Residen. Contoh yang jelas ialah apabila berlakunya pembunuhan Residen Perak, J.W.W Birch pada bulan September 1875 di Pasir Salak.

Memandangkan banyak kelemahan yang terdapat dalam sistem ini terutamanya pemilikan kuasa Residen yang tiada kawalannya, British pada tahun 1896 telah menggantikannya dengan sistem pemerintahan persekutuan.

## SOCIALIST DEMOCRATIC PARTY

Socialis Democratic Party (SDP) ditubuhkan pada tahun 1978 di Pulau Pinang. Parti ini diketuai oleh Yeap Ghiam Guan dan Fan Yew Teng. Umumnya, parti ini mempunyai polisi serta dasar perjuangan yang hampir sama dengan DAP.

## SOSIALISASI POLITIK

Sosialisasi politik merujuk kepada proses mempelajari norma dan tingkah laku politik yang diterima dalam sesuatu sistem politik. Dengan kata lain, ia merupakan satu proses individu membiasakan diri dalam sesuatu sistem politik. Proses ini penting sebagai penghubung antara sosial dan sistem politik serta penentuan penglibatan politik individu dalam satu sistem politik. Sosialisasi ini lazimnya dijalankan oleh ejen-ejen seperti keluarga, sekolah, rakan sebaya, media massa, parti politik dan institusi yang berkaitan.

## SURUHANJAYA

Suruhanjaya dibentuk oleh pihak kerajaan sama ada secara tetap atau khas bertujuan mewujudkan agensi-agensi yang dapat bergerak secara bebas untuk menjalankan tugas mereka dengan objektif, adil dan saksama. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan dua jenis suruhanjaya yang dibentuk, iaitu:

1. Suruhanjaya Pilihanraya.
2. Suruhanjaya perkhidmatan seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Pelajaran, Suruhanjaya Perkhidmatan Kereta Api, Suruhanjaya Pasukan Polis serta Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

Prinsip kebebasan yang dimiliki oleh setiap suruhanjaya adalah antara ciri penting. Justeru itu, bagi menjamin kebebasan suruhanjaya, anggotanya akan dilantik khas oleh Yang di-Pertuan Agong setelah berunding dengan Majlis Raja-Raja selepas menimbangkan nasihat Perdana Menteri. Pentadbir suruhanjaya akan dikendalikan oleh urusetia yang diketuai oleh setiausaha selaku pegawai pentadbir utama agensi itu.

Selain suruhanjaya di atas, kerajaan juga boleh menubuhkan suruhanjaya khas yang berbentuk sementara. Biasanya ia bertujuan mengkaji sesuatu perkara atau masalah dan membuat perakuan kepada kerajaan bagi menyelesaikannya. Contoh pembentukan suruhanjaya seperti ini ialah Suruhanjaya BMF dan Suruhanjaya Letupan Mercun di Sungai Buluh. Selain di peringkat Persekutuan, kerajaan negeri juga boleh membentuk suruhanjaya masing-masing.

## SURUHANJAYA PILIHANRAYA

Bagi memastikan pilihan raya dijalankan dengan bebas dan adil, Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 113 telah memperuntukkan pembentukan satu badan bebas dikenali sebagai Suruhanjaya Pilihanraya (SPR). Ahli badan ini dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong setelah berunding dengan Majlis Raja-Raja. Suruhanjaya ini mengandungi seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tiga orang ahli lain. Mereka tidak boleh dipecat atau dilucutkan jawatan melainkan mendapat pandangan

**Jadual 13** Senarai pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya 1955–1995

| Tahun | Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya |
|---|---|
| 1955 | T.E. Smith |
| 1959 | Hj. Mustapha Albakri |
| 1964 | Hj. Mustapha Albakri |
| 1969 | Tan Sri Dato' Ahmad Perang |
| 1974 | Tan Sri Dato' Ahmad Perang |
| 1978 | Dato' Abdul Kadir Talib |
| 1982 | Tan Sri Dato' Abdul Kadir Talib |
| 1986 | Tan Sri Dato' Abdul Kadir Talib |
| 1990 | Dato' Harun Din |
| 1995 | Dato' Harun Din |

dan syor daripada Jemaah Hakim yang membentuk tribunal.

Suruhanjaya Pilihanraya bertanggungjawab untuk mengendalikan pilihan raya Dewan Rakyat dan semua Dewan Undangan Negeri. Selain itu, ia juga boleh menjalankan pilihan raya Dewan Negara dan kerajaan tempatan sekiranya dikehendaki oleh undang-undang. Suruhanjaya ini juga dipertanggungjawabkan untuk menjalankan penyemakan atau mengubah kawasan pilihan raya di samping membuat peraturan untuk menjalankan tugasnya.

## SURUHANJAYA COBBOLD

Suruhanjaya Cobbold yang mengambil sempena nama Lord Cobbold dibentuk bagi meninjau pendapat penduduk Sabah dan Sarawak tentang gagasan Malaysia. Suruhanjaya yang memulakan tugasnya pada bulan Februari 1962, dianggotai oleh Tan Sri Ghazali Shafie, Dato' Wong Pow Nee, The Rt. Hon Lord Cobbold, David Watherston dan Anthony Abell. Dalam menjalankan tugasnya di Sabah dan Sarawak, mereka telah berjumpa dengan lebih 4000 orang penduduk serta menerima lebih kurang 2000 memorandum dan surat daripada berbagai-bagai persatuan, sama ada politik, agama, kemasyarakatan mahupun kesatuan sekerja.

Suruhanjaya ini kemudiannya telah mengemukakan laporannya pada bulan Jun 1962. Menurut laporan ini, lebih kurang 80 peratus penduduk Sabah dan Sarawak bersetuju menyertai gagasan Malaysia. Berasaskan laporan inilah kemudiannya Persekutuan Malaysia telah ditubuhkan pada 16 September 1963.

## SURUHANJAYA PERLEMBAGAAN

Suruhanjaya Perlembagaan dibentuk bertujuan menggubal Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu sebagai persediaan menjadi sebuah negara yang berdaulat dan merdeka. Suruhanjaya Perlembagaan ini telah mengadakan sidang pertamanya pada bulan Jun 1956 dengan dianggotai oleh Lord Reid (Pengerusi), Ivov Jennings (Britain), William McKell (Australia), B. Malik (India) dan Abdul Hamid (Pakistan). Di peringkat awal, suruhanjaya ini telah menerima sebanyak 131 memorandum daripada pelbagai pihak sebagai pandangan ke arah pembentukan perlembagaan tersebut. Namun begitu, dua memorandum yang dianggap terpenting serta diberi perhatian ialah yang diserahkan oleh Raja-raja Melayu dan parti Perikatan. Pada bulan Februari 1959, Suruhanjaya Perlembagaan ini telah mengeluarkan satu rang perlembagaan yang antara lain mengandungi cadangan:

1. Hak bagi rakyat Komanwel untuk memiliki dua kerakyatan hendaklah diiktiraf.
2. Suruhanjaya bersetuju menjadikan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi dalam tempoh sepuluh tahun. Selain itu, penggunaan bahasa Kuo Yu dan Tamil hendaklah dibenarkan dalam Majlis Perundangan. Walau bagaimanapun, cadangan ini kemudiannya telah dipinda oleh parti Perikatan yang berkuasa di ketika itu.

# T

## TANAH SIMPANAN MELAYU

Kewujudan Tanah Simpanan Melayu atau Tanah Rezab Melayu bertujuan memberi perlindungan kepada kepentingan tanah milik orang Melayu. Langkah ini telah dibuat pada tahun 1913 melalui undang-undang Malay Reservations Enactment 1913. Dengan adanya undang-undang ini, tanah simpanan Melayu boleh dilindungi melalui dua cara:

1. Melarang pihak pemerintah memberi milik tanah dalam kawasan rezab Melayu kepada orang bukan Melayu.
2. Melarang segala urusan kepada orang bukan Melayu dilakukan terhadap tanah dalam kawasan rezab Melayu yang dimiliki oleh orang Melayu.

Undang-undang Tanah Simpanan Melayu ini adalah di bawah kekuasaan tiap-tiap negeri di Malaysia. Mereka berhak untuk meminda atau membatalkan mana-mana peruntukan dalam enakmen negerinya mengikut kehendak dan dasar kerajaan negeri itu walaupun ada beberapa aspek yang tertakluk kepada Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan. Pada masa ini terdapat kira-kira 4.3 juta ekar tanah simpanan Melayu iaitu kira-kira 13 peratus daripada keluasan semua tanah di Semenanjung Malaysia.

## TEORI PENGASINGAN KUASA

Teori pengasingan kuasa telah mula diketengahkan sejak zaman Aristotle. Kemudiannya, John Locke telah cuba memperkemas-

Tok Kenali (Kelantan), Tuan Hussein (Kedah), Tok Guru Abas, dan Haji Matshafie (Terengganu).

## UNDANG-UNDANG

Undang-undang boleh diertikan sebagai satu cara formal untuk mengawal masyarakat yang melibatkan penggunaan peraturan yang telah diwartakan dan ia boleh dikuatkuasakan oleh mahkamah bagi sesuatu kawasan politik yang diterima oleh masyarakat. Undang-undang mempunyai fungsi dan kegunaan yang penting dalam masyarakat yang antaranya:

1. Undang-undang mencipta satu corak peraturan awam termasuk menghalang kekerasan.
2. Membolehkan satu-satu institusi menjadi sah; dengan mengamalkannya ia dapat mengawal masyarakat.
3. Melengkapkan sistem kerasionalan dan kalkulabiliti dalam mengatur hubungan yang kompleks antara individu-individu dan kumpulan masyarakat.
4. Mewujudkan kestabilan, pengekalan dan perubahan.
5. Mencipta dan menguatkuasakan nilai-nilai norma.
6. Undang-undang mewujudkan kebebasan.

Undang-undang yang ada pada hari ini bukanlah terbentuk dengan serta merta, sebaliknya mempunyai sejarah kewujudannya. Justeru itu, undang-undang sentiasa berubah mengikut masa dan keadaan dengan berasaskan sumber tertentu, iaitu:

1. Adat resam.
2. Agama.
3. Perbincangan saintifik.
4. Pengadilan atau hukuman.
5. Perundangan.

Terdapat beberapa jenis undang-undang yang diamalkan di negara ini, iaitu:

1. Undang-undang Negara.
2. Undang-undang Tatacara dan Dasar.
3. Undang-undang Awam dan Undang-undang Persendirian.
4. Undang-undang Lazim.
5. Undang-undang Sivil.

6. Undang-undang Jenayah.
7. Undang-undang Bandaraya dan Antarabangsa.

## UNDI POS

Undi pos boleh ditakrifkan sebagai pengundi-pengundi yang namanya ada di dalam senarai Daftar Pengundi, membuang undi tanpa perlu hadir di kawasan yang telah ditetapkan. Mereka boleh membuang undi di kawasan mereka bertugas. Golongan yang lazimnya mengundi melalui pos ini ialah:

1. Anggota tentera dan polis (serta ahli keluarga – sekiranya layak).
2. Pegawai kerajaan yang menjalankan tugas di luar negeri.
3. Pelajar yang melanjutkan pelajaran di luar negeri.
4. Ahli atau petugas pilihan raya.
5. Individu-individu yang mendapat kebenaran mengundi melalui pos.

## UNDI ROSAK

Undi rosak bermakna undi yang tidak sah atau tidak dikira dalam menentukan pemilihan calon. Perkara ini boleh terjadi, apabila pengundi memangkah kertas undi di luar daripada peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya. Lazimnya, undi rosak berlaku atas beberapa sebab:

1. Kejahilan pengundi itu sendiri.
2. Sebagai protes tertentu di kalangan pengundi.
3. Kesalahan teknik seperti tiada pengesahan surat doktor kalau terdapat pengundi yang cacat, sakit yang mewakilkan kepada orang lain untuk mengundi bagi pihaknya.

## UNIT PERANCANG EKONOMI

Unit Perancang Ekonomi (UPE) merupakan agensi perancangan utama kerajaan yang bertanggungjawab untuk menggubal dasar, strategi dan program pembangunan ekonomi negara bagi jangka masa sederhana dan panjang. Objektif UPE ialah menyediakan rangka perancangan bagi mempercepatkan pertumbuhan pem-

bangunan ekonomi negara melalui penggemblengan sumber di dalam dan luar negara dengan berkesan dan juga mewujudkan dasar strategi dan program untuk pembangunan ekonomi negara. UPE juga merancang, menyelaras, mengawasi dan menilai pelaksanaan dasar program penswastaan dari segi keberkesanan dan pencapaian matlamat kerajaan berkaitan dengan dasar ini.

UPE bertanggungjawab menentukan kegiatan pelaburan dalam bidang korporat dan pemilikan aset tetap dilaksanakan selaras dengan matlamat hak milik DEB serta memberi nasihat kepada kerajaan tentang isu-isu ekonomi serta mengadakan penyelidikan yang diperlukan. Selain itu, ia juga ditugaskan menyelaras bantuan dari luar negara untuk projek pembangunan dan Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP).

## UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN

Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP) dibentuk di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1972. Tujuan penubuhannya adalah untuk menyelaraskan pelaksanaan dasar-dasar dan rancangan pembangunan di seluruh negara. Unit ini bertindak sebagai saluran komunikasi dua hala antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan Negeri bagi mewujudkan integrasi dalam pelaksanaan dasar dan program serta projek khas kerajaan.

Dalam memastikan pelaksanaan program dan projek pembangunan, UPP ditugaskan menjadi urusetia kepada Majlis Tindakan Negara yang merupakan forum tertinggi bagi mengawasi perjalanan jentera pembangunan negara. Unit Penyelarasan Pelaksanaan ini mempunyai pejabat kemajuan negeri di Semenanjung Malaysia, Jabatan Pembangunan Negeri di Sarawak dan Jabatan Pembangunan Persekutuan di Kelantan dan Sabah yang merupakan pejabat-pejabat cawangannya di peringkat negeri.

## UNIT PENYELIDIKAN SOSIOEKONOMI

Unit Penyelidikan Sosioekonomi (SERU) dibentuk pada 1 Januari 1980 hasil gabungan Unit Penyelidikan Sosioekonomi dan Perancangan Am (SERGPU) dengan Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia (MCDS). Matlamat utama SERU adalah seperti yang berikut:

